

DN.8.8.2001

[DOKUMEN INI BELUM DISEMAK]

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
Rabu, 8 Ogos 2001**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

[Soalan No. 1 - Y.B. Tuan Kee Ah Kau tidak hadir]

2. **Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun** minta Menteri Kewangan menyatakan perkembangan terkini kajian yang telah dibuat bertujuan untuk menswastakan urusan pinjaman perumahan pegawai dan kakitangan kerajaan.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, setelah mengkaji kemungkinan penswastakan urusan pinjaman perumahan pegawai dan kakitangan sektor awam kerajaan telah memutuskan untuk tidak menswastakan aktiviti ini. Bagaimanapun kerajaan bercadang untuk mengkorporatkan Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan yang menjalankan aktiviti ini sebagai sebuah perbadanan kerajaan demi mempertingkatkan kecekapan dan mutu perkhidmatan agensi tersebut.

Biasanya kalau kita lihat daripada linear progression, dengan izin, sebuah entiti kerajaan itu dikorporatkan dahulu selepas itu apabila sudah bagus perjalanannya barulah diswastakan.

Tindakan susulan untuk mengkorporatkan BPP sedang dilaksanakan dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan juga Jabatan Peguam Negara dan kerajaan bercadang menyempurnakan pengkorporatan BPP ini pada tahun 2002. Terima kasih.

Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, sekiranya seseorang penjawat awam meminjam Skim Perumahan dan telah pun diluluskan tetapi projek perumahan yang hendak dibeli terbengkalai,

bolehkah Kementerian Kewangan menolong pegawai-pegawai berkenaan supaya insurans bulanan itu diberhentikan.

Yang kedua, bagaimana kelulusan diberi kepada pemohon yang membeli rumah flat tanpa mempunyai hak strata. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, jika seseorang penjawat awam meminjam daripada pinjaman perumahan untuk membayar rumah yang dibeli dan telah diluluskan dan diminta bayar insurans tiap-tiap bulan tetapi malangnya pemaju perumahan berkenaan yang tersebut tidak dapat menyempurnakan, kerana projek terbengkalai, maka kita minta kalau boleh orang yang meminjam iaitu penjawat awam itu meminta surat daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengesahkan bahawa projek itu projek terbengkalai dan kita akan menghentikan potongan bulanan itu. Selepas itu jika dia hendak membeli perumahan yang lain kita akan minta pegawai yang berkenaan mengisi borang yang baru dan membuat permohonan yang baru.

Mengenai hak milik strata ini menjadi satu masalah yang besar terutamanya di Kuala Lumpur kerana hak milik strata adalah seperti juga hak milik individu, kalau individu di mana hak milik strata adalah dikeluarkan mengikut Akta Hak Milik Strata dan dikeluarkan kepada pemilik-pemilik petak kediaman. Kalau seorang penjawat awam misalnya dia membeli satu flat tingkat 80, maka blok itu ataupun petak itu hendaklah mempunyai certified property ataupun hak milik strata. Walhal kalau kita di kampung hak milik individu dikeluarkan kepada milik-milik rumah yang bertanah.

Jadi, kita dapati bahawa ada percanggahan di sini. Kalau misalnya pegawai penjawat awam itu membeli tingkat 80 di petak itu, tetapi tidak lagi diberi hak milik strata maknanya kerajaan tidak dapat memegang apa-apa cagaran daripada peminjam itu. Walau bagaimanapun, kita menanti CF tingkat 80 itu ataupun kita minta semua pelan keseluruhan (master plan).

Jadi, ini yang payah hendak diberi oleh pihak pembangunan yang membangunkan flat berkenaan kerana apabila diberikan pelan keseluruhannya maknanya sekarang ini kita hanya dapat memegang secara keseluruhan tetapi tidak memegang strata individu yang mempunyai milik strata tingkat 80 tadi.

Kalau di Sabah dan di Sarawak ia tertakluk kepada Kanun Tanah Negara masing-masing dan kedua-dua hak milik strata dan hak milik individu hanya boleh dikeluarkan setelah rumah siap dan mempunyai kebenaran menduduki ataupun

permission permit tetapi dalam keadaan di Semenanjung diberi kelonggaran supaya dapat kita terima master plan diberi keseluruhan rumah pangsa itu. Terima kasih.

Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya bilakah Skim Pembiayaan Perumahan secara Islam dimulakan oleh kementerian dan berapa ramai yang telah memohon melalui skim ini dan betulkah bahawa pinjaman secara Islam lebih membeban jika dibandingkan dengan pinjaman secara konvensional. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, kita mengamalkan konsep 'Laikrahafiddin' – tidak ada paksaan dalam agama dan 'Lakumdrukum Waliadin' dan kita seperti juga sektor-sektor lain sektor perbankan ada pilihan sama ada bank Islam dan juga kita ada bank konvensional. Dari segi pinjaman perumahan ini juga kita beri dua pilihan. Pertama, cara konvensional dan juga cara Islam dan pinjaman cara Islam ini atas prinsip syariah di atas landasan Al-bai' Bithaman 'Ajil dan telah dimulakan pada 1 Jun 1994.

Jadi, Al-bai' Bithaman 'Ajil ini bermakna jualan dengan harga tangguh atau jualan dengan bayaran ansuran iaitu menjual sesuatu dengan disegerakan penyerahan harta yang dijual kepada pembeli dan ditangguhkan bayaran balik harga sehingga ke satu yang ditetapkan.

Ini akan berjalan di atas kadar keuntungan 4% setahun di atas prinsip 'Muqasah' dan oleh itu tidak benarlah ada pendapat yang mengatakan bahawa SPPI pinjaman secara Islam adalah lebih membebankan jika dibandingkan dengan SPP kerana kalau kita lihat insurans Takaful misalnya, kalau kita beli kereta kita ambil insurans biasa dari insurans Takaful. Insurans Takaful agak mahal tetapi dalam jangka panjang insurans Takaful akan lebih murah pasal ia tidak ada NCB tetapi ia akan pulang balik duit keuntungan apabila kita hendak membaharui insurans. Dari segi jumlah pemohon oleh kerana kita baru sahaja melancarkannya pada tahun 1994 dibandingkan dengan konvensional 1970.

Dilihat perangkaan tahun 1999 sahaja SPP iaitu konvensional sebanyak 20,475 pinjaman yang telah diluluskan dan SPPI secara Islam 14,216. Nampaknya telah berjaya kita meminta orang-orang yang mahu meminjam cara Islam berbuat demikian. Tahun 2000 jumlah pemohon konvensional 18,875 dan jumlah pemohon SPPI melalui syariah ini ialah sebanyak 12,538.

Jadi, kalau kita lihat pada keseluruhannya tidaklah benar yang mengatakan bahawa peminjaman cara Islam ini membebankan. Terima kasih.

3. **Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim** minta Menteri Penerangan menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil bagi memastikan pihak RTM menyiarkan lebih banyak rancangan-rancangan yang bercorak pendidikan agar dapat mendidik rakyat selaras dengan dasar kerajaan.

Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian Penerangan senantiasa mengawasi strategi siaran RTM bagi menentukan RTM menyiarkan rancangan-rancangan yang bercorak pendidikan.

Bagi tahun 2001 TV1 menyiarkan 39 jam atau 30.5% waktu siaran seminggu rancangan-rancangan bercorak edutainment dan 56.1 jam atau 44% waktu siaran seminggu rancangan-rancangan bercorak infotainment berbanding dengan 32.5 jam atau 25.5% waktu siaran seminggu rancangan-rancangan hiburan.

TV2 pula menyiarkan 13 jam atau 12.21% waktu siaran seminggu rancangan-rancangan edutainment dan 26.5 jam atau 24.8% waktu siaran seminggu rancangan-rancangan infotainment berbanding 67 jam atau 62.91% waktu siaran seminggu rancangan-rancangan bercorak hiburan.

Bagi tahun 2001 ini juga rancangan-rancangan bercorak edutainment dan infotainment di TV1 dan TV2 akan ditambah dengan bahan-bahan tempatan manakala rancangan bercorak hiburan di kedua-dua saluran akan dikurangkan secara beransur-ansur. Terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kita lihat hari ini satu ancaman baru kepada remaja kita iaitu masalah Black Metal yang mengancam remaja generasi baru hari ini.

Jadi, apakah peranan yang dimainkan oleh Kementerian Penerangan di dalam mengatasi gejala ini yang kita yakin kementerian mempunyai ruang yang sangat luas dalam membendung gejala ini.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita tinjau secara keseluruhan rancangan-rancangan yang disiarkan melalui kedua-dua saluran TV kita selain daripada rancangan-rancangan yang umum kita juga mempunyai rancangan-rancangan yang khusus seperti menampung keperluan-keperluan remaja, kanak-kanak, agama dan juga dokumentari serta talk show.

Jadi, melalui program-program ini kita cuba daripada satu ke satu masa untuk mengetengahkan program-program yang boleh melentur maksud saya dan membimbing generasi muda kita terutama sekali ke arah landasan yang betul. Tinggal lagi pada hemat saya Tuan Yang di-Pertua, kita cuma boleh memberikan pendedahan ini. Apa jua bentuk persoalan dan permasalahan yang menyelubungi generasi muda kita saya fikir penjaga-penjaga juga mempunyai peranan yang amat penting dan berkesan untuk membanteras apa juga persoalan dan permasalahan sosial yang melanda generasi muda kita.

Kita melalui siaran-siaran kita senantiasa memantau pelbagai perkembangan dan cuba mengetengahkan pelbagai program yang kesemuanya bertujuan bukan sahaja untuk memberikan hiburan tetapi yang lebih penting daripada itu ialah untuk membimbing masyarakat kita terutama sekali generasi muda ke arah yang benar dan betul. Terima kasih.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apakah tindakan kementerian untuk mengadakan perhubungan dengan kementerian-kementerian di negara-negara ASEAN supaya lebih banyak program-program dari negara-negara ASEAN dapat ditayangkan di negara kita supaya rakyat di negara kita ini dapat melihat dan memperbandingkan macam mana pembangunan, kebudayaan, hiburan yang ada di negara-negara ASEAN ini dapat diperbandingkan dengan yang ada di negara kita supaya kita lebih selesa melihat keadaan di negara kita dibandingkan dengan negara-negara ASEAN yang lain. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, memang ini menjadi salah satu daripada ikhtiar dan usaha yang kita buat untuk membolehkan masyarakat kita, rakyat kita mengikuti pelbagai perkembangan terutama sekali yang berlaku di kawasan ataupun negara-negara rantau ini. Malahan ada beberapa program yang khusus yang kita siarkan di sepanjang masa seperti 'Islam di Nusantara' merupakan satu contoh di mana banyak dan pelbagai perkembangan yang berlaku di negara-negara sahabat yang kita ketengahkan melalui saluran TV kita.

Selain daripada menyiarkan bahan-bahan yang bersesuaian adakala dan ketikanya kita juga menghantar wartawan-wartawan kita ke tempat-tempat yang khusus untuk mendapatkan pelbagai bahan yang kita siarkan dari satu masa ke satu masa. Kita memang ada satu bentuk kerjasama di kalangan negara-negara ASEAN untuk bertukar-tukar maklumat, bertukar-tukar bahan penerangan sebagai usaha dan

cara membolehkan rakyat di negara-negara ASEAN mengikuti dengan lebih dekat akan perkembangan-perkembangan yang berlaku di negara masing-masing.

Insya-Allah, kita akan cuba pertingkatkan usaha untuk mendapatkan lebih banyak lagi bahan-bahan siaran bagi diberikan pendedahan kepada rakyat kita. Terima kasih.

4. Tuan Yew Tuan Chiew minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, langkah-langkah yang diambil kepada penjenayah kes-kes rogol dan pembunuhan difahamkan jumlah kes seumpama ini meningkat sejak kebelakangan ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, daripada Januari hingga Mei 2001, sebanyak 6 kes rogol telah dilaporkan sementara pada tahun lepas sebanyak 14 kes telah dilaporkan. Antara langkah-langkah yang telah diambil terhadap penjenayah kes-kes rogol ini ialah mereka akan ditangkap sekiranya laporan telah dibuat dan ditahan reman di bawah Seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah. Bagi kes-kes rogol yang melibatkan pembunuhan pula, penjenayah-penjenayah ini akan terus direman sementara menunggu perbicaraan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menyedari kes seumpama ini agak meningkat sejak kebelakangan ini. Antara faktor yang dikenal pasti ialah pengaruh daripada filem-filem lucah, ini antara, yang dijual secara haram oleh penjual-penjual VCD. Justeru, atas pengenalan ini kerajaan telah pun mengambil langkah-langkah yang drastik bagi membanteras kegiatan ini dengan melarang penjualan VCD lucah di mana-mana dan mengarahkan operasi-operasi bersepadu dijalankan oleh agensi-agensinya seperti Pasukan Polis Diraja Malaysia, Bahagian Penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan pihak berkuasa tempatan dan sebagainya untuk memerangi pengedaran dan penjualan VCD lucah ini.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, saya ingin tahu dalam rekod kerajaan yang dapat dikesan, lingkungan umur berapakah perogol dan penjenayah sering kali berlaku dan adakah terdapat perogol di bawah umur 15 tahun? Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Pertamanya saya hendak menjawab bahawa perogol-perogol ini terdiri daripada beberapa lapisan umur dan tidak...., macam mana saya hendak bubuh ayat ini...., tidak terkecuali orang yang merogol atau

perogol ini di atas daripada umur 70 tahun dan yang kena rogol di bawah daripada umur 15 tahun.

Yang mendukacitakan ialah bukan sahaja yang melihat VCD lucah ini yang menjadi perogol, yang tidak melihat VCD lucah ini pula yang kena rogol. Yang paling menghinakan ialah perogol-perogol daripada kalangan keluarga sendiri. Di antara abang dan adik, di antara ayah dan anak dan di antara datuk dan cucu. Ini di kalangan masyarakat Islam pun ada dan kita mengambil tindakan yang sama ke atas mereka walaupun ia berlaku di kalangan keluarga sendiri.

Di samping itu Yang Berhormat, ada juga yang kita mendengar tetapi laporan tidak sampai kepada kita. Oleh sebab itu kita tidak dapat mengesahkan sama ada ianya berlaku ataupun tidak. Hanya dapat disahkan apabila anak-anak yang berkenaan ataupun cucu yang berkenaan mengandung dan melahirkan anak. Kadang-kadang kalangan yang hendak melahirkan anak juga tidak melaporkan kepada kita. Hanya disahkan oleh pihak-pihak yang berwajib ataupun yang mengendalikan ketika kelahiran ini berlaku.

Daripada kejadian-kejadian yang haram ini, maka tidak hairan jika terdapat berita-berita yang mengatakan ada anak-anak yang dibuang di tempat-tempat yang sebagai satu tempat yang boleh membunuh kelahiran ini ataupun yang boleh membunuh anak yang lahir daripada kerja sumbang dan haram ini. Insya-Allah, kerajaan sentiasa mengambil tindakan dan kerajaan khasnya di bawah Kementerian Dalam Negeri mendapat kerjasama daripada semua pihak kecuali dengan puak-puak yang perogol ini sahaja yang tidak mendapat kerjasama kerana mereka ini buta perasaan dan buta perut. Terima kasih.

Tuan K.R.A. Naidu: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada pihak polis yang berjaya menyelesaikan beberapa kes jenayah seperti pembunuhan dan rogol baru-baru ini. Dengan ini kepercayaan orang ramai ke atas keselamatan diri adalah dikukuhkan dan orang ramai akan juga sanjung tinggi perkhidmatan pihak polis.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kementerian Dalam Negeri menyatakan, bilangan pemuda India yang memohon untuk menyertai pasukan polis negara dalam exercise pengambilan kadet polis baru-baru ini dan peratus yang berjaya dipilih. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, ini tanya fasal bilangan polis menyertai Pasukan Polis Diraja Malaysia ini adakah berkaitan dengan

perogolan. *[Ketawa]* Kalau Yang Berhormat mahu juga, ini adalah di luar daripada soalan asal tetapi kalau Tuan Yang di-Pertua benarkan, boleh kita beritahu.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: *[Bangun]*

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tidak, hendak beri jawapan dahulu. Bilangan anggota polis atau pemohon kepada kemasukan anggota Pasukan Polis Diraja Malaysia oleh kalangan orang-orang muda India, kalau saya tidak salah tadi ya. Sebenarnya kita daripada segi sistem permohonan untuk diterima masuk ataupun dipilih ke dalam Pasukan Polis Diraja Malaysia beberapa bulan yang lepas kita telah mengubah cara pendekatannya iaitu mana-mana anak muda yang berminat untuk menjadi anggota polis dijemput secara temu duga terbuka.

Saya sehingga hari ini tidak mengetahui kerana kita sentiasa meneruskan pada masa-masa yang tertentu, di tempat-tempat yang tertentu untuk anak-anak rakyat Malaysia dengan berkelulusan sekurang-kurangnya SPM untuk menyertai dalam Pasukan Polis Diraja Malaysia. Secara umumnya saya hendak memaklumkan, tawaran ini tidak sangat menarik begitu ramai, bukan tidak ada langsung, kalangan masyarakat keluarga anak-anak muda India dan begitu juga di kalangan anak-anak muda orang-orang Tionghua.

Berapa ramai di antara yang telah hadir temu duga itu dipilih, saya akan memaklumkan kepada Yang Berhormat tetapi kita sentiasa menjalankan penemu dugaan ini mengikut masa dan tempat yang tertentu dan sentiasa terbuka kepada semua rakyat Malaysia.

Yang keduanya, ia bukan sahaja melibatkan dengan masyarakat India, terdapat juga rungutan daripada masyarakat Cina. Saya telah menjawab soalan ini, kalau tidak salah saya dalam persidangan yang lalu, masyarakat Cina juga tidak ramai memohon kerana kalau tidak salah ada falsafah yang dipegang oleh masyarakat Cina. Kalau tidak, boleh betulkan balik pandangan ataupun falsafah yang kita ketahui ini. Orang-orang Cina mengatakan kalau anak-anak yang pandai, jangan diberi bekerja yang memakai pakaian uniform.

Jadi, fahaman dan pegangan ini adalah tidak membenarkan orang Cina bekerja dengan memakai uniform. Lebih baik bekerja di kalangan yang tidak memakai uniform, bermakna dalam sektor korporat tetapi falsafah daripada kalangan masyarakat India, saya tidak dapat. Maka, tidak dapatlah saya menerangkan

mengapa anak-anak daripada kalangan orang India tidak ramai untuk menyertai dalam Pasukan Polis Diraja Malaysia ini. Terima kasih.

5. **Tuan Zainal bin Rampak** minta Menteri Kesihatan menyatakan, memandangkan negara kekurangan doktor seperti yang dilaporkan di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, apakah kerajaan bercadang untuk membina sebuah Universiti Perubatan di negara ini bagi melahirkan lebih ramai para doktor untuk berkhidmat kepada rakyat . Apakah nisbah doktor dengan jumlah penduduk di sesuatu kawasan di negara ini setakat bulan Jun 2001.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S.G. Sothinathan]:

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan sebuah kolej atau universiti di negara ini adalah dalam bidang kuasa Kementerian Pendidikan. Kementerian Kesihatan walau bagaimanapun memberikan kemudahan penggunaan facilities di hospital dan klinik kerajaan sebagai tempat latihan bagi pelajar-pelajar perubatan sama ada dari universiti pendidikan swasta atau awam mengikut perjanjian yang telah ditandatangani dengan beberapa universiti atau kolej perubatan tempatan dan Kementerian Kesihatan.

Penghasilan doktor di negara ini dijangka akan bertambah banyak dengan wujudnya beberapa institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang menawarkan pengajian bidang perubatan. Kementerian Kesihatan pada masa ini mengadakan perjanjian dengan beberapa universiti awam dan kolej swasta di negara ini yang menawarkan pengajian bidang perubatan bagi penggunaan hospital-hospital kerajaan sebagai tempat bagi melatih dan mengajar pelajar-pelajar perubatan.

Sehingga hari ini terdapat sebanyak 6 buah universiti awam tempatan dan 4 buah universiti swasta yang mengadakan kerjasama sedemikian dengan Kementerian Kesihatan. Kerajaan juga masih menghantar pelajar-pelajar untuk pengajian dalam bidang perubatan ke luar negara bagi menampung keperluan tenaga pegawai perubatan negara.

Dianggarkan seramai 919 graduan akan dihasilkan pada tahun 2002 iaitu seramai 707 oleh universiti awam dan 212 oleh kolej atau universiti swasta. Jumlah ini dijangka meningkat kepada 968 dan 1,059 graduan pada tahun-tahun berikutnya.

Nisbah doktor dengan penduduk bagi negara ini untuk tahun 2001 adalah seorang doktor bagi 1,386 orang penduduk.

Dr. T. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian sedar bahawa beberapa doktor daripada universiti dan kolej di luar negeri sukar lulus dalam peperiksaan yang dijalankan oleh universiti-universiti

tempatan walaupun kelayakan-kelayakan mereka telah diiktiraf oleh WHO. Inilah doktor-doktor yang tidak diiktiraf daripada kolej-kolej perubatan dan universiti di luar negara seperti negara Rusia, India, Indonesia, Taiwan dan sebagainya. Memandangkan kekurangan doktor-doktor di negara kita, bagaimanakah kementerian akan menolong mereka untuk lulus dalam peperiksaan ini.

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, kebenaran yang diberikan untuk graduan-graduan yang menjadi doktor perubatan daripada luar negara adalah tertakluk kepada, dengan izin, second schedule dalam Medical Act kita tetapi apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat adalah pelajar-pelajar yang tergolong dalam unscheduled universities di mana pelajar-pelajar ataupun graduan-graduan ini dibenarkan untuk menduduki peperiksaan yang akan disediakan oleh Majlis Perubatan Malaysia.

Sekiranya mereka lulus peperiksaan tersebut, maka mereka boleh mengamalkan amalan kedokteran di negara kita tetapi kementerian memang sedar terdapat juga lebih kurang 150 hingga 200 orang graduan-graduan yang masih menghadapi kesukaran untuk lulus peperiksaan tersebut tetapi kita juga sedang mengkaji perkara tersebut tetapi sehingga kini kita masih belum lagi membuat keputusan. Tetapi seboleh-bolehnya kita akan cuba. Memang universiti-universiti yang tidak termasuk dalam schedule ataupun yang termasuk dalam unscheduled universities ini, pelajar-pelajar sedar bahawa bila mereka pergi ke universiti-universiti tersebut, mereka harus kembali ke negara kita dan harus lulus peperiksaan tersebut sebelum boleh menjadi pengamal perubatan di negara kita.

Datuk Christina Tibok Vanhouten: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sehubungan dengan niat kerajaan untuk meningkatkan lagi perkhidmatan-perkhidmatan di hospital kepada rakyat, kita difahamkan bahawa satu sistem yang dinamakan Total Hospital Information Service (THIS) juga diperkenalkan. Soalan saya, bolehkah Kementerian Kesihatan memberi sedikit maklumat tentang perkhidmatan ini dan sudahkan servis ini dimulakan dan jika sudah, di mana dan bila diperkenalkan. Terima kasih.

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, memang Total Hospital Information System ini telah pun diamalkan sejak tahun 2000 dan memang soalan ini pun telah dijawab, kalau saya tidak silap, pada sehari atau dua hari yang lalu. Saya akan berikan salinan jawapan tersebut kepada Yang Berhormat.

6. **Puan Melanie Chia Chui Ket** minta Menteri Kewangan menyatakan, adakah peruntukan belanjawan tambahan sebanyak RM3 bilion yang dikemukakan oleh kerajaan sebagai tindakan awal untuk menentang kesan-kesan ekonomi yang negatif dari luar negara telah mencapai matlamatnya.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, untuk menangani kesan negatif kelembapan ekonomi Amerika Syarikat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan pakej rangsangan fiskal berjumlah RM3 bilion pada bulan Mac 2001. Ini adalah sebagai tambahan kepada peruntukan Belanjawan sebanyak RM28 bilion bagi tahun 2001. Antara langkah-langkah yang terkandung dalam pakej rangsangan fiskal termasuk:

- (i) melaksanakan projek-projek infrastruktur seperti pembinaan sekolah-sekolah, kolej-kolej komuniti dan universiti-universiti baru;
- (ii) mendorong peningkatan perbelanjaan penggunaan swasta melalui pengurangan kadar caruman pembayaran KWSP dan pemansuhan cukai ke atas kad kredit;
- (iii) mengurangkan, dengan izin, property overhang melalui pengecualian duty stamp ke atas hartanah tertentu yang telah menerima, dengan izin, Certificate of Practical Completion, dengan syarat ianya diurusniagakan pada 28 Mac 2001 hingga 31 Disember 2001;
- (iv) melonggarkan syarat pemilikan hartanah oleh warganegara asing oleh jawatankuasa pelaburan asing.

Kerajaan juga telah pun menghapuskan 10% levi sepenuhnya ke atas penghantaran balik keuntungan modal bertujuan untuk meningkatkan lagi sentimen pelaburan asing di Malaysia. Untuk mewujudkan iklim pelaburan dan perniagaan yang conducive, dasar kewangan yang accommodative terus diamalkan. Institusi kewangan juga telah digalakkan untuk mencapai kadar sasaran pertumbuhan pinjaman sebanyak 8% setahun.

Bagi tujuan ini kerajaan telah menyediakan peruntukan tambahan untuk tabung makanan sebanyak RM250 juta, tabung usahawan baru sebanyak RM250 juta dan tabung IKS sebanyak RM200 juta.

Untuk menggalakkan pertumbuhan sektor perkhidmatan pula, kerajaan sedang berusaha untuk memperkenalkan KLIA dan pelabuhan-pelabuhan tempatan sebagai pusat singgahan yang terunggul di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah rangsangan fiskal untuk menggerakkan ekonomi sebelum ini telah pun berjaya. Ini jelas dilihat semasa ekonomi negara menghadapi krisis kewangan serantau yang lalu di mana sumbangan perbelanjaan sektor awam kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dalam tahun 1999 dan 2000 secara puratanya adalah sebanyak 53% setahun berbanding dengan sektor swasta sebanyak 34% setahun.

Trend ini berterusan dalam suku pertama tahun 2001 di mana kadar pertumbuhan KDNK sebanyak 3.2% telah sebahagian besarnya didorong oleh perbelanjaan penggunaan awam yang bertambah sebanyak 8.7% manakala penggunaan swasta 6.5% dan pelaburan 7.4%. Pencapaian ini jelas menunjukkan peranan yang dimainkan oleh kerajaan dalam menggerakkan ekonomi negara. Sungguhpun terlalu awal untuk melihat hasil pelaksanaan pakej rangsangan fiskal RM3 bilion ke atas ekonomi negara, namun kita percaya pakej ini akan memberi impak yang positif dalam tempoh separuh kedua tahun ini dan seterusnya pada tahun hadapan.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Pertamanya kita rakamkan ucapan tahniah kepada kerajaan di atas perjumpaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam dengan usahawan dari Amerika Syarikat yang mencadangkan supaya Malaysia dan Perdana Menteri kita mempengerusikan mesyuarat dan persidangan dalam menghadapi AFTA yang akan datang.

Soalan tambahan saya ialah berkaitan dengan satu analisis beberapa bulan yang lalu oleh sebuah majalah yang dikeluarkan oleh Malaysia yang mengatakan bahawa syarikat-syarikat yang disenaraikan di BSKL lebih daripada 40 syarikat masih mempunyai pelaburan negatif walaupun kita mempunyai peruntukan tambahan RM3 bilion tetapi masih mempunyai sekatan (resistance), dengan izin, kepada perkembangan dan pertumbuhan ekonomi secara menyeluruh.

Jadi, apakah langkah, tindakan secara pakej ataupun keseluruhannya, terhadap syarikat-syarikat yang dilihat agak mempunyai permasalahan yang mempunyai keperluan di antara RM200 hingga RM1 bilion juta lebih daripada 40 syarikat yang dianalisa itu? Ia akan memberi kesan yang amat negatif kepada pertumbuhan ekonomi walaupun kita meletakkan peruntukan belanjawan. Apakah strategi-strategi pendekatan lain yang diusahakan oleh kementerian dan kerajaan dalam menyelesaikan kedudukan pelaburan negatif oleh syarikat-syarikat yang

secara langsungnya akan meletakkan keupayaan pembangunan ekonomi kita terus dirangsang? Terima kasih.

Dato' Chan Kong Choy: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Haji Rosli. Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan, untuk memulihkan ekonomi negara selepas krisis kewangan, pihak kerajaan memang telah memainkan peranan yang sangat penting untuk menambah belanjawan secara awam untuk melaksanakan projek-projek seperti infrastruktur dan sebagainya dan ini telah pun mendatangkan impact yang sangat positif. Dan ini telah pun ditunjukkan dalam pertumbuhan ekonomi tahun lepas dan juga suku pertama tahun ini.

Walau bagaimanapun, kita juga harap pihak swasta seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat termasuk syarikat-syarikat yang tersenarai dalam BSKL ini juga memainkan peranan yang sama supaya berganding bahu dengan kerajaan untuk memberikan galakan dan juga memainkan peranan untuk memulihkan ekonomi negara. Dan dalam konteks ini, kerajaan dalam dua belanjawan yang lalu telah memberikan banyak insentif dalam pelbagai bentuk untuk memberikan galakan kepada swasta supaya memainkan peranan yang lebih penting. Setelah pihak kerajaan melaksanakan strategi-strategi yang saya sebutkan tadi, boleh dikatakan suasana pelaburan pada keseluruhannya telah pulih. Ini boleh dilihat daripada beberapa petunjuk ekonomi tambahan seperti sentimen pelaburan telah pulih dengan index komposit Bursa Saham Kuala Lumpur telah meningkat sebanyak 15.1% kepada 659.4 mata pada akhir bulan Julai berbanding dengan 572 mata pada akhir Mei 2001.

Selain daripada itu, petunjuk-petunjuk yang lain seperti kedudukan rizab luar negara semakin meningkat daripada RM98.9 bilion pada bulan Jun 2001 kepada RM102.8 bilion pada pertengahan Julai 2001 dan juga tekanan inflasi yang rendah dengan index harga pengguna hanya meningkat sebanyak 1.5% bagi tempoh Januari hingga Jun, 2001. Ini telah menunjukkan bahawa langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan khususnya dalam perbelanjaan awam ini telah pun mendatangkan impact yang positif.

Walau bagaimanapun, kita juga berharap pihak swasta akan juga terus memainkan peranan yang positif dan untuk membolehkan mereka memainkan peranan yang positif, kita akan terus untuk mewujudkan iklim pelaburan yang conducive dan juga mengamalkan dasar kewangan yang accommodative.

Sekian, terima kasih. .

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memang benar Malaysia menunjukkan tanda-tanda yang positif, tetapi Malaysia di dalam era globalisasi ini, terpaksa berdepan dengan keadaan dan senario ekonomi dunia. Senario ekonomi dunia tidak sebegitu positif. Di Amerika, Tuan Yang di-Pertua, FED atau Federal Reserve Bank telah pun menurunkan pada kali keenam dari segi faedahnya untuk menggalakkan ekonomi di sana atas kesedaran ekonomi di sana pun tidak begitu positif. Singapura menghadapi recession, sudah berapa lama? Dekat 10 bulan sudah. Maknanya menurun. Jepun 10 tahun menghadapi masalah sehinggakan hari ini, Tuan Yang di-Pertua, ia punya interest, faedah dekat-dekat kosong, pun bermasalah.

Jadi, macam manakah? EU pun begitu, Kesatuan Eropah pun begitu, UK pun begitu. Jadi, macam manakah kita dengan RM3 bilion pakej ini dapat mengatasi kelembapan ekonomi dunia? Adakah pihak kerajaan mencadangkan kaedah-kaedah baru, menokok tambah RM3 bilion ini ataupun instrument-instrument fiskal, dasar-dasar fiskal yang lain bagi menentukan supaya Malaysia mendapat terutama sekali pelaburan asing yang kini mungkin menurun kerana mereka banyak berpindah ke China yang akan menjadi ahli WTO. Jadi, saya hendak tahu pakej kita yang RM3 bilion ini akan ditambah ataupun insentif-insentif baru akan dibuat untuk menarik FDI ataupun pelaburan asing langsung ke negara kita.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, kita memang sedar bahawa kita tidak akan dapat lari daripada impact globalisasi khususnya keadaan ekonomi global khususnya apa yang berlaku di Amerika Syarikat, Jepun dan di kawasan serantau ini. Oleh kerana ini, awa-awalnya kita telah, sebelum impact kelembapan ekonomi Amerika Syarikat dapat kita rasai, kita telah pun mengambil langkah-langkah awal untuk menangani impact yang saya sebutkan tadi. Antaranya ialah RM3 bilion ditambah ke atas RM28 bilion yang telah pun diluluskan dalam belanjawan 2001 dan kalau sekiranya perlu, kita akan mengkaji untuk mengambil langkah-langkah tambahan untuk menangani impact kelembapan ekonomi Amerika Syarikat. Dan untuk menarik lebih banyak FDI ke Malaysia, kita menerima satu hakikat iaitu, sukar bagi kita bersaing dengan negara-negara jiran seperti negara China yang telah berjaya untuk menarik sebahagian besar daripada modal ataupun pelabur ke negara ini.

Oleh kerana ini, selain daripada sepertimana yang saya katakan tadi, untuk mewujudkan satu suasana ataupun sentimen pelaburan dan perniagaan yang

conduive dan juga accommodative, kita akan bergantung kepada diri sendiri terutama sekali untuk meningkatkan productivity semua sektor ekonomi dalam negara. Dan selain daripada itu, kita juga akan bergantung kepada pelaburan domestik. Ini merupakan strategi yang lebih praktikal selain daripada bergantung keseluruhannya kepada FDI.

Sekian, terima kasih.

7. **Datuk Hajah Hazizah binti Haji Mohd. Sultan** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah tindakan yang dikenakan terhadap pekerja asing yang terlibat dalam pergaduhan dengan pekerja tempatan di kilang-kilang.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, sekiranya didapati pergaduhan di antara pekerja asing dengan pekerja tempatan di kilang-kilang berpunca dari pekerja asing berkenaan dan pergaduhan tersebut membabitkan kecederaan dan melibatkan mana-mana kes jenayah mengikut kesalahan jenayah di bawah undang-undang Kanun Keseksaan, pekerja asing tersebut akan dihantar pulang ke negaranya.

Tuan Haji Karim bin Salleh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita hari ini sedar bahawa kemasukan rakyat asing ke negara kita ini, menimbulkan kes-kes gejala sosial yang semakin meningkat. Soalan saya, mengapakah pihak kerajaan tidak mengambil langkah yang lebih drastik dengan mengadakan kawalan-kawalan ataupun peraturan-peraturan yang lebih ketat terhadap kemasukan mereka ini ke negara kita? Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, peraturan-peraturan dalam negara kita ini, bagi rakyat negeri ini dan rakyat asing yang masuk ke negara ini sudah ada dirangka dan diluluskan oleh Dewan, semua undang-undang yang kita gunakan. Cuma yang menjadi masalah ialah kemasukan rakyat asing secara haram. Kemasukannya sudah melanggar peraturan, tinggal di dalam negara ini, melanggar peraturan, tambah lagi kalau melakukan pergaduhan, lagi melanggar peraturan. Oleh sebab itu, undang-undang yang ada, sama ada rakyat asing yang bekerja yang masuk secara halal ataupun yang masuk secara haram, mereka terikat dengan undang-undang yang dikenakan kepada rakyat negara ini.

Kalau terdapat perkara-perkara seperti yang telah dibangkitkan dalam soalan ini, bukan menyatakan bahawa kerajaan tidak ada satu undang-undang yang tegas

dan drastik. Saya telah memberitahu bahawa kalau terdapat kesilapan mereka dan kita mengambil tindakan terus untuk menghantar mereka pulang. Pemandang-pemandang tanpa izin apabila kita tangkap dalam operasi ataupun tangkap waktu-waktu kita membuat peninjauan dan mereka didapati melanggar peraturan, kita simpan di pusat-pusat tahanan yang tertentu. Dalam masa yang tertentu, seperti saya telah jawab di dalam Dewan ini, setelah mereka kita kenali dan disahkan oleh bahagian kedutaan negara yang berkenaan, mereka juga dihantar pulang ke negara mereka walaupun mereka tidak melakukan pergaduhan dan kesalahan-kesalahan yang lain. Ini hanya kesalahan masuk tanpa kebenaran. Terima kasih.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Apakah tindakan seterusnya jika kesalahan jenayah berat seperti merogol yang dilakukan oleh rakyat asing selepas menjalani hukuman, begitu juga kepada rakyat penduduk tetap? Adakah taraf tersebut ditarik balik? Pekerja asing dari negara manakah yang sentiasa memberi masalah kepada negara kita?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyatakan tadi, dalam negara kita ini ada mempunyai undang-undang dan peraturan yang cukup lengkap dan sekiranya terdapat peraturan-peraturan dan undang-undang yang tidak lengkap, kita akan pinda melalui Dewan ini dan Dewan Rakyat untuk memperkuatkan lagi supaya orang-orang yang melakukan kesalahan akan menghadapi perbicaraan dan hukuman yang ditentukan. Bagi mereka yang telah melakukan kesalahan seperti merogol, membunuh, merompak dan sebagainya, mereka tidak terlepas dari undang-undang yang akan dikenakan. Kepada rakyat negeri ini, mereka juga terpaksa menghadapi hukuman dan undang-undang yang sama dan melalui proses perjalanan undang-undang ini sebelum mereka dihukumkan.

Bagi rakyat asing yang melakukan kesalahan-kesalahan yang boleh menjejaskan negara ini, mereka akan dihukum mengikut keputusan yang akan diputuskan oleh mahkamah. Bagi rakyat asing yang menjejaskan keselamatan negara ini, mereka juga akan ditahan termasuk tahanan dengan menggunakan kuasa ISA yang ada dalam negara ini. Tidak ada peluang untuk mereka selamat dan bersenang-lenang di luar. Terima kasih.

8. Puan Hajah Safinah binti Jusoh minta menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh pihak kementerian dalam usaha membendung masalah gangguan mental yang semakin meningkat di kalangan rakyat Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S.G. Sothinathan]:

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sentiasa prihatin terhadap pesakit-pesakit mental dan rawatan yang diberikan adalah berbentuk berterusan. Beberapa kes pesakit mental yang dilaporkan mengamuk dan bertindak ganas kebelakangan ini telah memberikan gambaran bahawa penjagaan pesakit mental adalah berbahaya. Sebenarnya kadar kecenderungan bertindak ganas berbanding dengan orang biasa adalah jauh lebih tinggi di kalangan penagih dadah iaitu 16 kali ganda dan penggunaan alkohol 12 kali ganda manakala kes pesakit mental hanya tiga kali ganda. Jadi, langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan dalam usaha membendung masalah gangguan mental di kalangan masyarakat Malaysia adalah seperti berikut;

- Memperluaskan perkhidmatan pakar psikiatri ke lebih banyak hospital dan perkhidmatan rawatan pesakit mental ke klinik-klinik kesihatan
- Meningkatkan penggunaan ubat-ubatan baru dalam rawatan pesakit mental
- Membangunkan perkhidmatan komuniti mental health dan home psychiatric nursing dengan penglibatan keluarga dan syarikat dalam penjagaan pesakit
- Menggubal Rang Undang-undang Kesihatan Mental yang baru bagi menggantikan Mental Disorder Ordinance 1952 yang ada pada masa ini.

Secara amnya akta baru ini mengambil kira penglibatan sektor swasta dalam penjagaan tersebut dan badan bukan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Poo Yew Choy.

Dato' Poo Yew Choy: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu apa sebabnya pesakit mental adalah begitu bertambah meningkat dari semasa ke semasa. Apa sebabnya? Adakah disebabkan kegagalan perniagaan, kegagalan make love atau kegagalan peperiksaan? *[Disampuk]* Betulkah kegagalan? Asmaralah.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Dato' Poo Yew Choy: Kegagalan asmara. *[Ketawa]*. Tuan Yang di-Pertua, di Hospital Daerah Bentong pada beberapa tahun yang lalu mengadakan satu pusat mental. Sebelum mengadakan pusat mental itu Bentong kurang ada pesakit mental. Tetapi selepas mengadakan pusat mental itu pesakit mental bertambah. Mereka selalu merayau-rayau di bandar dan mengganggu orang ramai. Bolehkah pihak kementerian memindahkan pusat mental itu jauh dari bandar supaya di daerah Bentong kurang pesakit mental. Sekian terima kasih.

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, memang satu rang undang-undang baru untuk menggubal akta yang sedia ada akan dibentangkan tidak lama lagi di mana beberapa langkah yang diambil oleh kerajaan dan juga butir-butir lanjutan itu akan saya rasa Yang Berhormat pun boleh turut berbahas dalam perkara itu ketika membentangkan akta itu tetapi sebenarnya kalau kita lihat seperti yang saya nyatakan tadi bukan semua orang pesakit jiwa itu ganas. Cuma yang kita buat mereka ganas kerana kita tidak menganggap mereka sebagai sebahagian daripada kita. Kalau kita perhatikan seperti yang saya telah pun katakan di Dewan Rakyat baru-baru ini 15% daripada keseluruhan rakyat ataupun daripada semua manusia menghadapi tekanan jiwa. Tetapi di antara mungkin 1% atau 2% itu memang sedikit lebih serius daripada yang lain. Jadi, ini adalah penyakit seperti yang biasa dihadapi oleh orang lain. Jadi, kalau kita anggap penyakit ini adalah satu penyakit normal saya rasa kita boleh terima balik. Yang penting itulah masyarakat sanggup menerima balik pesakit mental itu supaya dapat berhubung kait balik dengan masyarakat. Kalau kita tolak sekali kalau dia masuk ke hospital untuk mendapat rawatan kerana sakit jiwa ini selepas itu kalau kita tolak sampai bila pun dia tidak boleh sembuh dan kembali kepada masyarakat. Jadi, terpulanglah kepada kita. Tetapi mungkin seperti yang Yang Berhormat kata tadi mungkin kalau gagal dalam bukan 'asmara'....*[Ketawa]*. Kalau gagal dalam bercinta itu mungkin dia juga boleh membawa kepada masalah tekanan jiwa kepada beliau. Saya rasa kita bolehlah bincang lebih banyak lagi ketika rang undang-undang mental dibentangkan nanti.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Jamilah.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, saya ingin tahu analisa jantung pada serangan penyakit ini. Terima kasih.

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, nisbah untuk pesakit jiwa ini mengikut kajian yang telah dilakukan oleh kementerian dan juga badan-badan pertubuhan sedunia juga menunjukkan bahawa nisbah antara perempuan dan lelaki ialah 1.5: 1. Wanita lebih iaitu satu setengah kali ganda dengan lelaki.

9. Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan implikasi Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) pada tahun 2003 dan 2005 terhadap peratusan cukai yang dikenakan mengikut jenis kereta -kereta Mercedes dan BMW serta Honda dan Toyota yang diimport daripada negara-negara pengeluaran asal iaitu Germany dan Jepun dan juga daripada Thailand.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) adalah satu program kerjasama ekonomi di kalangan negara-negara ASEAN. Faedah-faedah seperti konsesi tarif melalui Perjanjian Skim Tarif Keistimewaan Sama Rata Berkesan (CEPT) hanya layak dinikmati oleh produk-produk yang diproses atau dikeluarkan di negara-negara ASEAN dan memenuhi syarat kandungan tempatan ASEAN sekurang-kurangnya 40%. Kereta Mercedes dan BMW serta Honda dan Toyota yang diimport terus daripada negara-negara pengeluaran asal itu Jerman atau Jepun tidak layak mendapat konsesi tarif di bawah skim CEPT. Pengimportan kereta-kereta tersebut ke negara ini tertakluk kepada kadar duti import semasa dengan izin, most favor nation (MFN) yang ditetapkan oleh pihak kerajaan. Import kereta yang dipasang atau dikeluarkan di Thailand atau di negara-negara ASEAN yang lain layak mendapat konsesi tarif CEPT sekiranya produk-produk tersebut memenuhi syarat kandungan tempatan yang ditetapkan. Walau bagaimanapun memandangkan Malaysia telah menangguhkan kemasukan kereta ke dalam skim CEPT sehingga tahun 2005 maka import kereta daripada Thailand hanya layak mendapat konsesi tarif CEPT selepas tempoh tersebut. Sekian terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahui daripada pihak kerajaan apakah syarikat-syarikat kereta yang kini bertapak di kawasan ASEAN daripada luar negara daripada luar kawasan kitalah. Saya difahamkan Thailand merupakan sebuah negara yang amat aktif dalam menarik pembuat-pembuat kereta daripada Amerika, daripada Eropah, daripada Jepun dan mungkin selepas 2005 kereta -kereta daripada Thailand terutama sekali

akan melanda pasaran kita dan mungkin mengakibatkan Proton dan sebagainya yang dikeluarkan di Malaysia ini berkurangan dari segi impak ke dalam pasaran kita. Jadi saya hendak tahu apakah kedudukannya sekarang ini.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya jelaskan tadi salah satu syarat untuk kereta yang dikeluarkan atau dipasang oleh Thailand menikmati skim penurunan tarif di CEPT ialah sekurang-kurangnya 40% komponen mesti daripada negara-negara ASEAN dan kerajaan ada satu mekanisme untuk memantau dan untuk memastikan kereta-kereta yang dipasang mesti ada kandungan ASEAN. Sesuatu negara bila dia hendak eksport kereta itu, negara tersebut mesti mengeluarkan satu surat CEPT atau sijil CEPT dan sijil CEPT akan disiasat dipantau oleh negara-negara yang mengimport dan kita ada mekanisme untuk memantau dan mengkaji dan memastikan dia betul-betul memenuhi syarat tersebut baru kita boleh mengizinkan pengimportan tersebut.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya belum terjawab. Saya hendak tahu apakah syarikat-syarikat pembuat kereta yang bermastautin di Thailand yang hendak buat ini. Mungkin 40%, 50% content daripada Thailand saya tidak tahu. Macam General Motors atau apakah. Kerana Thailand amat agresif untuk menapakkan syarikat-syarikat kereta ini dan dengan idea 2005 akan memasarkan kereta-kereta itu di ASEAN. Itu maksud saya. Apakah syarikat-syarikat ini.

Datuk Fu Ah Kiow: Syarikat seperti General Motors dan Toyota sekarang pun sudah berada di Thailand. Dia berhak di Thailand. Kalau dia hendak eksport kereta dia ke Malaysia dia perlu pastikan komponen yang diguna oleh General Motor dan Toyota mesti sekurang-kurangnya kandungannya 40% terkumpul daripada negara-negara ASEAN. Itu maksud saya. Misalnya kalau dia membeli perbagai komponen dari perbagai negara ASEAN dan dia memenuhi 40% dia berhak untuk mengeksport ke Malaysia dan ke mana-mana negara ASEAN, dia berhak. Cuma dia mesti mematuhi syarat. saya harap telah jawab soalan Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Charern.

Dato' Charen Intachat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Negara kita akan menangguh tarikh untuk mengimplemen perjanjian AFTA tentang import-import kereta dari negara ASEAN hingga ke tahun 2005. Soalan saya ialah adakah bantahan atau syarat-syarat yang dikenakan kepada negara kita oleh negara-negara ASEAN seperti Thailand di atas penangguhan tarif tersebut.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, negara Thai dan Indonesia telah membuat permintaan meminta pampasan yang bukan dalam bentuk kewangan. Dalam protokol CEPT ini di mana negara jika mereka mempunyai kepentingan yang substantive dan jika mereka menganggap kepentingan mereka telah terjejas akibat penangguhan CKT dan CPU kereta Malaysia ke skim CEPT maka mereka boleh membuat permohonan mendapatkan pampasan. Setakat ini Indonesia dan Thailand telah membuat permohonan untuk mendapatkan pampasan tetapi untuk mendapatkan pampasan mereka perlu memenuhi dua syarat. Yang pertama mereka mesti membuktikan ia ada kepentingan pasaran yang substantive dan telah dijejas iaitu ada market injury dengan izin. Syarat kedua negara menghadapi kerugian kos peluang pasaran dengan izin, opportunity cost.

Dari segi injury kita dapati Indonesia tidak mempunyai apa-apa injury dan juga tidak kehilangan apa-apa opportunity cost sebab Indonesia tidak mempunyai kemampuan untuk mengeksport. Maka kedua-dua negara telah bersetuju akan berbincang lain cara bekerjasama untuk kebaikan kedua-dua negara. Jadi, soalan minta pampasan daripada Indonesia tidak wujud. Dan untuk Thailand setakat ini tidak mengeksport apa-apa kenderaan kepada Malaysia. Cuma bilangan yang kecil sahaja. Apa yang dieksport oleh Thailand ke negara Malaysia cuma merupakan komponen-komponen kenderaan dan komponen-komponen kenderaan telah pun dimasukkan dalam CEPT. Tentang kehilangan kos peluang pasaran Thailand juga masih belum membuktikan bahawa kereta yang diperbuat dan dipasang oleh Thailand memenuhi syarat 40% kandungan ASEAN. Maka kita anggap Thailand juga tidak kehilangan apa-apa kos peluang pasaran. Jadi, kedua-dua negara masih berbincang dan kita setuju terus berbincang supaya untuk mencari cara penyelesaian yang akan memanfaatkan kedua-dua negara. Tetapi soal memberi pampasan kepada Thailand tidak timbul pada setakat ini. Sekian terima kasih.

[Soalan No.10 – Y.B. Da to' Hamzah bin Zainudin tidak hadir]

11. Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani minta Menteri Pendidikan menyatakan, sama ada kementerian bercadang untuk memartabatkan semula

tulisan jawi sebagai satu subjek dalam pembelajaran di peringkat sekolah rendah berasaskan perwujudan semula tulisan tersebut bertujuan memantapkannya dari sudut budaya orang Melayu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd.

Khir]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada masa ini, pelajaran Tulisan Jawi sudah pun diajar di sekolah rendah, Tahun 1 hingga Tahun 6 dengan menggunakan masa Pendidikan Islam. Peruntukan masa bagi mata pelajaran tersebut ialah selama 30 minit seminggu. Sukatan pelajaran khas digunakan untuk mata pelajaran Tulisan Jawi. Pengukuhan Tulisan Jawi juga dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Di samping itu, buku teks Pendidikan Islam juga menggunakan tulisan Jawi. Aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam digalakkan menggunakan tulisan Jawi.

Sebagai usaha memartabatkan tulisan Jawi, Kementerian Pendidikan telah menyemak semula kurikulum Pendidikan Islam dengan memasukkan tulisan Jawi sebagai satu bidang daripada mata pelajaran tersebut. Oleh itu, pelajaran Tulisan Jawi wajib dipelajari dan akan dinilai dalam peperiksaan awam. Ianya akan dilaksanakan bermula tahun 2003.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kementerian telah membuat kajian bahawa masa 30 minit seminggu itu sudah mencukupi dan adakah kerajaan tidak berhasrat untuk melanjutkan pelajaran tulisan Jawi ini di peringkat sekolah menengah, sebab kita melihat hari ini, akibat daripada penghapusan tulisan Jawi, kita dapati ramai daripada kalangan pelajar kita yang tidak dapat membaca Al-Quran dan ada di kalangan mereka di pusat-pusat pengajian tinggi pun yang membaca Al-Quran dengan tulisan Rumi.

Jadi, tidak adakah hasrat daripada kerajaan untuk meningkatkan lagi kefahaman yang kita lihat hari ini, gejala bermacam-macam timbul dalam masyarakat kita hasil daripada tidak ada penguatkuasaan daripada segi agama dalam pendidikan negara kita.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan itu banyak perkara yang hendak dibincangkan. Walau bagaimanapun, saya akan cuba pertama sekali menyelesaikan mengenai dengan Jawi. Tulisan Jawi memang kita galakan juga di peringkat menengah dan peringkat yang lebih tinggi lagi pun kita galakan.

Mengenai dengan masa yang tidak mencukupi 30 minit itu, sebab itu saya kata, dalam sukatan baru, kita akan mengambil kira sama ada 30 minit itu mencukupi ataupun tidak. Walau bagaimanapun, saya ingin nyatakan di sini, mulai tahun 2001, beberapa kursus diadakan kepada guru-guru pendidikan Islam untuk memantapkan penguasaan pelajaran Tulisan Jawi ke arah persiapan melaksanakan kurikulum Pendidikan Islam (Semakan 1999). Ini yang kita sedang lakukan. Jadi, saya harap Yang Berhormat, kita bersabar dan perkara ini memang dalam perhatian kita.

Mengenai dengan sekolah rendah, kita juga beri penekanan kepada satu tulisan Jawi dalam Al-Quran, sudah tetap, kedua Akidah, Ibadah, Sirah, Akhlak dan Jawi. Begitu juga dalam peringkat atas iaitu tulisan Jawi ini dalam buku teks mata pelajaran agama juga kita cuba adakan dalam tulisan Jawi dan di samping itu kita memang bekerjasama dengan salah satu daripada persatuan yang terkenal iaitu Penjawati di mana kita kalau dalam usaha untuk mengadakan seminar, menimbulkan kesedaran serta juga mengadakan *exhibition* dan galakkan di sekolah menengah mengenai dengan tulisan khat tadi supaya menjadikan satu motif di dalam mata pelajaran lukisan. Mengenai dengan tulisan Jawi juga, diajar di sekolah menengah dalam mata pelajaran Pendidikan Islam sebagaimana yang telah kita peruntukkan.

Mengenai dengan perkara kedua gejala masalah sosial ini, kerana soal tidak cukup agama, saya rasa pandangan ini, saya kurang setuju. Kalau kita lihat hari ini, dengan pengajaran agama ini, boleh dikatakan semua kita bagi pelajaran agama, di sekolah rendah mahupun sekolah menengah sampai peringkat universiti, kita ada Pendidikan Islam bagi penuntut Islam dan ia wajib. Begitu juga dengan penuntut bukan Islam, kita adakan Pendidikan Moral.

Ada kadangkala masalah ini di kalangan mereka yang beragama. Kalau kita tengok masalah sumbang muhrim..... mahramkah? Muhrim..? [Disampuk] Sumbang muhrim dan juga rogol, ada kes-kes yang dilakukan oleh guru agama. Yang inilah yang kita katakan tadi, syaitan ini tidak mengenal yang ada agamakah atau yang tidak ada agamakah. Dalam hal ini, kita kata mata pelajaran agama ini, memang kita beri penekanan. Cuma apa yang kita bimbangkan ialah sesetengah apabila dia mengajar agama, kalau dia tekankan soal nilai-nilai yang baik, saya rasa itu adalah baik tetapi ada mereka yang menggunakan kelas-kelas agama tadi untuk menyelitkan fahaman politik parti partisan. Yang inilah yang menimbulkan kekacauan tadi.

Jadi, kalaulah misalnya macam kita katakan pelajaran agama itu kalau diajar betul-betul daripada Darjah 1 sampailah ke Tingkatan 6, sampailah ke universiti yang kita ada itu, jadi tidaklah timbul masalah yang kita hadapi hari ini.

Walau bagaimanapun, saya beri pengakuan kepada Ahli-ahli di Dewan yang mulia ini bahawa kita memang daripada kementerian ini, kita memberi penekanan dan juga sokongan yang kuat mengenai dengan tulisan Jawi dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat juga mengatakan bahawa Jawi itu adalah ibu kepada pemahaman bacaan Al-Quran tadi. Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat mengenai itu. Sebab itu kita mahu supaya anak-anak kita, anak orang Islam terutama sekali, supaya kita dapat mengenali tulisan Jawi kerana dengan Jawi itu, pengenalan kita kepada Al-Quran. Itu memang kita ambil perhatian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa bagi Jawab Lisan sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No. 1, 10 dan 12 hingga 44 adalah dijilid dalam buku yang berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENDAFTARAN PERNIAGAAN (PINDAAN) 2001

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". **[7 Ogos 2001]**

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Menteri menyambung ucapan.

11.18 pagi

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, saya sambung semula bacaan kali yang kedua Rang Undang-undang Pendaftaran Perniagaan (Pindaan) 2001.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang akta ini tidak menyentuh perniagaan-perniagaan yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965. Perniagaan-perniagaan kepunyaan kerajaan dan badan-badan kerajaan, pertubuhan, syarikat kerjasama dan ahli-ahli badan profesional yang tertakluk kepada undang-undang bertulis badan profesional berkenaan. Walau bagaimanapun, masih terdapat kekeliruan dari segi pemakaian akta tersebut di kalangan peniaga.

Memandangkan bahawa Seksyen 4 yang sedia ada adalah tidak begitu jelas dan boleh menimbulkan kekeliruan, adalah dicadangkan supaya ayat yang bermula dengan "*tiada apa-apa jua dalam bahagian ini boleh menyentuh*", digantikan dengan ayat "*akta ini tidak terpakai kepada*" supaya hanya perniagaan yang tertakluk kepada Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 sahaja didaftarkan.

Di bawah akta yang dikuatkuasakan sekarang, masa bagi seseorang peniaga mendaftarkan perniagaan tidak ditetapkan. Di samping itu, peniaga-peniaga juga tidak dikehendaki mengemukakan maklumat yang terperinci apabila mengemukakan permohonan pendaftaran perniagaan mereka. Adalah dicadangkan agar Seksyen 5 dipinda dengan memperuntukkan masa bagi seseorang peniaga mendaftarkan perniagaannya dan masa yang ditetapkan ialah dalam tempoh 30 hari dari tarikh permulaan perniagaan.

Selain daripada itu, peniaga juga dikehendaki mengemukakan lain-lain maklumat yang diperlukan oleh Pendaftar Perniagaan semasa mengemukakan permohonan pendaftaran perniagaan. Adalah dicadangkan juga Seksyen 5 dipinda bagi menyediakan peruntukan yang lebih mudah berhubung dengan keperluan pendaftaran perniagaan dan memperkenalkan beberapa seksyen baru iaitu, Seksyen 5A, 5B, 5C, 5D dan 5E.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini, tempoh sah laku Sijil Perakuan Pendaftaran Perniagaan ialah setahun sahaja dan sijil ini perlu diperbaharui setiap tahun. Adalah didapati jangka masa ini terlalu singkat dan menyulitkan peniaga untuk membuat pembaharuan. Di samping itu, pengeluaran sijil-sijil bagi setiap kali pembaharuan melibatkan kos yang tinggi.

Selain daripada itu, Pendaftar Perniagaan juga tidak mempunyai kuasa untuk mendapatkan maklumat tambahan atau dokumen yang diperlukan apabila peniaga memohon memperbaharui sijil. Adalah dicadangkan agar Seksyen 5 dipinda dengan memasukkan Seksyen 5A yang baru bagi memperuntukkan pembaharuan sijil hendaklah dilakukan dalam tempoh tidak melebihi 30 hari sebelum tarikh tamat

pendaftaran atau pembaharuan terdahulu dan pembaharuan Sijil Perakuan Pendaftaran Perniagaan boleh dibuat untuk tempoh dari satu tahun hingga lima tahun.

Seksyen ini juga memperuntukkan Pendaftar boleh meminta maklumat tambahan berkenaan sesuatu perniagaan apabila pembaharuan sijil dibuat. Sekiranya peniaga berkecenderungan gagal mengemukakan maklumat yang diminta, Pendaftar boleh menolak permohonan pembaharuan sijil berkenaan.

Pada masa sekarang, perubahan dalam maklumat perniagaan seperti perubahan alamat peniaga ataupun pertukaran ahli perkongsian hendaklah dikemukakan untuk pendaftaran dalam tempoh 14 hari dari tarikh perubahan oleh orang yang bertanggungjawab terhadap perniagaan. Tempoh masa ini adalah didapati terlalu singkat dan menyukarkan peniaga untuk mematuhi. Adalah dicadangkan supaya tempoh untuk mengemukakan pendaftaran perubahan maklumat perniagaan dipanjangkan dari 14 hari kepada 30 hari seperti diperuntukkan di dalam Seksyen 5B yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah akta yang dikuatkuasakan sekarang, Pendaftar Perniagaan tidak mempunyai kuasa untuk membatalkan daripada senarai daftar mana-mana perniagaan yang didapati tidak menjalankan perniagaan atau perniagaan tersebut menjalankan kegiatan-kegiatan yang dilarang di bawah undang-undang seperti yang dilakukan oleh sesetengah badan-badan bukan kerajaan. Dalam konteks ini, Jemaah Menteri pada mesyuaratnya pada 5 Mei 1999 yang lalu telah meminta ROB, ROS iaitu Registrar of Society, dengan izin, dan ROC berbincang bagi menyelaraskan dan menghalusi undang-undang berhubung dengan pendaftaran badan-badan bukan kerajaan.

Melalui perbincangan dengan ROS, iaitu Pendaftar Pertubuhan-pertubuhan dan setelah menghalusi Akta Pendaftaran Perniagaan, adalah dicadangkan agar Pendaftar Perniagaan diperuntukkan kuasa dengan memperkenalkan Seksyen 5C yang baru di mana Pendaftar mempunyai kuasa untuk tidak mendaftarkan sesuatu permohonan atau membatalkan pendaftaran sesuatu perniagaan, jika sekiranya Pendaftar mendapati bahawa perniagaan tersebut menjalankan kegiatan yang menyalahi undang-undang atau menjalankan kegiatan yang bercanggah dengan ketenteraman awam, menjejaskan keselamatan dan nilai-nilai moral di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sesuatu perniagaan berdaftar adalah dikehendaki mengemukakan notis penamatan perniagaan dalam tempoh 14 hari dari tarikh penamatan perniagaan.

Jika sekiranya perniagaan tamat disebabkan oleh kematian pemilik dan tiada pengganti, sekutu atau orang yang bertanggungjawab, wakil perseorangan atau waris yang hampir hendaklah dalam tempoh 30 hari dari tarikh kematian memberi notis kepada pendaftar berhubung dengan penamatan tersebut. Adalah dicadangkan supaya peruntukan ini diperkemaskan dengan mengadakan peruntukan baru seksyen 5D iaitu tempoh untuk mengemukakan notis penamatan perniagaan dipanjangkan dari 14 hari kepada 30 hari dari tarikh penamatan perniagaan. Manakala bagi perniagaan yang ditamatkan disebabkan kematian pemilik tempoh masa dicadangkan dipanjangkan dari 30 hari kepada 4 bulan.

Pada masa ini terdapat di dalam daftar perniagaan senarai perniagaan-perniagaan yang telah lama tidak aktif atau telah lama tidak memperbaharui sijil perakuan pendaftaran perniagaan serta gagal memfailkan notis penamatan. Walaupun demikian, pendaftaran perniagaan tidak boleh mengambil tindakan untuk memansuhkan pendaftaran perniagaan memandangkan pendaftar tidak diperuntukkan kuasa untuk berbuat demikian di bawah akta sekarang.

Bagi menangani perniagaan yang telah lama tidak aktif dan tidak memperbaharui sijil, adalah dicadangkan supaya Pendaftar diberi kuasa di bawah seksyen 5E(1) dan 5E(2) untuk membatalkan perniagaan daripada daftar setelah Pendaftar mempercayai dan berpuas hati bahawa perniagaan tidak lagi dijalankan serta tidak menerima sebarang jawapan selepas 30 hari dari tarikh penyerahan notis pembatalan.

Tuan Yang di-Pertua, rayuan kepada keputusan Pendaftar mengenai pendaftaran sesuatu perniagaan boleh dibuat kepada Mahkamah Sesyen seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 11 akta yang ada sekarang. Biasanya proses ini mengambil masa yang panjang, oleh itu adalah dicadangkan supaya seksyen 11 dipinda dan digantikan dengan seksyen 11 yang baru, yang memperuntukkan rayuan terhadap keputusan Pendaftar dibuat terus kepada Menteri dan keputusan Menteri adalah muktamad.

Tuan Yang di-Pertua, sijil-sijil pendaftaran perniagaan yang dikeluarkan perlu dipamerkan di tempat-tempat yang mudah dilihat oleh orang awam. Walau bagaimana pun terdapat peniaga-peniaga yang tidak mempamerkan sijil pendaftaran

perniagaan. Adalah dicadangkan Akta itu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 11 satu seksyen baru iaitu seksyen 11A yang memperuntukkan supaya sijil-sijil pendaftaran perniagaan hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat di premis perniagaan dan di cawangan perniagaannya. Pada masa ini kehendak ini didapati dalam seksyen 5 yang mengandungi peruntukan tentang pendaftaran.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua, peniaga-peniaga yang melakukan kesalahan di bawah akta boleh dikenakan denda tidak melebihi RM1,000 atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya sekali. Memandangkan hukuman yang terkandung di dalam akta sekarang adalah rendah dan tidak menjadi penghalang kepada peniaga melakukan kesalahan, adalah dicadangkan supaya denda dan hukuman dinaikkan kepada tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali. Di samping itu, denda bagi kesalahan tidak mempamerkan sijil perakuan pendaftaran perniagaan dinaikkan juga daripada RM200 kepada RM2,000.

Di bawah Seksyen 12(1)(a) akta sekarang peniaga adalah melakukan kesalahan jika sekiranya dia gagal mengemukakan apa-apa bukti perniagaan. Adalah dicadangkan pindaan dibuat kepada seksyen ini dengan memperuntukkan bahawa peniaga-peniaga yang sedang menjalankan perniagaan adalah melakukan kesalahan sekiranya mereka gagal mendaftarkan perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, tiada peruntukan untuk dikenakan penalti sekiranya kesalahan yang dilakukan tidak ada peruntukan tertentu seperti kesalahan di bawah kaedah-kaedah pendaftaran perniagaan 1957. Adalah dicadangkan satu seksyen baru 12A untuk memperuntukkan penalti am di mana sesiapa yang disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Pada masa sekarang Seksyen 13 Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 adalah tidak selaras dengan Perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan. Adalah dicadangkan Seksyen 13 ini dipinda supaya selaras dengan kehendak Perlembagaan Persekutuan dengan memperuntukkan kebenaran pendakwa raya diperolehi terlebih dahulu dalam semua proses tindakan pendakwaan di bawah akta ini.

Adalah dicadangkan juga supaya satu seksyen baru 18A diperkenalkan di mana sijil perakuan pendaftaran perniagaan dan notis dikirimkan secara pos berdaftar kepada alamat utama perniagaan adalah dianggap telah diterima. Cadangan ini bertujuan untuk mengatasi masalah yang timbul akibat daripada peniaga-peniaga yang tidak menyatakan alamat mereka dengan tepat dan mereka menafikan penerimaan notis atau sijil perakuan pendaftaran perniagaan yang dikirimkan.

Pada masa ini dalam Seksyen 19, seseorang setelah membayar bayaran yang ditetapkan boleh memohon salinan dan cabutan sijil perakuan pendaftaran perniagaan dan dokumen sama ada disahkan atau tidak oleh pendaftar peniaga. Apabila salinan ini dijadikan keterangan di mahkamah, pendaftar perniagaan perlu juga hadir di mahkamah untuk menyatakan ianya telah disahkan. Adalah dicadangkan seksyen ini dipinda supaya sijil perakuan pendaftaran perniagaan dan dokumen-dokumen yang disahkan oleh pendaftar perniagaan adalah dianggap sebagai keterangan *prima facie* tanpa memerlukan pendaftar perniagaan hadir sendiri di mahkamah untuk mengesahkan.

Di dalam akta yang sedia ada tiada peruntukan yang membolehkan peniaga-peniaga membuat pendaftaran secara elektronik. Sebagai langkah memudahkan peniaga mendaftarkan perniagaan selaras dengan perkembangan teknologi maklumat yang berkembang dengan pesatnya, adalah dicadangkan satu seksyen baru iaitu seksyen 22A bagi memperuntukkan kemudahan kepada para peniaga untuk memfailkan atau menyerahkan dokumen secara elektronik.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang undang-undang bernama "Suatu Akta untuk meminda Akta Pendaftaran Perniagaan 1956" dibaca kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dijemput Yang Berhormat Puan Safinah.

11.35 pagi.

Puan Safinah binti Jusoh: Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan Akta Pendaftaran Perniagaan (Pindaan) 2001.

Adalah menjadi satu harapan dan jaminan bahawa Akta Pendaftaran Perniagaan (Pindaan) 2001 menjadi satu laluan yang mudah bagi mana-mana pihak yang berminat untuk memulakan apa jua bentuk perniagaan terutamanya kepada generasi muda yang cuba belajar untuk berdikari dalam menentukan masa depan mereka.

Pindaan Seksyen 5 memberi satu garis panduan bagi sesiapa yang ingin memulakan perniagaan dengan mengajukan borang pendaftaran perniagaan yang lengkap sebagaimana yang dikehendaki sekurang-kurangnya tidak lewat 30 hari dari tarikh sesuatu perniagaan itu mahu dimulakan beroperasi. Berlainan dengan amalan dahulu pindaan ini membolehkan lesen perniagaan atau sijil perniagaan didaftarkan untuk tempoh masa 5 tahun, bukan dari tahun ke setahun. Walaupun begitu, tempoh masa itu memberi satu keselesaan dan ruang masa yang panjang untuk seseorang itu menjalankan perniagaan dengan tidak perlu memperbaharui nya tahun ke tahun. Tetapi mungkin ada yang terlupa tarikh tamat tempoh perniagaan tersebut.

Di sini siapakah yang memberikan peringatan kepada mereka yang terlupa ini dalam tempoh masa yang segera supaya sijil perniagaan itu dapat pula diperbaharui segera? Mengikut Seksyen 5E(1) pihak pendaftar perniagaan hanya membuat susulan dengan menghantar notis kepada mana-mana badan perniagaan yang pada anggapannya telah berhenti beroperasi. Itu pun dengan niat atau tujuan pihak pendaftar mahu memansuhkan pendaftaran perniagaan tersebut. Pada pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, selaku pihak yang berkhidmat untuk masyarakat adalah baik difikirkan satu kaedah yang jika boleh pihak pendaftar dapat menghantar notis peringatan kepada mana-mana peniaga yang sijilnya akan tamat tempoh sekurang-kurangnya 30 hari sebelum tempoh tersebut.

Dalam Seksyen 5E(1) ini juga adalah tidak disebut masa iaitu selepas berapa lamakah sesudah tempoh masa sijil perniagaan itu tamat tarikhnya pihak pendaftar boleh ataupun patut menghantar notis untuk mendapat kepastian tentang kewujudan perniagaan tersebut. Sehubungan dengan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya pernah bertemu dengan satu kes yang dihadapi oleh seorang kawan saya yang mana sijil perniagaannya yang dikongsi bersama dengan penama-penama lain telah hampir sepuluh tahun tidak diperbaharui kerana mereka sebenarnya telah berhenti berniaga semenjak dari tempoh yang sama. Tetapi oleh kerana tidak tahu tentang prosedur ataupun peraturan undang-undang perniagaan

maka hal penamatan operasi perniagaan mereka tidak dilaporkan kepada pihak berkenaan dan mereka merasa memadai dengan tidak memperbaharui lesen tersebut.

Kemudiannya, akhir-akhir ini masing-masing penama kepada perniagaan itu telah didatangi oleh sepucuk surat dari pihak pendaftar perniagaan melalui pos biasa yang memaklumkan kepada mereka tentang kegagalan mereka menyambung lesen dan sijil perniagaan dengan itu akan diambil tindakan mahkamah bersekali dengan dinyatakan bulan dan juga masa tindakan mahkamah itu akan diambil. Juga isi surat tersebut memberi satu tempoh masa kepada mereka untuk mengisi borang 'C' iaitu borang penamatan perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya ingin bangkitkan di sini ialah daripada pihak pendaftaran bersusah payah mengambil tarikh dakwaan dengan pihak mahkamah adalah lebih baik pihak pendaftar menghantar surat peringatan kepada pemilik perniagaan berhubung dengan keadaan sijil perniagaan tersebut, Dan sebaik-baiknya dalam jarak waktu yang segera, bukannya 10 tahun selepas itu, kerana dibimbangi apa akan terjadi sekiranya selepas ataupun dalam masa 10 tahun itu ada mana-mana yang berpindah atau ada yang kematian dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh hal yang demikian, dengan adanya Akta Pendaftaran Perniagaan (Pindaan) 2001 untuk setiap urusan pendaftaran perniagaan, maka pemohon-pemohon hendaklah dibekalkan dengan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan pendaftaran perniagaan supaya mereka tidak terpinga-pinga apabila didatangi sebarang tindakan mahkamah.

Sekian saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Zainal.

11.39 pagi

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut mengambil bahagian dalam perbahasan pindaan rang undang-undang Akta Pendaftaran Perniagaan 1956.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas dan terima kasih kepada kementerian yang telah mengemukakan beberapa pindaan dalam akta yang sedia ada bagi memastikan dari sudut pendaftaran syarikat, kegagalan mereka yang bertanggungjawab melaksanakan perbekalan-perbekalan dalam undang-undang tersebut, jadi dikenakan denda dan juga tindakan-tindakan penyelarasan di antara pendaftaran pertubuhan dengan pendaftaran perniagaan bersabit dengan beberapa

pertubuhan-pertubuhan yang didaftarkan dengan pendaftaran pertubuhan dan akta syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perenggan Seksyen 5(3) iaitu yang menyatakan pembaharuan sesuatu pendaftaran perniagaan pihak pendaftar mengehendaki beberapa penjelasan *there is no information, the comments* yang perlu dihantar oleh mereka yang mendaftarkan perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau masih ingat satu ketika dahulu dalam Dewan yang mulia ini saya telah mengemukakan satu perkara di mana berlakunya penipuan di kalangan sesetengah syarikat terhadap mereka yang mencari pekerjaan dalam negara kita di mana syarikat tersebut didaftar kemudian pekerja dijemput untuk mengisi jawatan dan mereka dilatih. Dalam masa latihan, mereka diminta membayar sebahagian wang kononnya pembelian saham sama ada RM10,000 atau RM30,000 dan pembelian saham ini dilaburkan dengan syarikat-syarikat dan juga daripada pelaburan ini, syarikat tersebut membayar gaji kepada pekerja yang berkenaan.

Akhirnya selama mereka dilatih kemudian wang tidak cukup lagi dan syarikat yang berkenaan telah memohon semula untuk menambah lagi pelaburan dan ada kalanya terdapat mahasiswa dan mahasiswi kita meminjam wang dan menggunakan wang ibu bapa mereka dan ada sesetengahnya pula terdapat si suami terpaksa meminjam wang daripada isteri mereka untuk melabur dalam syarikat yang berkenaan kerana hendak meneruskan pekerjaan. Saya pernah menerima dua laporan. Satu daripada mahasiswa yang telah ditipu dan akhirnya wang tersebut bila mana tiga bulan setelah bekerja dengan syarikat yang berkenaan dan bertanya bagaimana pelaburannya yang sebanyak RM30,000. Pengarah syarikat berkenaan berkata setelah dilaburkan katanya, *market* telah jatuh, hanya baki sebanyak RM2,000 lebih sahaja.

Kemudian ada pula satu kes yang lain, Tuan Yang di-Pertua, di mana sepasang suami mempunyai anak jantung berlubang dan mereka telah mengumpulkan wang sebanyak RM30,000 dan ingin mencari wang lagi bagi membiayai kos *operation* anak mereka untuk menghantar ke Australia dan oleh kerana ada peluang pekerjaan, suaminya memohon kerja dan syarikat berkenaan juga telah mengatakan yang dia terpaksa melaburkan sedikit wang dalam syarikatnya dan dalam masa *training*, mereka telah minta wang dari isterinya dan RM30,000 telah dilaburkan iaitu hasil dari kumpulan wang yang disimpan untuk sebahagian daripada kos *operation* anak beliau di Australia dan wangnya juga

dilaburkan dalam syarikat tersebut. Selepas tiga bulan wang tersebut hanya tinggal sebanyak USD1,000. Katanya syarikat telah jatuh bankrap dan saham telah jatuh di Amerika dan sebagainya. Saya bertanya kepada suami yang berkenaan, adakah kamu telah membuat pemeriksaan, katanya Yang Berhormat, saya telah menjalankan penyelidikan didapati mereka ini hidup begitu mewah sekali dengan kereta besar, setiap malam ke disko dan menghabiskan duit hasil dari pelaburan yang diterima dari pekerja.

Jadi inilah satu pemantauan yang perlu dijalankan oleh pihak kementerian bagi memastikan pekerja, mahasiswa dan mahasiswi yang tidak mempunyai pekerjaan - hampir 59,000 orang mencari kerja dan bila mereka mencari kerja, mereka telah ditipu oleh syarikat-syarikat yang berkenaan. Begitu juga dengan skim cepat kaya dan sebagainya. Kita tahu Pak Man Telo satu ketika dahulu dan banyak sekarang Pak Man Telo telah wujud dalam negara kita. Jadi dari segi pemantauan, dari segi denda yang dinyatakan dalam akta ini, saya berharap pihak kementerian akan dapat melaksanakannya dengan begitu berkesan. Sambil menjalankan pemeriksaan, segala butir-butir yang jika sekiranya syarikat tersebut dikehendaki mengemukakan butir-butir lanjut maka butir-butir tersebut hendaklah diperolehi dan diselidiki dan tidak semestinya diluluskan pendaftaran syarikat, renewal sebuah syarikat itu secara automatik.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan saya ini bukan bererti kita menyekat perkembangan syarikat-syarikat dalam negara kita. Kita tahu ada syarikat yang betul-betul ikhlas, jujur menjalankan perniagaan mereka, dengan adanya keadaan sedemikian, ia akan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan sambil membangunkan ekonomi dalam negara kita. Tetapi kita tidak mahu syarikat-syarikat yang beroperasi menipu rakyat seperti mana yang telah saya jelaskan tadi kerana ianya membebankan rakyat dan juga rakyat akan menjadi papa kedana akibat daripada tindakan-tindakan penipuan yang dilakukan oleh syarikat-syarikat yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang sama saya mengakui perlunya tindakan-tindakan diambil dan juga berasa dukacita terhadap tindakan-tindakan dan pindaan-pindaan yang telah dikemukakan oleh pihak kerajaan dalam pindaan-pindaan yang telah dicadangkan, saya ingin membawa satu perkara dalam Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua, iaitu saya telah menyatakan banyak kali. Saya ini selalu bercakap soal kaum pekerja dan kepentingan mereka, inilah tugas saya Tuan Yang di-Pertua.

Saya telah mencadangkan pindaan kepada Seksyen 292 (1) Akta Syarikat di mana pindaan ini perlu selari dengan pindaan yang telah dikemukakan oleh Kementerian Sumber Manusia iaitu Akta Kerja memastikan syarikat-syarikat yang diletakkan di bawah tanggungan atau jatuh muflis atau dengan izin, diletakkan di bawah *receivership* di mana gaji, pembayaran pampasan, *retrenchment benefit* adalah merupakan sebagai *skill creditors* iaitu hutang yang perlu dibayar terlebih dahulu sebelum syarikat tersebut membayar hutang-hutang lain, bank dan sebagainya. Ini perlu tindakan diambil oleh pihak kementerian. Kita tengok hari ini Tuan Yang di-Pertua, dalam kelembapan ekonomi yang berlaku di seluruh dunia, negara kita tidak ketinggalan hasil dari kelembapan ini menyebabkan banyak syarikat yang telah menutup pintu mereka.

Baru-baru ini seminggu yang lepas, sebuah syarikat kepunyaan orang-orang luar negeri iaitu Malaysian Wire Sendirian Berhad yang beroperasi di Shah Alam dan waktu pukul 7 malam syarikat tersebut digari dan dikunci *gate* dan ditampal dengan notis. Apabila besok pagi pekerja datang bekerja menyatakan syarikatnya sudah tutup dan tidak lagi beroperasi, kamu boleh mengambil cuti selama tiga bulan dan selepas itu ianya akan dipertimbangkan. Ini satu perkara yang berlaku dan tidak ada pembayaran dibuat kepada pekerja-pekerja. Jadi kalau pindaan ini dibuat selari dengan Akta Kerja, pernah saya menyatakan dahulu walaupun kita menyanjung tinggi usaha kerajaan meminda Akta Kerja bagi memastikan gaji dan bayaran-bayaran yang lain termasuk bayaran pampasan perlu dibayar kepada pekerja tetapi jika sekiranya pindaan kepada Akta Syarikat 292(1) tidak dibuat, sudah mestinya syarikat tidak boleh membuat pembayaran.

Jadi maknanya jika sekiranya pihak yang bertanggungjawab meyelong dan menjual harta syarikat seperti mesin, bangunan, *factory* dan sebagainya dia jual dan yang perlu dibayar ialah yang pertama ialah hutang-hutang syarikat tersebut, bukan pampasan kepada pekerja.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan dan situasi sekarang ini, kita menyangkakan bahawa lebih daripada 30,000 tenaga pekerja setakat ini sejak daripada kegawatan menimpa telah pun ditamatkan perkhidmatan mereka. Seperti mana Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, waktu saya mengemukakan soalan kepada Menteri Sumber Manusia pada 7 Ogos kita telah terima jawapan kepada kementerian iaitu di bawah *Voluntary Suppression Scheme* sahaja sebanyak 15,900 pekerja telah ditamatkan perkhidmatan. Jadi jumlah pekerja yang telah

diberhentikan kerja setakat ini, 30,086 orang pekerja. Besar kemungkinan, jika sekiranya kelembapan ekonomi berterusan, saya menjangkakan sehingga akhir tahun ini, hampir besar kemungkinan mengikut jangkaan 90,000 tenaga pekerja akan ditamatkan perkhidmatan.

Tuan Wong Kam Hoong: Tuan Yang di-Pertua, isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Zainal Rampak tidak ada kaitan dengan pindaan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, itu Kementerian Sumber Manusia.

Tuan Zainal Rampak: Saya menerangkan dan mencadangkan supaya pindaan dibuat Akta Syarikat 292 (1) itu ada kaitannya. Jadi kerana hendak mengingatkan kementerian, tanggungjawab kita semua, tidak semestinya kita menyatakan itu tanggungjawab Kementerian Sumber Manusia. Kita semua adalah merupakan satu kerajaan, *one government, there is no two governments, one country. There is one governmentt, one country.* Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan ini adalah satu perkara yang serius kepada kita semua. Jadi kita harus berganding bahu di antara satu sama lain, tidak menyatakan ini tidak berkaitan dengan pindaan ini. Saya mencadangkan supaya pindaan ini dapat dikemukakan, mengingatkan kepada kementerian tanggungjawab kita bersama bagi memastikan rakyat dan pekerja di negara ini tidak dianiayai, itu yang saya cadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat minta kementerian mana pindahan?

Tuan Zainal Rampak: Kementerian yang terlibat Tuan Yang di-Pertua. Jadi pindaan ini adalah pindaan Akta Syarikat 292 (1). Jadi kalau ini boleh dilakukan saya yakin kita akan dapat melihat bahawa mereka yang diberhentikan kerja Tuan Yang di-Pertua dapat pampasan sebelum syarikat membayar hutang-hutang syarikat. Ini yang saya hendak jelaskan dan saya cadangkan sambil saya menyokong pindaan-pindaan yang telah dicadangkan oleh syarikat, ini adalah merupakan sebahagian daripada tindakan yang dibuat oleh pihak kementerian bagi memastikan pekerja-pekerja di negara kita ini dilindungi.

Jadi, dengan kata-kata ini Tuan Yang di-Pertua, secara ringkas, saya menyokong atas pindaan ini sambil mengingatkan kementerian tanggungjawab atas pindaan yang telah saya cadangkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua : Dijemput Yang Berhormat Datuk William Lau.

11.52 pagi.

Datuk William Lau Kung Hui: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut mengambil bahagian membahaskan rang undang-undang ini untuk meminda Akta Pendaftaran Perniagaan 1956.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada pihak kementerian yang telah mengambil tindakan yang sangat bijak untuk menyatukan segala undang-undang berkenaan pendaftaran perniagaan supaya diuruskan oleh satu pihak sahaja iaitu Ketua Pegawai Eksekutif SSM. Di bawah sistem baru ini adalah nyata bahawa semua urusan pendaftaran perniagaan akan berjalan lebih lancar dan terselaras di samping ia dapat mengurangkan karenah pentadbiran. Sistem baru ini juga Tuan Yang di-Pertua, akan lebih memudahkan penguatkuasaan undang-undang yang berkenaan dengan nama perniagaan dan kawalan pendaftaran perniagaan.

Namun begitu, Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai beberapa pertanyaan dan komen berkenaan rang undang-undang ini. Pertama, saya ingin membahaskan seksyen 5C yang baru dalam Fasal 7. Seksyen baru 5C ini bertujuan untuk memberikan Pendaftar, kuasa untuk enggan mendaftarkan apa-apa perniagaan dan untuk membatalkan pendaftaran mana-mana perniagaan jika pendaftar berpuas hati bahawa perniagaan itu berkemungkinan digunakan bagi maksud yang menyalahi undang-undang atau apa-apa maksud yang memudaratkan atau tidak selaras dengan keselamatan persekutuan, ketenteraman awam atau ketatasusilaan.

Tuan Yang di-Pertua, tentang kuasa yang diberikan kepada pendaftar di bawah seksyen 5C ini nampaknya Pendaftar mempunyai kuasa yang sangat luas kerana seksyen ini memperuntukkan walaupun apa-apa yang bercanggah dengan akta ini, Pendaftar hendaklah enggan mendaftarkan apa-apa perniagaan jika dia berpuas hati yang perniagaan itu adalah bercanggah dengan kepentingan persekutuan.

Dalam keadaan ini Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat adalah lebih baik dan sesuai jika suatu peruntukan dibuat di mana pendaftaran sebuah perniagaan akan terbatal dengan sendiri jika ia melakukan apa-apa tindakan atau aktiviti yang menyalahi undang-undang atau apabila mana-mana ahli firma yang menjalankan perniagaan tersebut bertindak atau dengan izin, *“The registration of a business will be automatically cancelled by the happening of any event which makes it unlawful for the business of the firm to be carried on, or for members of the firm to carry it on in partnership.”* Peruntukan undang-undang yang saya cadangkan ini adalah lebih

baik kerana pendaftar tidak perlu membatalkan pendaftaran perniagaan manakala rayuan dari pemilik perniagaan boleh dielakkan.

Dengan peruntukan yang dicadangkan oleh saya ini akan menjadikan rayuan seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 11 dalam Fasal 10 oleh pemilik perniagaan jika ia timbul tidak relevan lagi. Dengan peruntukan yang dicadangkan oleh saya ini juga akan mengelakkan kelewatan dalam proses membatalkan pendaftaran dan oleh itu pendaftar mempunyai kuasa yang lebih berkesan untuk membatalkan pendaftaran perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang Seksyen baru 5D(1) di mana izinkan saya baca, *“Where a business registered under this Act has been terminated, the person responsible for the business shall within thirty days of the termination notify the Registrar in the prescribed form of such termination.”* Dan di bawah seksyen baru 5D(3) izinkan saya baca, *“Upon receipt of the notice under subsection (1) or (2), the Registrar shall revoke the registration and cancel the certificate of registration.”*

Tuan Yang di-Pertua, di bawah common law, liabiliti sesebuah perniagaan seperti pemilik i.e. sole proprietorship dengan izin, atau rakan kongsi (partnership) adalah tidak terhad dan pemiutang boleh menuntut semua aset perniagaan tersebut seperti jentera dan peralatan dan aset peribadi seperti rumah dan kereta dan sebagainya. Begitu juga liabiliti seorang yang bertanggungjawab ke atas perniagaan yang melanggar mana-mana undang-undang percukaian, amalan perdagangan, perbuatan menipu atau memperdaya, pampasan pekerja, tanggungan insurans, undang-undang kecil pihak berkuasa tempatan. Sebagai contohnya adalah tidak terhenti apabila syarikat dibubarkan. Sejalan dengan ini Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya mencadangkan bahawa pihak yang berkenaan patutlah juga membuat penjelasan yang sama seperti yang diperuntukkan dalam Fasal 6 Seksyen 5(8) yang baru ini di mana, izinkan saya baca, *“The registration of a business under this Act shall not be deemed to imply that the requirements of any law in relation to such business or to persons carrying on such business or employed in such business have been complied with.”*

Tuan Yang di-Pertua, seksyen baru 5(8) ini adalah tersangat jelas memperuntukkan bahawa pendaftaran yang diluluskan di bawah akta ini tidak bermakna bahawa semua keperluan di bawah apa-apa undang-undang lain atau pihak berkuasa lain telah dipenuhi dan oleh itu adalah menjadi tanggungjawab firma

atau syarikat tersebut untuk menentukan semua undang-undang lain yang berkenaan dipatuhi sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan peruntukan ini saya mencadangkan proviso yang serupa dengan Seksyen baru 5(8) tersebut digubal untuk menangani kes-kes penamatan pendaftaran iaitu apabila sebuah perniagaan telah dibatalkan atau ditamatkan, liabiliti orang-orang yang bertanggungjawab dalam perniagaan yang dibatalkan itu sama ada sivil atau jenayah adalah tidak terjejas dan dia adalah tidak terlepas dari tindakan undang-undang yang berkenaan sama ada mustahak atau tidak untuk membuat suatu peruntukan yang jelas bahawa pembatalan pendaftaran perniagaan tidak membebaskan seseorang pemilik perniagaan dari tanggungjawab menanggung apa-apa liabiliti lain di bawah undang-undang mengelakkan kekeliruan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sekali lagi merujuk seksyen baru 5C(2) tentang kuasa yang diberikan kepada pendaftar. Saya mencadangkan dalam proses pendaftar menentukan sama ada perniagaan digunakan 'for unlawful purposes' dengan izin, pendaftar hendaklah juga meninjau apakah sebenarnya yang dilakukan di sebalik perniagaan tersebut. Jika terdapat sebarang bukti bahawa peniaga tersebut telah bertindak secara menyalahi akta ini pendaftar hendaklah mengambil tindakan yang tegas walaupun pihak berkenaan menjalankan perniagaan secara genuine, dengan izin.

Dalam hubungan ini Tuan Yang di-Pertua, saya menyarankan bahawa pihak berkuasa tidak seharusnya diperdaya oleh ibarat kata, dengan izin, 'a wolf in sheep skin.'

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan tahniah kepada kementerian di atas daya usahanya meminda undang-undang ini untuk memasukkan peruntukan undang-undang tentang pemfailan dokumen secara elektronik dalam seksyen baru 22A yang dirujukkan di bawah Fasal 20. Seksyen baru 22A ini yang jelas, 22A(1) dengan izin, "*The Registrar may provide a service for the electronic filing or lodging of documents required by this Act to be filed or lodged with the Registrar.*" Memang baik.

Dengan adanya peruntukan baru ini Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) boleh mengendalikan pendaftaran perniagaan secara elektronik sejajar dengan perkembangan teknologi IT yang sedang pesat membangun pada masa ini. melalui

pemfailan dokumen secara elektronik ini juga akan menjadikan negara kita maju setepat lagi ke arah, dengan izin, paperless administration.

Tuan Yang di-Pertua, namun begitu saya berharap peruntukan dalam Seksyen 22A(8), *“Where a document is electronically filed or lodged with Registrar, the Registrar of the Registrar’s authorised agents shall not be liable for any loss or damage suffered by any person by reason of any error or omission.....”* dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 22A(8) saya harap tidak memerlukan sebagai satu batu penghalang untuk menjayakan rancangan teknologi IT. Untuk menunjukkan bahawa kerajaan adalah adil dalam menangani masalah yang mungkin timbul sebagaimana yang digambarkan dalam Subseksyen 8 tersebut, kerajaan haruslah menjamin bahawa apa-apa sahaja keperluan yang diperlukan untuk menjayakan rancangan ini akan dipenuhi tanpa bertolak dalih seperti kekurangan peruntukan dan kakitangan terlatih dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan haruslah juga memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pihak yang terlibat dengan sebarang masalah teknikal untuk meyakinkan dan menggalakkan orang ramai melanggan pendaftaran secara elektronik seperti yang disebut dalam Seksyen 22A(2). Saya yakin jika kerajaan atau suruhanjaya berkenaan boleh menangani sebarang masalah yang timbul dalam pemfailan dokumen secara elektronik ini lebih ramai pelanggan akan mengambil kesempatan ini sebagai suatu amalan baru dalam sistem pendaftaran perniagaan di negara kita.

Saya harap begitulah hendaknya Tuan Yang di-Pertua, agar negara kita mencapai taraf sebuah negara maju seperti yang terkandung dalam Wawasan 2020 yang diajukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Akhir kata Tuan Yang di-Pertua, saya perhatikan bahawa negeri Sarawak mempunyai suatu set undang-undang pendaftaran perniagaannya sendiri. Ia dikenali sebagai ‘Registration of Business Name Ordinance’ bukan akta. Saya ingin bertanya pihak yang berkenaan mengapakah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 itu belum lagi diperkenalkan di negeri Sarawak. Memandangkan perkara ini tidak merupakan salah satu bidang yang termasuk di bawah the protected list, di bawah ‘The 20 Points Inter-government Committee Agreement, dengan izin.

Saya berpendapat bahawa akta tahun 1956 ini terutamanya selepas ia dipinda oleh Dewan yang mulia ini adalah komprehensif dan saya mencadangkan Kerajaan Persekutuan patut meluaskan akta yang dipinda ke negeri Sarawak juga.

Dengan kata-kata dan komen ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Akta Pendaftaran Perniagaan (Pindaan) 2001. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, ini ada satu Usul daripada Yang Berhormat Menteri sebelum kita teruskan perbahasan kita pada tengah hari ini. Dengan ini saya jemput Yang Berhormat Menteri.

USUL

MEMINDA SUSUNAN ATURAN URUSAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 13(2)

12.10 pagi.

Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Datuk Tan Chai

Ho]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 13(2) Rang Undang-undang Lembaga Letrik Sabah (Pindaan) 2001 yang dijadualkan dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini sebagai nombor 5 didahulukan dan disenaraikan semula sebagai nombor 3 selepas Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos (Pindaan) 2001.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah satu usul seperti yang dibaca tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Timbalan Yang di-Pertua: Kita sambung perbahasan jika ada yang ingin berbahas lagi. Jika tidak saya jemput wakil Yang Berhormat Menteri untuk memberikan jawapan-jawapannya.

[Perbahasan disambung semula]

12.22 tgh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang (Pindaan) Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 khususnya kepada Yang Berhormat Puan Safinah binti Jusoh, Yang Berhormat Tuan Zainal bin Rampak dan juga Yang Berhormat Datuk William Lau Kung Hui.

Yang Berhormat Puan Safinah binti Jusoh membangkit beberapa perkara dan isu berkenaan dengan peringatan notis daripada Pejabat Pendaftar Perniagaan tempoh pemegang sijil, tempoh pembaharuan sijil yang panjang akan menyebabkan pelanggan iaitu peniaga lupa untuk memperbaharui sijil.

Tuan Yang di-Pertua, Pejabat Pendaftar Perniagaan iaitu Registrar of Business (ROB) dengan izin, telah mengambil pendekatan untuk mengatasi masalah peniaga yang lupa untuk memperbaharui sijil perakuan. Untuk makluman pada tahun 2000 sebanyak 656,721 kad peringatan telah dihantar kepada peniaga untuk memperbaharui sijil perakuan.

Yang Berhormat juga sentuh tentang isu peniaga perlu dibekalkan dengan peraturan-peraturan. Sememangnya peraturan-peraturan ini diberitahu kepada peniaga semasa sijil perakuan pendaftar perniagaan diberikan kepada peniaga. Peraturan-peraturan ini jelas tercatat di belakang sijil perakuan. Di samping itu, peniaga juga diberi peringatan dari masa ke semasa melalui media massa terutama melalui radio dan melalui ceramah-ceramah kepada peniaga dan bakal peniaga.

Yang Berhormat juga menasihatkan pejabat pendaftar menghantar surat peringatan sebelum mengambil tindakan mahkamah. ROB memang ada mengirimkan surat peringatan sebelum tarikh sijil tamat. Apabila peniaga masih tidak membaharui sijilnya selepas tiga bulan, satu surat peringatan mahkamah akan dikirimkan kepada peniaga. Dalam tahun 1999, sebanyak 296,464 surat peringatan dikirimkan. Ini bermakna untuk tiap-tiap peniaga, sebelum sijil itu ditamatkan, kita ada hantar. Ini banyak kerja, kementerian saya kena buat.

Di sini saya pun tidak faham, banyak peniaga untung banyak dalam perniagaannya tetapi apabila mereka menerima peringatan itu, mereka mengabaikan sahaja. Mereka pun tidak peduli kepada peringatan itu. Untuk makluman Dewan yang mulia ini dan untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2000 seramai

656,720 surat peringatan dikirimkan dan pada tahun ini sehingga bulan Jun 2001, juga sebanyak 324,780 surat peringatan dikirimkan. Kalau ada aduan-aduan daripada peniaga-peniaga iaitu pejabat saya tidak mengingatkan mereka sebelum sijil perakuan mereka tamat, inilah sesuatu yang tidak betul, sesuatu yang tidak benar sebab kementerian saya membelanjakan banyak wang untuk mengingatkan mereka. Lebih baiklah Yang Berhormat, bila ada aduan-aduan seumpama ini, beritahulah kepada mereka, mungkin alamat mereka silap atau bila mereka memindahkan perniagaan mereka kepada satu alamat yang baru, mungkin mereka pindah rumah dan sebagainya, mereka mesti memaklumkan kepada kementerian saya.

Lazimnya ramai peniaga yang akan, sama ada memfailkan borang penamatan perniagaan ataupun membuat pembaharuan sijil perniagaan untuk meneruskan perniagaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Zainal bin Rampak membangkitkan perkara-perkara dan isu-isu yang berkaitan dengan Akta Syarikat iaitu Seksyen 292.

Tuan Yang di-Pertua, isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tidak ada kaitan dengan pindaan hari ini. Walau bagaimanapun, Registrar of Company (ROC) adalah di bawah bidang kuasa kementerian saya. Pegawai saya akan mengambil perhatian perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Saya sedar bahawa Yang Berhormat adalah dalam bidang Kesatuan Sekerja, dengan izin, Union Work...

Timbalan Yang di-Pertua: MTUC.

Tuan Wong Kam Hoong: Ya?

Tuan Wong Kam Hoong: MTUC ya...MTUC dan beliau adalah seorang pejuang bagi kepentingan pekerja dan saya faham beliau juga kalau ada masa atau peluang beliau akan membangkitkan isu-isu pekerja dan saya akan menyuruh pegawai saya secara bertulis menjawab isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Zainal Rampak.

Tuan Yang di-Pertua, Datuk William Lau membangkitkan beberapa isu dan berkenaan dengan Seksyen 5C(2), apakah aktiviti yang dilakukan di sebalik perniagaan yang didaftarkan. ROB sememangnya menjalankan pemeriksaan dari masa ke semasa untuk memastikan butir-butir perniagaan yang dijalankan adalah selaras dengan butir-butir perniagaan yang telah didaftarkan dengan ROB.

Yang Berhormat juga menyentuh tentang Seksyen 5C iaitu kuasa pendaftar yang luas dan perlu satu peruntukan dibuat agar perniagaan terbatal dengan sendirinya jika terlibat dengan kegiatan yang menyalahi undang-undang. Pandangan Yang Berhormat ini diteliti dan diambil perhatian.

Yang Berhormat juga membangkitkan, mengapakah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 belum diperkenalkan di negeri Sarawak. Kerajaan Negeri Sarawak ada melaksanakan Business Names Act dan telah pun memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Sarawak sedang mengambil langkah yang sesuai untuk memperkemas akta sedia ada dengan memaklumkan perkara ini kepada kementerian saya.

Berkenaan dengan pendaftar enggan mendaftarkan perniagaan atau enggan membaharui sijil di bawah Seksyen 5C, kuasanya amat luas. Pendaftar dicadangkan membuat siasatan sebelum membatalkan sesuatu perniagaan. Ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk William Lau berkenaan dengan kuasa Pendaftar Perniagaan. Pendaftar Perniagaan akan membatalkan perniagaan yang ada menjalankan kegiatan lain daripada jenis perniagaan yang dijalankan dengan ROB. Pembatalan hanya dibuat setelah satu siasatan di premis perniagaan dibuat. Untuk peniaga yang menjalankan perniagaan yang didaftarkan, tidak perlu risau dengan Seksyen 5C ini. Pendaftar Perniagaan akan menggunakan kuasa ini dengan in the best interest, demi kepentingan peniaga dan tidak akan menyelewengkan kuasa-kuasanya.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk, ROB sentiasa membuat pemantauan dengan menjalankan pemeriksaan di premis perniagaan dan bukan senang untuk Pendaftar Perniagaan membatalkan lesen peniaga sebab ini dijalankan secara berperingkat. Sebelum sesuatu perniagaan dibatalkan, mereka mesti kaji kes-kes tertentu dan kalau ada sebab-sebab atau bukti-bukti yang tertentu, maka penamatan atau pembatalan dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, inilah isu-isu dan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Mengenai beberapa perkara yang saya tidak memberi jawapan atau tidak disentuh, pegawai saya akan memberi perhatian dengan sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Fasal 1 hingga 21 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERKHIDMATAN POS (PINDAAN) 2001

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.28 tgh.

Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Datuk Tan Chai

Ho]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mengemukakan rang undang-undang bernama Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos (Pindaan) 2001 untuk meminda Akta Perkhidmatan Pos 1991 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos (Pindaan) 2001 digubal berikutan dengan cadangan untuk membubarkan Jabatan Pos. Fungsi-fungsinya setelah dibubarkan kelak akan diserap kepada agensi-agensi penerima iaitu fungsi perancangan dan penggubalan dasar-dasar diserap kepada Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, manakala fungsi pengawalseliaan industri pos diserap kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Saya ingin memaklumkan bahawa bagi membolehkan tanggungjawab dan fungsi Jabatan Pos diserap kepada agensi-agensi penerima berkenaan, Akta Perkhidmatan Pos 1991, Akta 465 perlu dipinda sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan beberapa huraian berhubung dengan aspek-aspek utama yang terlibat dengan pindaan kepada Akta Perkhidmatan Pos dengan tujuan untuk memastikan pemindahan tanggungjawab dari fungsi Jabatan Pos kepada agensi penerima dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Pindaan ini akan memindahkan kuasa Ketua Pengarah atau pegawai pos kepada suruhanjaya, pengerusi atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh suruhanjaya. Sebanyak 23 seksyen terlibat dengan pindaan dan 10 daripadanya

merupakan pindaan-pindaan utama dan fasal-fasal yang terlibat adalah seperti berikut.

Satu, pindaan Seksyen 2. Antara pindaan utama di bawah seksyen ini ialah dengan memasukkan takrif baru bagi suruhanjaya menggantikan takrif 'pegawai diberi kuasa' serta memotong takrif 'Ketua Pengarah dan Jabatan Pos'. Takrif baru 'pegawai diberi kuasa' akan membolehkan mana-mana pegawai yang dilantik oleh suruhanjaya diberi kuasa bagi maksud-maksud akta ini, manakala pemotongan takrif 'Ketua Pengarah dan Jabatan Pos' pula adalah perlu kerana kedua-kedua takrif berkenaan tidak lagi berkaitan kerana fungsi-fungsi dan tugas-tugas Ketua Pengarah Pos diambil alih oleh suruhanjaya dan Jabatan Pos akan dibubarkan.

Kedua, pindaan Seksyen 4. Seksyen 4 akta ini diganti dengan peruntukan baru yang memberi kuasa kepada suruhanjaya untuk melaksanakan fungsi-fungsi dan tugas-tugas di bawah akta untuk memberi kesan kepada pengambilalihan fungsi-fungsi dan tugas-tugas Ketua Pengarah Pos oleh suruhanjaya. Dengan pengambilalihan ini, peruntukan mengenai pelantikan Ketua Pengarah Pos dan pegawai pos yang lainnya tidak lagi perlu.

Ketiga, pindaan Seksyen 5. Seksyen 5 yang memperuntukkan Ketua Pengarah Pos dan lain-lain pegawai pos mempunyai kuasa dan keistimewaan yang diberikan kerajaan meliputi keistimewaan dan perlindungan yang diberikan kepada kerajaan dalam perkara-perkara pos yang tertentu. Seksyen ini dipinda dengan memotong keseluruhan seksyen memandangkan Jabatan Pos akan dibubarkan dan suruhanjaya akan mengambil alih fungsi-fungsi dan tugas-tugasnya di bawah akta dan oleh itu peruntukan yang terkandung dalam seksyen ini tidak lagi sesuai.

Keempat, pindaan Seksyen 6 di bawah cadangan pindaan seksyen ini, subseksyen 6(1)(k) dipotong kerana Ketua Pengarah Pos tidak lagi menjalankan fungsi mewakili kerajaan dalam hal-hal perkhidmatan pos antarabangsa, namun begitu fungsi ini masih dikekalkan dengan kerajaan iaitu Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia.

Pindaan lain bagi seksyen ini ialah dengan meminda subseksyen 6(2) yang bertujuan untuk memberikan kuasa kepada suruhanjaya bagi membenarkan Pengerusi Suruhanjaya dan pegawainya yang diberikan kuasa menjalankan fungsi-fungsi dan tugas-tugas yang diperuntukkan dalam subseksyen 6(1) akta.

Tuan Yang di-Pertua, Pindaan Seksyen 9 – Seksyen 9 dipinda bagi membolehkan Suruhanjaya dikecualikan daripada tanggungan tertentu dan menjalankan fungsi-fungsi dan tugas-tugas di bawah Akta ini, iaitu antara lain pengecualian bagi kehilangan, salah serahan, kelewatan atau kerosakan barang-barang pos semasa penyaluran melalui pos kecuali kehilangan, salah serahan, kelewatan dan kerosakan tersebut berlaku dengan secara *fraud* atau berniat jahat atau kecuai.

Pindaan Seksyen 10 – Pindaan bagi seksyen ini dibuat bertujuan untuk memotong proviso kepada subseksyen 10(1) yang tidak lagi terpakai. Proviso itu hanya bermaksud untuk mengadakan peruntukan peralihan apabila Jabatan Perkhidmatan Pos diperbadankan pada tahun 1991.

Pindaan Seksyen 15 – Pindaan Seksyen 15 dibuat bertujuan untuk membolehkan Menteri mengecualikan kerajaan dan agensi-agensinya serta golongan orang-orang tertentu daripada dikenakan bayaran pos.

Pindaan Seksyen 40: Pindaan ke atas Seksyen 40 dibuat bertujuan untuk menyelaraskan peruntukan pengkompaunan kesalahan dalam Akta dengan peruntukan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang juga turut dikawal selia di bawah Suruhanjaya yang akan dijalankan oleh Pengerusi Suruhanjaya dengan keizinan secara bertulis daripada Pendakwa Raya boleh mengkompaun mana-mana kesalahan di bawah akta atau mana-mana kaedah yang ditetapkan oleh Menteri sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun.

Pindaan Seksyen 41 – Seksyen 41 dipinda bagi membolehkan Menteri memberikan kuasa kepada pegawai awam atau pegawai Suruhanjaya atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada inspektor untuk menjalankan penguatkuasaan di bawah Akta ini dan kaedah-kaedahnya.

Pindaan Seksyen 47 – Di bawah pindaan seksyen ini sebarang pendakwaan terhadap sesuatu kesalahan di bawah Akta atau kaedah-kaedahnya hanya boleh digunakan dengan keizinan secara bertulis daripada Pendakwa Raya.

Lain-lain pindaan terutama bagi Seksyen 7, 8, 14, 15, 20, 21, 29, 32 dan 34 hanya melibatkan pindaan umum iaitu pindaan perkataan "Ketua Pengarah" digantikan dengan "Suruhanjaya", manakala lain-lain pindaan yang tidak disebut secara khusus merupakan pindaan kecil atau berbangkit.

Peruntukan kecuai dan peralihan Fasal 26 yang mengandungi peruntukan kecuai dan peralihan yang bertujuan untuk melicinkan pengambilalihan fungsi-

fungsi dan tugas-tugas Ketua Pengarah Pos dan Jabatan Pos di bawah Akta oleh Suruhanjaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa dengan adanya Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos (Pindaan) 2001 urusan pembangunan dan pengawalseliaan industri pos akan dapat dikemaskinikan dan dimantapkan lagi sejajar dengan hasrat kerajaan untuk membawa industri komunikasi dan multimedia ke arah suasana yang lebih menarik, competitive dan dinamik.

Dengan adanya hanya satu badan kawal selia iaitu Suruhanjaya yang mengawal selia industri komunikasi dan multimedia akan membolehkan industri ini dipupuk dan dikembangkan selaras dengan era percantuman dalam industri komunikasi dan multimedia yang menuntut operator-operator pos bergerak ke arah mengkomersialkan organisasi pos, merancang pembangunan dari segi perniagaan baru, mengenal pasti strategi yang sesuai untuk kekal dan bersaing dalam pasaran antarabangsa, menjalinkan usaha-usaha kerjasama dan mengambil peluang dari kepesatan teknologi,

Memandangkan perundangan-perundangan berkenaan adalah di bawah tanggungjawab Suruhanjaya, maka adalah wajar kuasa dan tanggungjawab Suruhanjaya serta pengalaman dan anggota sedia ada dimanfaatkan untuk proses kawal selia industri komunikasi dan multimedia secara menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini sedar bahawa keberkesanan undang-undang yang berniat murni ini hanya akan menjadi kenyataan sekiranya ianya dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Oleh yang demikian, rang undang-undang ini memerlukan sokongan yang padu dan menyeluruh daripada semua pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang Di-Pertua : Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama "Suatu Akta untuk meminda Akta Perkhidmatan Pos 1991" dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dijemput Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng. .

12.48 tgh.

Dato' Dr. Chin Fook Weng Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan pindaan kepada Akta Perkhidmatan Pos ini.

Saya hanya ingin menyentuh terhadap satu fasal iaitu, Fasal 19 yang berkenaan dengan pindaan kepada Seksyen 41 di mana ada diberi kuasa kepada seorang pegawai polis berpangkat inspektor ke atas untuk menjalankan kuasa penguatkuasaan di bawah akta ini atau kaedah-kaedahnya. Saya hanya ingin hendak tahu, kenapa polis itu terlibat dalam penguatkuasaan undang-undang ini yang di bawah Pos sebenarnya dan adakah ini akan membawa banyak kekeliruan kalau seseorang awam itu ditahan oleh seorang pegawai polis kerana melanggar undang-undang Pos. Adakah ini patut dilakukan dan sama ada ini akan membawa keraguan sama ada inspektor itu adalah inspektor benar atau inspektor tiruan atau orang yang hanya menahan?

Ini kerana kebelakangan ini ada banyak kes yang mana orang telah menahan di mana-mana tempat atas kesalahan-kesalahan dan menyatakan mereka adalah pihak polis dan juga di lebuh raya pun ada banyak kereta telah ditahan oleh orang-orang yang mengatakan mereka polis dan sebenarnya mereka bukan. Jadi, saya ingin hendak tahu kenapa kuasa ini diberi kepada pihak polis untuk menguatkuasakan undang-undang di bawah Pos? Adalah lebih baik pada pendapat saya ini dijelaskan dan mungkin pihak orang awam itu tahu sebenarnya kalau ada sebab yang baik.

Itulah komen saya sahaja tentang pindaan ini, dan dengan itu, saya menyokong pindaan-pindaan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Siti Zailah.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia kerana prihatin terhadap permasalahan dan kecekapan perkhidmatan Pos dan kita mengharapkan pindaan ini akan menambahkan lagi kecekapan perkhidmatan Pos di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kesempatan ini saya ingin menyentuh beberapa perkara berkenaan dengan pindaan ini iaitu berkenaan dengan Fasal 18, Seksyen 40(1) yang menyebutkan bahawa Pengerusi Suruhanjaya boleh dengan keizinan bertulis pendakwa raya mengkompaun apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh

mana-mana orang di bawah akta ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya dan yang ditetapkan oleh Menteri sebagai satu kesalahan. Jadi, dalam persoalan Tuan Yang di-Pertua, saya pohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri memberi definisi dan contoh-contoh, garis yang sebenarnya, apakah yang dimaksudkan, sebagai yang ditetapkan oleh Menteri sebagai satu kesalahan?

Begitu juga, apakah kaedah standard yang cuba diguna pakai oleh pihak kementerian dalam mengukur kesalahan ataupun tidak? Adakah ianya turut melibatkan pengaruh budi bicara Menteri atau bagaimana? Tuan Yang di-Pertua, saya juga melihat bagaimana seksyen ini cenderung membawa kepada penyalahgunaan kuasa akibat daripada kemungkinan akan berlaku interpretasi yang tidak standardized. Justeru itu Tuan Yang di-Pertua, saya minta ianya diperjelaskan oleh Yang Berhormat Menteri.

Berkenaan dengan Fasal 18 juga iaitu yang disebutkan bahawa tawaran berbentuk kompaun akan dibuat secara bertulis oleh orang yang disyaki telah melakukan kesalahan dengan membayar kepada pengerusi suatu amaun wang yang tidak melebihi 50% daripada amaun maksimum denda bagi satu kesalahan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini mengapa dikatakan kompaun itu boleh dikenakan kepada orang yang disyaki bersalah sedangkan ia masih belum lagi terbukti bersalah? Adakah tindakan penggunaan kompaun ini boleh menjamin keadilan kepada mereka yang disyaki atau bagaimana? Apakah rasionalnya pula kepada setiap kesalahan, tawaran kompaun itu adalah sebanyak tidak melebihi 50% amaun maksimum dan berapakah amaun bagi setiap kesalahan sebenar serta jenis-jenis kesalahan yang digariskan serta diguna pakai?

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, semua ini perlu diperjelaskan kepada kita dalam Dewan yang mulia ini bagi memastikan tidak ada penyalahgunaan kuasa, penyelewengan serta anasir-anasir yang tidak sihat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh soal penjualan Pos Malaysia Berhad kepada Phileo Allied Berhad yang harganya amat rendah. Kalau dinilai harga Pos Malaysia Berhad, nilainya melebihi daripada RM1.2 bilion tetapi kerajaan telah menswastakannya dengan hanya harga RM800 juta.

Jadi, apakah rasional kerajaan berbuat demikian sedangkan perkhidmatan Pos Malaysia setiap tahun mencatatkan pertambahan keuntungan? Tuan Yang di-Pertua, saya juga difahamkan ramai rakyat yang tidak puas hati dengan fenomena yang berlaku ini dan begitu juga dengan perkhidmatan Pos sekarang ini. Ada di

antara sungutan orang ramai bagaimana pengurusan Pos masih lagi belum cekap dan memuaskan. Ada di antara mereka banyak yang terlibat dengan masalah penghantaran surat yang lambat dan surat yang rosak, yang koyak dan ada yang tidak sampai langsung. Ada kes yang pernah berlaku dalam negara kita, dua orang pelajar gagal masuk ke pusat pengajian tinggi kerana kelewatan menerima surat tawaran.

Jadi adakah dengan pindaan ini kerajaan boleh memastikan bahawa masalah-masalah yang tidak puas hati yang disungutkan oleh rakyat ini dapat diatasi dengan sebaik-baiknya. Dan apakah tindakan kerajaan untuk menjamin supaya perkara ini tidak berulang lagi di masa hadapan. Jadi, dengan itu saya turut menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat K.R.A. Naidu.

12.51 tgh

Tuan K.R.A Naidu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tujuan utama pemindaan akta-akta ini adalah untuk pengambilalihan fungsi-fungsi dan tugas-tugas Ketua Pengarah Pos oleh Suruhanjaya Komunikasi. Di sini saya berharap dengan pengambilalihan ini rakyat dapat menempatkan perkhidmatan pos diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, kini Pos Malaysia adalah sebuah organisasi persyarikatan setelah sekian lama berkhidmat sebagai sebuah jabatan kerajaan. Perubahan ini adalah bertujuan menjadikan Pos Malaysia menjadi aktif dan dinamik bertujuan untuk mengaut keuntungan yang paling maksimum di samping menyediakan perkhidmatan yang berkualiti untuk pelanggannya. Sejauh mana objektif tersebut mencapai matlamatnya menjadi tanda tanya kerana perkhidmatan serahan surat-surat dan telegram yang tidak memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menjelaskan di sini bahawa rungutan-rungutan dalam surat khabar dan beberapa kejadian dalam kawasan saya sendiri di Slim River membuktikan. Standard perkhidmatan mel dalam negara yang ditetapkan oleh Pos Malaysia adalah seperti berikut:

- (a) D+1- Ini bererti surat atau surat berdaftar dapat diserahkan sehari selepas hari pengeposan untuk serahan tempatan;
- (b) D+2 – Ini bererti surat serahan atau surat berdaftar dapat disampaikan dua hari selepas hari pengeposan di antara bandar-bandar utama;

- (c) D+3 – Ini bererti serahan surat atau surat berdaftar tiga hari selepas hari pengeposan di antara pekan kecil; dan
- (d) D+4 – Ini bererti serahan surat atau surat berdaftar sampai ke tempat di luar bandar selepas empat hari pengeposan.

Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh terangkan kepada kita apa yang A, B, C itu. Kategori daripada mana dapat?

Tuan K.R.A Naidu: Ini adalah mengikut servis yang diberi oleh pejabat pos. Dia ada peraturan. Peraturan ialah antara bandar-bandar utama satu hari. Bandar-bandar di luar bandar dua hari, tiga hari, dan sebagainya. Itulah standard yang mereka ada pada ketika ini. Tetapi walaupun ada standard yang mereka ingin menjalankan tetapi di banyak tempat kita dapati surat-surat yang dihantar melalui pos tidak sampai pada hari yang ditetapkan.

Contohnya, pada masa dahulu sebelum pejabat pos dikomersilkan surat daripada Kuala Lumpur atau Ipoh dihantar ke Slim River di Perak melalui train. Pada ketika itu kita boleh dapat surat dalam tempoh sehari. Tetapi sekarang surat yang dihantar dari Kuala Lumpur makan tempoh selama lima atau empat hari. Kalau kita dapat dalam tempoh tiga hari syabas.

Ini adalah kerana dalam penyiasatan saya surat-surat dari Kuala Lumpur atau Ipoh yang dihantar ke Slim River dihantar ke Tapah dulu. Di Tapah mereka mengasingkan surat-surat itu dan hantar ke Slim River. Jadi, apa yang saya tujukan di sini ialah walaupun tujuan kita untuk syarikatkan pejabat pos adalah untuk membaiki perkhidmatan tetapi nampaknya walaupun ada standard-standard telah ditetapkan oleh sebab perjalanannya tidak teratur ini sudah mengakibatkan membawa beberapa kesulitan kepada orang ramai.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, di kawasan-kawasan luar bandar khususnya di bandar-bandar kecil seperti yang hanya ada satu pegawai dulu ada posmen. Posmen itu sekarang dari bandar kecil contohnya di Trolak ditarik balik kepada pejabat besar. Jadi, pejabat-pejabat pos kecil ini tidak lagi ada posmen. Posmen ini datang dari bandar besar seperti Slim River. Dan apa yang berlaku ialah kalau posmen dari Slim River contohnya lebih kurang 8 batu daripada Trolak ini hantar satu surat berdaftar katakanlah Felda Trolak Selatan lebih kurang 15 atau 18 batu jaraknya daripada Slim River. Dia hantar surat berdaftar dan kalau orang tidak ada di situ dia hanya hantar surat kuning.

Timbalan Yang di-Pertua: Satu kad kuning.

Tuan K. R. A. Naidu: Kad kuning. Bagi tahu dia you ambil surat berdaftar itu di Slim River. Bayangkan kesusahan yang dihadapi oleh peneroka-peneroka FELDA ini dia mahu berjalan pergi sejauh 18 batu untuk ambil surat itu. Jadi, ini membawa kesulitan kepada orang ramai. Dan selain daripada itu saya tidak menyalahkan pegawai-pegawai di pejabat pos, apa yang berlaku di pejabat pos ini ialah pejabat pos sekarang digunakan untuk pelbagai tujuan. Tidak sahaja untuk tujuan menghantar surat. Dulunya kita hanya kerja di pejabat pos hanyalah untuk menjual setem, mendaftar surat, mengirim telegram dan sebagainya. Tetapi apa yang berlaku sekarang ialah pejabat pos telah dijadikan sebagai agensi. Agensi bererti sekarang sebin menjalankan tugas-tugas yang berkaitan dengan perkhidmatan pos, pegawai-pegawai di pejabat pos juga terpaksa mengeluarkan cukai jalan, membaharui lesen memandu, menerima bil-bil elektrik, air, telefon, telefon bimbit, menjual saham ASN dan saham-saham lain dan baru-baru ini juga menjual komputer. Jadi, perkhidmatan di sini sudah menjadi perkhidmatan rojak nampaknya.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Naidu, cerita pos ini sedap pula. Boleh kita sambung selepas makan nanti.

Tuan K. R. A. Naidu: Boleh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tangguhkan majlis mesyuarat Dewan ini hingga jam 2.30 petang ini.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Naidu sudah habis, belum? Sila sambung.

2.30 ptg.

Tuan K. R. A. Naidu: Tuan Yang di-Pertua, buat masa kini saya rasa pejabat pos kita telah dibebankan dengan pelbagai tanggungjawab kepada rakyat dan ini mengakibatkan rakyat tidak dapat menerima perkhidmatan yang baik. Apabila kita sebut perkhidmatan pos, pejabat pos, perkhidmatan utama yang kita gambarkan ialah penghantaran surat, akan tetapi pegawai-pegawai di pejabat pos terpaksa menjalankan pelbagai jenis kerja.

Oleh sebab-sebab yang tersebut, saya mencadangkan supaya kerajaan menimbang untuk mewujudkan satu lagi perkhidmatan pos swasta supaya perkhidmatan yang diberikan oleh pejabat pos dapat diasingkan dan diselaraskan. Maksud saya ialah pejabat pos hanyalah menjalankan kerja-kerja yang berkaitan dengan pejabat pos seperti menjual setem, surat berdaftar, bungkusan, pemberi perkhidmatan surat, menghantar telegram dan sebagainya. Syarikat yang baru boleh menumpukan perhatian kepada kerja-kerja agensi seperti menjual saham, menerima bil-bil elektrik dan sebagainya.

Dengan kata-kata itu, saya bersetuju dengan pindaan yang dicadangkan terutama fasal 12 yang bertujuan untuk meminda seksyen 15 akta untuk membolehkan Menteri mengecualikan kerajaan dan agensi-agensi kerajaan daripada bayaran pos. Akan tetapi saya kurang bersetuju jika pihak pos termasuk pegawai polis dan kastam membuka surat-surat rasmi semata-mata untuk mengetahui apakah isi kandungannya. Tindakan itu adalah kerana ia bertugas di luar batasan. Namun demikian, ini bukan bererti saya bersetuju bahawa pihak-pihak Ahli Parlimen menyalahgunakan kemudahan pos dengan mengepos surat-surat peribadi.

Dengan kata-kata itu, saya menyokong Rang Undang-undang Akta Perkhidmatan Pos 1991. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan See Too Mee.

2.36 ptg.

Puan See Too Mee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas rang undang-undang ini. Saya tidak ada apa-apa komen atas pindaan takrif dalam seksyen akta berkenaan, cuma hendak membangkitkan sedikit sebanyak masalah perkhidmatan pos yang dihadapi oleh orang awam di kawasan luar bandar.

Sepertimana yang kita sedia maklum, perkhidmatan pos merupakan satu perkhidmatan perlu atau *essential service* di mana perkhidmatan secara meluas, berkualiti, berterusan dan terjamin untuk semua peringkat pengguna dengan harga yang berpatutan perlu diwujudkan. Walau bagaimanapun, sehingga setakat ini, kita mendapati banyak masalah serta kelemahan yang timbul dalam perkhidmatan pos masa kini. Aduan orang awam atau para pengguna tentang pelbagai perkhidmatan yang diberikan oleh pejabat-pejabat pos di merata tempat semakin bertambah, terutamanya dari segi mutu perkhidmatan pos yang masih kekal dengan kaedah yang lama, yang tidak sehaluan dengan pembangunan masa kini.

Aduan utama daripada para pengguna terhadap perkhidmatan pos ialah penghantaran surat-surat yang terlewat, hilang atau tidak tentu masanya. Kelewatan surat yang disampaikan kepada pengguna atau destinasi tertentu, ini telah menimbulkan banyak masalah sampingan dan kadangkala membawa kepada implikasi yang buruk sehinggakan menjejaskan peluang pendidikan atau perniagaan seseorang individu.

Salah satu contohnya, yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Siti Zailah tadi iaitu kehilangan keperluan untuk kemasukan ke universiti kerana kelewatan menerima surat tawaran universiti berkenaan. Lebih-lebih lagi, bagi surat-surat yang hilang termasuklah surat-surat berdaftar.

Satu perkara yang mungkin amat menarik ialah perkhidmatan pos laju yang sering terlewat, kadangkala sehingga beberapa hari lamanya. Perkhidmatan pos laju ini memang mendapat pertikaian di kalangan orang awam dan perlu dibaiki. Sekurang-kurangnya perlu setanding dengan perkhidmatan-perkhidmatan courier service, dengan izin, yang sedia ada dalam negara kita ini seperti DHL, City Link, Nationwide Express dan sebagainya.

Selain daripada itu, dari aspek harga postage dengan izin, bayaran pos laju antara Johor Bharu dan Kuala Lumpur, harga sebanyak RM10. Walau bayaran untuk DHL, City Link dan sebagainya dikenakan cuma serendah RM5 atau RM8. Berbanding aspek bayaran perkhidmatan pos dan aspek efficiency, dengan izin, jelaslah perkhidmatan yang mana satu akan jadi pilihan orang ramai.

Masalah kedua merupakan satu fenomena yang menjadi satu kebiasaan kepada orang ramai ialah masa menunggu yang lama di pejabat pos, khasnya di pejabat pos dalam daerah-daerah. Keadaan bangunan yang sempit, kekurangan kakitangan pejabat pos dan pelanggan yang ramai untuk pelbagai perkhidmatan. Keadaan seumpama ini jelas di sesetengah tempat di Johor Bharu dan sebagainya. Tidak dinafikan perkhidmatan pos hari ini, telah memberikan kemudahan yang menyeluruh kepada para penduduk khasnya penduduk-penduduk di kawasan luar bandar.

Perkhidmatan pos yang menjadi tempat kaunter bayaran pusat telah memudahkan penduduk untuk membayar bil-bil kemudahan awam mereka seperti bil air, bil elektrik, bil telefon, kini telefon bimbit yang pelbagai, lesen memandu, cukai jalan dan sebagainya secara setempat seperti yang telah dibangkitkan tadi oleh Yang Berhormat Naidu. Namun demikian, penambahan pelbagai perkhidmatan

yang baru yang boleh dikatakan terus membebankan pihak perkhidmatan pos. Keadaan ini di pejabat-pejabat pos setempat tidak banyak berubah dari segi infrastrukturnya kecuali berkomputer sahaja.

Kesesakan di pejabat-pejabat pos pada setiap masa telah menjadi satu pembaziran masa bagi para pelanggannya, tidak mengira sama ada seseorang individu tersebut berhasrat untuk menjelaskan bil-bilnya ataupun hanya bertujuan untuk membeli sekeping setem yang bernilai 30 sen sahaja. Kesabaran untuk menunggu telah dijadikan satu amalan biasa yang tidak dapat dielakkan.

Tuan Yang di-Pertua, rancangan atau tindakan kerajaan dalam menswastakan pelbagai perkhidmatan adalah demi memberi perkhidmatan yang lebih bermutu, di samping menambahkan hasil keuntungan untuk satu perkhidmatan atau syarikat swasta yang berkenaan. Oleh yang demikian, pada pendapat saya, kini telah tibalah masanya bagi pihak Ketua Pengarah Perkhidmatan Pos atau yang akan dikenali sebagai Suruhanjaya nanti dapat memberi perhatian, mengadakan kajian tentang beberapa kelemahan dan perkhidmatan ini iaitu:

- (i) Rombakan semula dalam perkhidmatan tersebut dengan memastikan kakitangan yang mencukupi diadakan di cawangan atau pejabat pos yang perlu.
- (ii) Pertambahan kaunter yang berasingan dengan pelbagai perkhidmatan yang sedia ada. Umpamanya, kaunter bayaran bil, kaunter untuk lesen pengangkutan jalan, kaunter setem, kaunter wang pos, ASN, ASB, kaunter pos surat, bungkusan dan sebagainya.
- (iii) Membesarkan dan memperluaskan bangunan pos dan kawasan persekitarannya dengan menyediakan tempat rehat, tempat menunggu yang selesa serta tempat letak kenderaan yang mencukupi.

Akhir kata, perkhidmatan pos yang sejajar dengan perkembangan masa kini telah menjadi satu keperluan asas rakyat jelata. Kita akan terus ketinggalan dalam mencapai cita-cita kita dalam perkembangan multimedia dan k-ekonomi tanpa satu sistem perhubungan yang berkenaan dan *efficiency*, dengan izin.

Dengan kata-kata ini, saya menyokong Rang Undang-undang Akta Perkhidmatan Pos (Pindaan) 2001. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Jamilah.

2.45 ptg.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut mengambil bahagian secara umumnya dalam pindaan Akta Perkhidmatan Pos 1991.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan selepas daripada pindaan ini dibuat dan diterima pakai maka kita ingin melihat suruhanjaya ini dapat mengemaskinikan urusan pos sama ada surat, barang-barang hantaran dan seumpamanya. Maka kita berkeyakinan suatu perubahan bersepadu dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan, cepat, pantas dan cekap. Kerana ianya bersepadu dengan cepat dan pantas seperti cepatnya operasi elektronik multimedia yang kita yakin kepantasan pergerakannya.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini kita menghadapi masalah kelambatan menerima surat, kelembapan menerima sebarang hantaran bungkusan yang menjadi rungutan di merata-rata tempat, lebih-lebih lagi barang hantaran seperti makanan, bungkusan yang dihantar sama ada dalam negeri ataupun di luar negara. Seperti mana kita mengetahui ramai pelajar kita berada di luar negara. Ramai ibu bapa yang menghantar makanan, pakaian dan sebagainya. Kadangkala anak-anak kita menerima makanan dalam keadaan rosak dan berulat manakala pakaiannya hilang dan sebagainya. Oleh itu harapan saya Tuan Yang di-Pertua, selepas daripada pindaan ini dibuat, kita berkeyakinan ianya dapat beroperasi dengan lebih baik dan berkesan dan kita mengharapkan supaya mengkaji semula peranan pejabat pos seperti mana yang ada sekarang.

Pada hemat saya fungsi dan peranannya semakin melebar mengakibatkan merosotnya kecekapan mereka disebabkan dilebarkan pengurusan dan prioriti/keutamaan fungsi pejabat pos itu. Oleh itu saya turut mencadangkan supaya pejabat pos dapat beroperasi 24 jam pada tempat-tempat yang sesuai. Di samping itu membuka lebih banyak cawangan pejabat pos di mana wujudnya kawasan pertambahan penempatan di sekitar dan di dalam negara kita.

Seterusnya melalui suruhanjaya ini saya mengharapkan dapat menyediakan kursus-kursus dan program-program motivasi kepada para pekerja di samping sentiasa berusaha menanamkan nilai-nilai murni seperti amanah, transparent, telus dan jujur kepada para pekerja. Sekiranya perlu diberikan insentif tertentu yang merupakan suatu cara galakan kepada mereka yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, seperti kita melihat posmen sekarang ini, kadang-kadang motosikal yang digunakan oleh posmen boleh dikira hampir tua dan uzur, maknanya terlalu lama. Jadi, hantaran surat dan bungkusan tergendala dengan alat yang diguna pakai oleh mereka yang bekerja di pejabat pos termasuk lori-lori dan sebagainya. Jadi, situasi kenderaan dan alat-alat pemakaian ini juga diambil kira dan harus dikemaskinikan oleh suruhanjaya yang akan diluluskan nanti.

Jadi, saya rasa itulah pandangan saya Tuan Yang di-Pertua, serba sedikit tetapi sumbangan atas pandangan itu saya ucapkan terima kasih dan terus menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk William Lau.

2.50 ptg.

Datuk William Lau Kung Hui: Saya turut mengambil bahagian membahaskan rang undang-undang untuk membuat pindaan kepada Akta Perkhidmatan Pos 1991.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia di atas daya usahanya yang membubarkan Jabatan Perkhidmatan Pos dan memindahkan fungsi seliaan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia. Usaha yang dijalankan ini Tuan Yang di-Pertua, sangatlah kena pada masanya kerana ia mencerminkan keperluan semasa yang bergerak ke arah pembangunan teknologi di dunia ini. Dengan kemunculan, dengan izin, the new economy, kita sekarang sedang menyaksikan arah aliran baru yang menuju global, knowledge and information-driven economy. dengan izin. Malah sekarang ini pun sudah terdapat teknologi cyberspace, e-mail, ICQ dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, namun begitu posmen dan surat-menyurat yang kita waris selama ini akan kekal dalam kehidupan kita agak lama lagi. Dengan sebab itu saya berhajat untuk mengulas sedikit perkhidmatan yang dibekalkan oleh Pos Malaysia di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, semasa kita kedel dahulu Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini mungkin ingat, posmen adalah jiran kita yang sangat penting. Kita sungguh berbangga kerana memiliki suatu perkhidmatan pos yang sangat boleh diharapkan. Masukkan surat di dalam sampulnya, tulis nama penerima dan alamatnya walaupun tanpa menulis poskod, kemudian lekat setem di atasnya dan

masukkan ia ke dalam peti surat. Kita berasa begitu yakin bahawa surat tersebut akan sampai ke alamat yang dituju walaupun merentas lautan.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sedihnya menyatakan bahawa kebolehpercayaan ini sudah tiada lagi. Banyak surat yang dihantar tidak pun sampai ke destinasi, dan jika ia sampai, ia sampai begitu lewat. Apakah yang terjadi kepada Pos Malaysia?

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah suatu perkara yang amat serius. Walaupun e-mail sudah dibangunkan dan penggunaan telefon mudah alih secara berleluasa, namun masih banyak urusan perdagangan moden ketika ini dijalankan melalui pos. Berapa ramai di antara Ahli-ahli Yang Berhormat di sini, masih menghantar cek melalui pos untuk membayar kad kredit dan lain-lain. Apa yang saya ingin tunjukkan di sini Tuan Yang di-Pertua, ialah bahawa perkhidmatan pos masih sangat penting dan masih lagi mempunyai permintaan yang tinggi bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, rakan-rakan di Dewan yang mulia pagi dan tengah hari ini semua mengucapkan without any exception dengan izin, tentang perkhidmatan pos yang kurang memuaskan. Saya juga ingin berkongsi pengalaman. Baru-baru ini saya menghantar satu surat AR berdaftar (registered mail) bagi pihak seorang kawan saya kepada seorang penerima. Penerima itu tinggal tidak sampai pun 5 kilometer jauhnya dari tempat saya. Selepas sebulan kad AR tersebut tidak dikembalikan, bermakna surat tersebut sama ada tersalah hantar atau langsung tidak dihantar. Apabila pertanyaan dibuat di Pos Malaysia Sibiu, Sarawak didapati surat tersebut masih tersimpan di pejabat pos berkenaan. Tidak ada pun usaha dilakukan untuk menghantar semula surat itu ataupun penghantar surat dimaklumkan bahawa surat tersebut tidak diterima.

Tuan Yang di-Pertua, selepas ini berlaku satu insiden lagi tentang saya. Saya poskan satu surat dari Sibiu ke Kucing, iaitu suatu tempat yang jauhnya kira-kira 30 minit perjalanan dengan penerbangan Boeing 737 tetapi malangnya surat tersebut mengambil masa selama 11 hari baru sampai. Masa itu bukan pun musim perayaan tetapi adalah hari-hari biasa sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, masalah surat tidak sampai atau sampai lewat atau tersalah hantar atau tidak dihantar langsung seperti yang saya bangkitkan ini, saya percaya adalah dengan izin, the tip of the iceberg. Saya percaya ramai Ahli Yang Berhormat dan kakitangan di sini memang pun has a same experience

dengan izin. Sehubungan dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya sukacita menyeru kepada kementerian yang berkenaan supaya mengambil berat dengan masalah yang saya bangkitkan ini kerana jika dibiarkan akan menjejaskan banyak pihak termasuk ahli perniagaan dan para pelancong.

Walaupun Pos Malaysia sekarang terlalu ghairah untuk mengembangkan perniagaannya, ia tidak seharusnya mengetepikan tugasnya yang dengan izin, fundamental duty. Setelah sekian lama Pos Malaysia ditubuhkan, saya berpendapat suatu kajian menyeluruh adalah diperlukan untuk mengkaji peranan dan keberkesanan perbadanan ini sesuai dengan perkembangan semasa. Dengan kawal selia yang akan dipindahkan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, saya harap Suruhanjaya ini akan dapat melihat masalah ini dengan lebih kritis lagi dan menawarkan solusi yang berkesan kepada masalah-masalah yang saya bangkitkan tadi serta mengatasi kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam Pos Malaysia masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, Pos Malaysia adalah satu monopoli di mana tidak terdapat sebarang saingan. Namun begitu perkhidmatannya masih boleh dimajukan. Adakah kita membayar gaji dengan cukup kepada semua posmen yang bekerja keras untuk menghantar surat-surat di dalam suatu kawasan yang lebih besar lagi? Dengan tanggungjawab tambahan yang diberikan kepada mereka seperti Pos Malaysia telah dilantik sebagai wakil KWSP untuk menjual komputer, saya tertanya-tanya sanggup lagikah posmen kita bekerja untuk menghantar jumlah surat yang semakin bertambah, dengan cekap?

Tuan Yang di-Pertua, dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia mengambil alih fungsi seliaan daripada jabatan perkhidmatan dan juga Pos Malaysia akan diambil alih oleh pihak Phileo Allied Berhad tetapi the standard of service haruslah - it must be there, dengan izin.

Saya berharap Pos Malaysia akan bersifat dengan izin, customer orientated agar kebanggaan kita memiliki perkhidmatan pos yang cekap dan boleh dipercayai selama ini dikembalikan. Yang lebih penting ialah surat sampai tepat ke semua destinasi dan harga setem tidak boleh naik.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini, saya memohon untuk menyokong sepenuhnya rang undang-undang ini untuk meminda Akta Perkhidmatan Pos 1991. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Abdillah.

3.01 ptg.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos (Pindaan) 2001. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin berkongsi ataupun memaklumkan pendirian yang sama seperti Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain terhadap perkhidmatan pos kita.

Seperti yang pernah saya maklumkan di Dewan yang mulia ini di persidangan yang lalu, saya sendiri juga pernah mengalami satu peristiwa di mana surat yang saya kiriman telah dihantarkan balik kepada saya walaupun saya menggunakan pos laju dan tempat saya mengirinkan surat itu adalah jelas sekali walaupun ada perubahan sedikit dalam alamat namun nama tempat yang dituju itu adalah jelas tetapi dukacita surat itu dihantarkan kembali kepada saya. Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita mempunyai banyak sungutan terhadap perkhidmatan pos, saya masih lagi mempunyai kepercayaan yang penuh ke atas perkhidmatan pos kita. Saya mempunyai confidence, dengan izin, yang lebih ke atas perkhidmatan pos kita.

Di zaman moden ini, kebanyakan daripada syarikat-syarikat menggunakan perkhidmatan syarikat *courier service* dengan izin, tetapi bagi rakyat jelata kebanyakan daripada mereka masih lagi bergantung kepada perkhidmatan pos. Saya berharap dengan adanya pindaan ke atas akta ini, perkhidmatan pos di negara kita akan menjadi lebih cekap lagi terutama sekali perkhidmatan yang kita beri kepada penduduk-penduduk di luar bandar.

Seperti mana yang kita maklum Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan pos ini adalah satu-satunya sistem perhubungan di antara kita yang begitu baik walaupun di zaman moden ini terdapat banyak sistem-sistem perhubungan yang lebih canggih. Saya masih lagi mempunyai kepercayaan kepada sistem pos yang ada di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin bertanya kepada pihak kementerian sama ada dalam masa kita sudah canggih ini, mempunyai sistem elektronik dan sebagainya sama ada perkhidmatan pos kita boleh juga kita gunakan di mana pejabat pos itu mempunyai satu tempat ataupun kiosk sama seperti telephone booth untuk kita mengirinkan surat melalui faks ataupun melalui e-mel supaya banyak perkara yang ingin kita kirinkan seperti surat yang hendak dikirinkan dalam masa yang singkat dapat dipermudahkan. Ini akan dapat membantu rakyat jelata yang tidak mempunyai kemudahan-kemudahan ini. Pada masa sekarang adalah sukar bagi

mereka untuk menggunakan kemudahan faks e-mel yang ada di tempat-tempat orang lain.

Oleh yang demikian saya berharap di pejabat pos tertentu terutama sekali di dalam kawasan luar bandar, ianya akan mempunyai booth seperti telephone booth untuk kita mengirim email dan juga untuk kita mengirim faks. Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya sistem ataupun perkhidmatan pos kita akan dapat dijalankan dengan lebih cekap dan canggih .

Tuan Yang di-Pertua, apabila bercakap tentang pos ini, saya mempunyai *nostalgia*, dengan izin, kerana dalam tahun 60-an di tempat saya di Miri, waktu itu kalau hendak tunggu result peperiksaan, kita hanya bergantung kepada surat yang dikirimkan melalui pos dan kapal terbang pada masa itu adalah jenis kecil, saya pun tidak tahu jenis kapal terbang waktu itu tetapi saya boleh beritahu bahawa lapangan terbang waktu itu ialah landasan yang menggunakan rumput dan sekiranya hujan berterusan beberapa hari, kita tidak akan dapat menerima surat dan apabila keadaan mengizinkan barulah kita dapat menerima surat selama itu dan betapa gembiranya kita pada waktu itu apabila mendapat surat kerana perhubungan kita dengan orang yang hendak kita hubungi ataupun kita hendak mendapat jawapan daripada sesuatu tempat telah dapat dijalinkan.

Sehingga sekarang Tuan Yang di-Pertua, saya benar-benar masih lagi yakin dengan perkhidmatan pos ini dan saya berharap dengan adanya pindaan ke atas perkhidmatan pos ini, sistem perkhidmatan pos kita di Malaysia akan dapat kita perbaiki lagi supaya ianya lebih efisien dan canggih terutama sekali untuk rakyat kita di luar bandar.

Dengan kata-kata sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila jawab.

3.07 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, Yang Berhormat Puan Siti Zailah, Yang Berhormat K.R.A. Naidu, Yang Berhormat Puan See Too Me, Yang Berhormat Puan Jamilah Ibrahim, Yang Berhormat Datuk William Lau dan Yang Berhormat Tuan Abdillah bin Abdul Rahim kerana kesemua Ahli Yang Berhormat ini telah mengambil

bahagian dalam perbahasan berkenaan Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos (Pindaan) 2001.

Tuan Yang di-Pertua, hampir kesemua Ahli Yang Berhormat telah pun membangkitkan masalah kualiti perkhidmatan pos dan Ahli-ahli Yang Berhormat mencadangkan supaya Pos Malaysia Berhad harus meningkatkan tahap kualiti perkhidmatan. Saya ingin memaklumkan Ahli Yang Berhormat iaitu semenjak tahun 1996, Pos Malaysia Berhad pun telah melaksanakan program-program pemodenan operasi mel yang meningkatkan kualiti perkhidmatan mel iaitu seperti berikut:

Bagi perkhidmatan mail, antara tindakan yang telah diambil adalah seperti berikut:

- (i) membeli peralatan yang lebih moden bagi memproses dan menyisih surat;
- (ii) memberi latihan bagi meningkatkan kecekapan kakitangannya;
- (iii) mengkaji semula sistem kutipan mail di peti-peti surat;
- (iv) mengadakan ruang kerja yang luas dan selesa bagi anggotanya;
- (v) memberi tumpuan kepada kawasan-kawasan pertubuhan mail di Lembah Klang, Pulau Pinang dan Johor Bahru;
- (vi) membuat kajian untuk memperkenalkan sistem poskod tujuh digit; dan akhirnya
- (vii) mengadakan promosi penggunaan surat standard.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu PMB juga secara berterusan meningkatkan perkhidmatan kaunter dan tadi ada beberapa orang ahli Yang Berhormat telah membangkitkan mengenai kesesakan di kaunter pembayaran pejabat-pejabat pos. Oleh itu PMB pun telah mengambil tindakan dengan sewajarnya.

Di antara langkah-langkah yang diambil adalah membuka pejabat-pejabat pos baru, menambah bilangan kaunter di pejabat-pejabat pos, mengambil anggota baru, memberi latihan dan kemahiran asas kepada anggotanya, menyediakan sistem tiket kiliran bagi pengguna dan menambah peralatan di kaunter-kaunter pejabat pos.

Tuan Yang di-Pertua, ini bermakna Pos Malaysia Berhad prihatin terhadap kepentingan pengguna. Oleh itu tindakan-tindakan dan langkah-langkah pun sedang dan akan diambil supaya pada suatu hari kita boleh mencapai matlamat atau target

tahap kualiti perkhidmatan Pos Malaysia Berhad iaitu kita hendak capai 98% di mana semua surat boleh dihantar atau diserahkan dalam tempoh yang ditentukan.

Memang benar walaupun ada standard perkhidmatan mail ditetapkan iaitu tadi Yang Berhormat Tuan K.R.A. Naidu telah membangkitkan standard perkhidmatan mail di mana dia sebutkan T+1, T+2, T+3, T+4. Saya ingin menjelaskan bahawa apa yang dikatakan T+1, T+2, T+3, T+4 ini bermakna adalah hari pengeposan, hari yang kita pos surat-surat kita. 1, 2, 3, 4 ini bermakna hari berikutnya. Di sini saya sebutkan tiga kategori atau standard perkhidmatan mail:

- (i) serahan tempatan. Ini bermakna di dalam lingkungan bandar raya dan bandar-bandar utama. Piawaian perkhidmatan ialah T+1;
- (ii) di dalam negeri yang sama iaitu di antara kesemua bandar-bandar iaitu T+2, dan di antara dua buah bandar T+3; dan
- (iii) di antara lain-lain negeri, di antara bandar-bandar utama T+2, di antara kesemua bandar-bandar lain T+3, dan di antara dua bandar ialah T+4.

Inilah satu piawaian perkhidmatan di mana kita harap boleh dicapai supaya semua surat yang dikirim atau dipos akan sampai pada masa yang ditentukan. Memang benar ada surat-surat yang dipos dan tidak diterima pada masa yang ditentukan. Ini adalah masalah-masalah yang dihadapi oleh Pos Malaysia Berhad dan memang faktor-faktor yang terlibat atau sebab-sebabnya adalah banyak. Tetapi tadi saya kata Pos Malaysia Berhad sedang melaksanakan tindakan-tindakan yang sewajarnya supaya ini tidak berulang.

Banyak masalah penyerahan mail di kawasan luar bandar yang sentiasa menghadapi masalah kelewatan surat yang diterima. Ini adalah kerana di kawasan pedalaman kita ada jalan raya dan rumah-rumah terletak jauh di kawasan pedalaman dan bertaburan, di sini ada rumah, di sana ada rumah - bertabur-tabur di sini dan di sana. Kadangkala tidak ada nama jalan dan lampu rumah. Ini pun adalah satu masalah yang besar di mana posmen susah hendak serahkan surat kepada orang yang menerima.

Walau bagaimanapun, Pos Malaysia sedang melaksanakan sistem perkhidmatan peti surat berkelompok di mana peti surat berkelompok ditubuhkan supaya posmen senang untuk serahkan surat. Selepas itu penerima boleh dapat atau terima surat. Ini pun telah diamalkan di kawasan-kawasan pedalaman negeri

Sarawak. Saya berharap dengan amalan sistem ini aduan-aduan mengenai kelewatan menerima surat akan dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng telah membangkitkan pertanyaan apa sebab polis terlibat dalam penguat kuasa dalam akta pindaan ini. Sebenarnya penglibatan polis hanya sebagai tambahan kepada pegawai-pegawai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia.

Saya bagi satu contoh. Masa saya bertugas di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di mana polis diberi kuas di bawah Akta Hakcipta sekarang ini barangan cetak rompak adalah satu isu yang hangat, panas. Jadi, bukan sahaja penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna boleh mengambil tindakan tetapi pihak polis pun ada kuasa untuk mengambil tindakan terhadap orang-orang yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti cetak rompak. Jadi, polis yang berpangkat Inspektor boleh membuat siasatan jika ada seseorang yang melakukan kesalahan di bawah akta ini.

Yang Berhormat Senator Puan Siti Zailah telah membangkitkan penggunaan perkataan orang yang disyaki, saya ingin menjelaskan bahawa kesalahan berkaitan dengan peraturan-peraturan akta sebelum keputusan atau jatuh hukuman dibuat oleh mahkamah, beliau bukanlah seorang pesalah atau penjenayah. Kalau keputusan belum dibuat oleh mahkamah, kita tidak boleh kata dia adalah seorang penjenayah atau seorang yang salah.

Saya bagi satu contoh. Katakan kita langgar peraturan jalan raya iaitu di bawah Akta Lalulintas di mana kereta kita telah melebihi had laju. Memang ini adalah satu kesalahan tetapi sebelum kita didakwa di mahkamah, kita belum pasti kita yang melakukan kesalahan dan biasanya polis menawarkan kompaun kepada kita jika kita telah melanggar peraturan jalan raya dan polis mempunyai bukti-bukti yang konkrit di mana kita ada pilihan iaitu kalau kita bayar kompaun yang ditawarkan oleh pihak polis, kita tidak perlu pergi ke mahkamah dan kita ada pilihan. Jika kita tidak mengaku salah, kita tidak mahu bayar kompaun, kita minta bicara di mahkamah. Jadi, kita kena tunggu sampai keputusan mahkamah. Ini bermakna kita disyaki sahaja.

Jadi, dalam akta ini, yang dikatakan...

Tuan Hassan bin Haji Sukri: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat minta laluan.

Tuan Hassan bin Haji Sukri: Terima kasih. Saya ingin mendapat penjelasan. Sepanjang pengalaman yang telah lalu mana lebih banyak tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa suruhanjaya sendiri atau oleh polis? Saya hendak tanya. Terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Di bawah Akta Perkhidmatan Pos pindaan ini, ini bermakna pegawai suruhanjaya atau polis boleh mengambil tindakan terhadap seseorang yang melakukan kesalahan. Di sini saya ingin menjelaskan bahawa iaitu apabila suruhanjaya telah dapat bukti-bukti yang solid, yang konkrit dan suruhanjaya akan merujuk kepada pendakwa raya. Jadi, kalau pendakwa raya telah putuskan bahawa kes ini boleh ditawarkan pembayaran kompaun, ini bermakna suruhanjaya akan memberitahu orang yang disyaki supaya beliau boleh membayar kompaun.

Kata, kalau pendakwa raya selepas keputusan supaya kes ini dibawa ke mahkamah, ini bermakna kes ini akan dibicarakan di mahkamah tetapi orang yang disyaki ada mempunyai kuasa pilihan. Ini bermakna kalau ditawarkan kompaun, dia enggan bayar, dia boleh rujukkan perkara ini di mahkamah. Jadi, ada pilihan dan kalau kes yang melakukan kesalahan di mana orang yang disyaki itu boleh membayar kompaun ini dengan keputusan dari suruhanjaya yang tidak melebihi 5% dari amaun denda di bawah akta ini, ini bermakna tidak boleh melebihi 50% dan semua perkara ini iaitu pengkompaunan dan dakwaan semua adalah dapat keizinan secara bertulis daripada pendakwa raya. Ini bermakna suruhanjaya dan pegawai-pegawai tidak boleh salah gunakan kuasa. Jadi, satu permintaan yang cukup baik.

Yang Berhormat K.R.A. Naidu menyatakan post office macam kedai runcitkah atau apa di mana mengutip banyak atau berjenis-jenis bayaran di mana menyebabkan kesesakan di kaunter bayaran post office.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pejabat pos merupakan one-stop center yang dipraktikkan. Ini adalah untuk kemudahan pengguna-pengguna supaya mereka boleh membayar bil-bil – elektrik, air, telefon dan sebagainya dan di kawasan-kawasan luar bandar, pejabat pos telah menjadi tumpuan penduduk untuk menjelaskan bil-bil mereka di mana tidak terdapat pejabat-pejabat utiliti yang lain. Jadi, kemudahan yang disediakan oleh pejabat pos ini menyebabkan orang ramai menggunakan pejabat pos dan kerap kali menyebabkan kesesakan khususnya pada penghujung bulan.

Jadi, pihak kementerian ini mengambil perhatian dan sentiasa memberi arahan kepada Pos Malaysia supaya mengambil tindakan sewajarnya dan tadi saya

pun telah sebutkan di mana beberapa tindakan pun telah diambil. Soal mengenai penjualan Pos Malaysia kepada Philleo Allied Berhad, Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan mengenai penswastaaan Pos ini adalah di luar tanggungjawab kementerian.

Saya minta Yang Berhormat Puan Siti Zailah boleh rujuk pertanyaan ini kepada Kementerian Kewangan. Jadi, mengenai harga syer-syer, silalah rujuk perkara ini kepada Kementerian Kewangan, ya. Yang Berhormat Puan See Too Mee adalah cukup prihatin terhadap pengguna-pengguna di mana beliau telah kata surat lewat diterima dan kadang-kala hilang. Jadi, masalah ini memang berlaku. Tadi saya kata Pos Malaysia berharap supaya boleh capai 98% bagi tahap kualiti perkhidmatan. Walau bagaimanapun, pihak Pos Malaysia Berhad pun telah ambil tindakan dan diharap pada satu hari kita betul-betul boleh capai 98% di mana semua surat dihantar, semua pihak akan rasa gembira.

Masalah kesesakan pejabat pos khususnya di kaunter pembayaran, ini saya pun sudah jawab. Tuan Yang di-Pertua, di bawah akta ini, di mana sesiapa tidak boleh tahan atau membuka kandungan surat kecuali ia dapat kebenaran dari Menteri kementerian ini, pengarah, jabatan pos atau arahan suatu mahkamah. Jika tidak, sesiapa yang buka atau tahan surat, buka kandungan surat itu merupakan satu kesalahan, akan diambil tindakan mahkamah. Yang Berhormat Datuk William.....[Disampuk]

Datuk William Lau Kung Hui: Saya minta laluan Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat kata hanya mahkamah boleh beri kuasa kepada seorang posmen buka *mail* dan *parcel*. Sejauh mana saya tahu, *special branch* diletak di tiap-tiap *post office*, selalu ada orang buka *mail* itu. Siapa memberi kuasa kepada dia? Terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya kata kecuali sesuatu arahan daripada mahkamah atau kebenaran daripada Ketua Pengarah Pos atau kebenaran daripada Menteri. Kalau tidak, orang yang buka surat atau tahan surat itu adalah salah.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Minta laluan, boleh? Bagaimana Menteri atau Pengarah Pejabat Pos boleh tahu bahawa surat itu perlu dibuka dan kenapa? Apa sebabnya dibuka? Terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Hassan Shukri. Sebelum itu, seseorang yang buka atau tahan surat itu kena mohon dahulu. Kalau

dia tidak dapat kebenaran, memang dia tidak boleh dan apabila permohonan yang diterima, pihak tertentu, Menteri atau pejabat pos kena kaji secara teliti. Kalau keputusan daripada mahkamah, jadi kita tidak boleh tentanglah. Kena mohon, buat permohonan kepada Menteri atau jabatan pos dan ini akan dikaji secara teliti.

Yang Berhormat Datuk William Lau sudah membangkitkan perkara mengenai kajian menyeluruh mengenai industri pos. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKM) akan menjalankan kajian berhubung dengan pengawalseliaan industri Pos Malaysia bagi melengkapkan mutu perkhidmatan dan kajian ini dijangka siap pada tahun 2002, kajian akan dibuat bagi.

Yang Berhormat Puan Jamilah telah membangkitkan beberapa perkara di mana posmen, dia hendak beri kenderaan yang baru. Nampaknya motosikal yang digunakan oleh posmen sudah lama dan uzur. Memang Pos Malaysia sentiasa ambil perhatian dan prihatin kepada kebajikan dan kepentingan posmen dan kita akan memberi keselesaan atau kemudahan kepada semua posmen.

Mengenai latihan, sebenarnya Institut Latihan Pos Malaysia di Bangi, Selangor telah memberi latihan kepada semua pekerja dan eksekutif Pos Malaysia Berhad. Kursus dijalankan sepanjang tahun dan 90% daripada pekerja yang telah dilatih adalah terdiri daripada pekerja yang telah lama berkhidmat. Ia adalah sesuai dengan kehendak syarikat supaya pekerja-pekerja dilatih secara berterusan bagi memperlengkapkan atau mengemaskinikan kemahiran pengetahuan dan mencapai tahap sikap yang positif.

Tuan Yang di-Pertua, inilah jawapan daripada saya . Saya mohon maaf kalau di mana saya tidak dapat menjawab dan pegawai-pegawai kementerian ini telah mencatatkan semua cadangan dan teguran daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Dan semua cadangan ini akan diambil kira dan diberi pertimbangan sewajarnya. Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 26 -

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan berkenaan dengan penggantian Seksyen 40 iaitu yang menyatakan di sini akta ini dengan membuat satu tawaran secara bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompoun kesalahan itu dengan membayar kepada pengerusi satu amaun wang yang tidak melebihi 50% daripada amaun maksimum denda bagi kesalahan itu.

Jadi, saya hendak tahu adakah suruhanjaya ini mendapat dari segi reventuannya menerusi kompaun-kompaun semacam ini ataupun mereka juga diberi peluang untuk ada surcaj kepada syarikat pos baru ini yang diswastakan. Apakah cara pembayaran syarikat yang diswastakan ini kepada suruhanjaya yang mengendalikan, mengawasi sistem baru ini.

Saya juga minta penjelasan dari segi Fasal 12 iaitu bertujuan untuk meminda Seksyen 15 akta untuk membolehkan Menteri mengecualikan kerajaan dan agensi-agensi kerajaan daripada bayaran pos. Adakah ini termasuk surat-surat, mel-mel yang dihantar oleh wakil rakyat. Saya dahulu saya ingat lama dahulu sebelum pejabat pos dikorporatkan, wakil-wakil rakyat dia ada cop Adun atau Ahli Parlimen bila hantar surat itu tidak perlu setem. Tetapi sekarang ini saya tidak berapa tahulah, saya pun tidak tulis surat sangat. *[Ketawa]* Tetapi adakah mereka ini dikecualikan termasuk sahabat-sahabat kita daripada parti pembangkang tidak kiralah mana statusnya ataupun apa cara pengecualian yang akan dipohon oleh pihak Menteri. Kalau sekiranya dipohon semua mel-mel kerajaan tanpa bayaran setem saya rasa syarikat yang diswastakan ini mungkin bankrap tidak lama lagi. Terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, amaun wang kompaun yang dibayar oleh orang yang disyaki, bukan revenue untuk suruhanjaya tetapi wang ini akan disalurkan kepada Treasury - Kementerian Kewangan. Dan ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Ahli Dewan Negara, Ahli Dewan Rakyat dan Adun Yang Berhormat ya, semua adalah dikecualikan daripada segi pembayaran setem. *[Disampuk]* Ini telah di....

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Tan Chai Ho: Ya, secara rasmi. Tidak boleh pakailah jika syarikat di mana Yang Berhormat mempunyai dan menghantar notis meeting kepada ahli-ahli

kongsi ini mesti tidak boleh. Tetapi secara rasmi surat yang dihantar adalah dikecualikan daripada pembayaran setem. Ini pun sudah digazetkan.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: *[Menyampuk][Pembesar suara dimatikan]*

Datuk Tan Chai Ho: Tidak, tidak. Ini bukan perkara yang baru. Sudah diadakan lama ya.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Sekiranya kompaun itu bukannya sebagai revenue kepada suruhanjaya, apakah pendapatan yang diterima suruhanjaya mengawasi sistem pos ini kerana kita tahu kalau sekiranya suruhanjaya yang lain, dia ada macam katakanlah suruhanjaya ataupun jabatan dia kutip ses daripada importlah, PORLA ses daripada kelapa sawit dan sebagainya. Jadi, yang ini adakah harga setiap setem katalah setem lima puluh sen, satu sen beri kepada suruhanjaya. Kalau tidak suruhanjaya yang baru ini akan menjalankan tugasnya secara percuma sahaja dalam mengawasi ini. Jadi saya hendak tahu, adakah mereka memikirkan ini.

Datuk Tan Chai Ho: Terima kasih cadangan dari Yang Berhormat Dato' Aziz. Sebenarnya tadi saya kata semua wang diterima tadi termasuk kompaun hendaklah dibayar kepada Treasury dan ini tidak boleh dimasukkan ke dalam akaun suruhanjaya. Tetapi saya bagi contoh ya, bayaran lesen pos di mana suruhanjaya kutip wang ini boleh digunakan atau boleh dimasukkan dalam akaun suruhanjaya.

Fasal 1 hingga 26 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang .

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA LETRIK SABAH (PINDAAN) 2001

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.50 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Rang Undang-undang Lembaga Letrik Sabah (Pindaan) 2001 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Lembaga Letrik Sabah (Pindaan) 2001 digubal ekoran daripada keputusan kerajaan untuk memindahkan semua harta, hak dan liabiliti Lembaga Letrik Sabah (LLS) kepada Sabah Electricity Sdn. Bhd. secara sekali gus melalui proses Statutory Vesting Order (SVO). Buat masa ini, Rang Undang-undang Lembaga Letrik Sabah (Pindaan) 2001 telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjelaskan latar belakang pindaan kepada Akta Lembaga Letrik Sabah 1983, Akta 278 ini. Kerajaan telah bersetuju supaya Lembaga Letrik Sabah (LLS) diswastakan secara terus (*direct privatization*), dengan izin. Rasional di sebalik penswastakan tersebut adalah bagi membolehkan pihak yang mengambil alih LLS memperkenalkan pembaharuan dengan secepat mungkin agar mutu perkhidmatan bekalan elektrik di seluruh negeri Sabah termasuk Wilayah Persekutuan Labuan dipertingkatkan.

Untuk melaksanakan penswastakan itu, kerajaan telah bersetuju supaya Akta Lembaga Letrik Sabah 1983, Akta 278 dipinda bagi membolehkan business LLS diswastakan secara terus. Berpandukan kepada keputusan berkenaan Akta Lembaga Letrik Sabah (Pindaan) 1997 telah dibentang dan diluluskan oleh Parlimen serta berkuat kuasa pada 25 Julai 1997. Lanjutan daripada itu, satu perjanjian penswastakan business LLS telah dirundingi, dipersetujui dan dimeterai di antara Kerajaan Persekutuan, LLS dan Sabah Electricity Sdn. Bhd. pada 26 Ogos 1998.

Business LLS telah diswastakan pada 1 September 1998 kepada SESB yang ekuitinya dimiliki oleh Tenaga Nasional Berhad 80% dan Kerajaan Negeri Sabah 20%. Lanjutan daripada termeterainya perjanjian tersebut, SESB telah mengambil alih business LLS dan menjalankan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan operasi sebagai sebuah utiliti elektrik. Aktiviti-aktiviti tersebut termasuklah penjanaan tenaga elektrik, penghantaran dan pembahagian tenaga elektrik kepada para pengguna melalui rangkaian talian penghantaran dan pembahagian.

Walaupun business-nya telah diswastakan, LLS terpaksa terus wujud sebagai satu *legal entity* oleh kerana kesemua aset, hak dan liabiliti yang dimiliki oleh LLS belum lagi dapat dipindah milik kepada SESB. Pada masa ini SESB sedang beroperasi dengan menggunakan aset yang dimiliki oleh LLS mulai tarikh pelaksanaan perjanjian penswastakan tersebut iaitu pada 1 September 1998. Di antara aset, hak serta liabiliti milik LLS yang digunakan oleh SESB termasuklah stesen-stesen janakuasa bagi menjana tenaga elektrik, talian penghantaran dan

pembahagian stesen pencawang elektrik, tapak-tapak tanah stesen pencawang elektrik, perjanjian-perjanjian kontrak yang telah ditandatangani oleh pihak LLS dengan pihak-pihak ketiga serta hak-hak izin lalu bagi sistem talian penghantaran dan pembahagian di seluruh negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, pihak SESB tidak akan dapat beroperasi terus menerus secara lebih efficient dan effective tanpa mendapatkan hak milik (ownership) ke atas kesemua aset, hak dan liabiliti tersebut yang masih lagi di atas nama LLS. Saya ingin memaklumkan bahawa pindaan akta yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- (i) Fasal 2 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 90A ke dalam Akta 278 untuk memberi kuasa kepada Menteri yang bertanggungjawab tentang hak-hak mengenai tenaga untuk membuat sesuatu perintah yang meletakkan segala harta, hak dan liabiliti Lembaga Letrik Sabah kepada orang yang akan ditentukan oleh Menteri dalam perintah ini iaitu Sabah Electricity Sdn. Bhd. Peletakkan akan berkuat kuasa pada tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri dalam perintah tersebut.
- (ii) Fasal ini juga bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 90B ke dalam Akta 278 untuk membenarkan SESB memohon perintah mahkamah tinggi untuk tujuan mendaftarkan peletakkan bagi segala atau mana-mana tanah bermilik atau apa-apa share atau kepentingan mengenai tanah itu di Sabah yang dimiliki oleh LLS selaras dengan Ordinan Tanah Sabah dan hanya mengiktiraf pendaftaran tanah tersebut kepada SESB melalui perintah mahkamah.
- (iii) Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 91, Akta 278 agar peletakkan harta, hak dan liabiliti LLS di bawah seksyen 90A yang dicadangkan itu boleh dijadikan alasan bagi pembubaran LLS.

Tuan Yang di-Pertua, lanjutan daripada cadangan pindaan kepada seksyen baru 90A dan 90B di atas, Menteri akan membuat satu perintah bagi tarikh peletakkan dan pada tarikh tersebut kesemua aset, hak dan liabiliti LLS akan dipindah milik dan diletakkan kepada SESB tanpa melalui sebarang proses penyerahmilikan, serah hak atau pindah milik.

Tarikh peletakhakan akan disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 September 1998 secara *retrospective*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Tarikh ini adalah selaras dengan tarikh business LLS diswastakan kepada SESB dan ia dicadangkan atas alasan supaya tidak ada perbezaan di antara tarikh penswastan dan tarikh peletakhakan dan ini akan memudahkan proses dari segi aspek perundangan dan pentadbiran.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Lembaga Letrik Sabah 1983 perlu dipinda bagi membolehkan proses pemindahan semua harta, hak dan liabiliti LLS kepada SESB dilaksanakan secara sekali gus melalui proses Statutory Vesting Order. Tindakan ini adalah perlu bagi memastikan supaya pelaksanaan penswastan business LLS dapat dimuktamadkan dengan segera secara sempurna dan teratur, selaras dengan hasrat utama kerajaan untuk menswastakan LLS.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia

[Tuan Chia Kwang Chye]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama "Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Letrik Sabah 1983" dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Dato' Aziz.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua..

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum meneruskan ucapan, oleh sebab Yang Berhormat Tuan Haji Gapar Timbalan kita ada hal yang penting petang ini, tidak dapat hadir dalam Dewan dan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 6(1) sekarang saya menjemput Yang Berhormat Datuk Long bin Jidin untuk membantu saya mempengerusikan Majlis Mesyuarat Dewan Negara.

[Datuk Long bin Jidin *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa keliru sedikit berkenaan dengan akta ini kerana saya tidak faham kenapa apabila Lembaga Letrik Sabah diswastakan pada 1.9.1998 kegiatan dan tindakan letak hak segala aset dan liabiliti Lembaga Letrik Sabah tidak dibuat pada waktu yang sama. Kalau ianya tidak dibuat pada waktu yang sama sekarang ini timbul implikasi-implikasi kewangan. Saya ingin hendak minta penjelasan kepada pihak kerajaan apabila LLS diambil alih oleh Syarikat Letrik Sabah Sendirian Berhad yang ekuitinya 80% kepunyaan Tenaga Nasional Berhad, 20% kepunyaan Kerajaan

Negeri Sabah, adakah pembayaran yang dibuat pada waktu itu 1/9/98 mengambil kira tentang ketidak pindah miliknya aset liabiliti Lembaga Letrik Sabah.

Saya tidak dapat membayangkan apakah cara perjanjian antara Syarikat Letrik Sabah Sendirian Berhad dengan Lembaga Letrik Sabah. Adakah perjanjian yang dibuat untuk menggunakan aset LLS dengan bayaran-bayaran tertentu dibuat mengikut perjanjian kalau wujud pada waktu itu. Kalau tidak saya perhatikan saya ingin mengetahui berapa banyak, berapakah jumlah pembayaran yang dibuat pada 1/9/98 apabila ianya diswastakan tanpa mengambil alih aset kepunyaan Lembaga Letrik Sabah. Adakah ianya mengambil kira dari segi nilai aset Lembaga Letrik Sabah yang tidak diserahkan pada waktu itu tetapi akan digunakan dan telahpun digunakan selama 2 tahun 11 bulan, iaitu pada hari ini 8/8/2001 dan pada tarikh penswastakan 1/9/98. Jadi, bagaimana perkara ini boleh berlaku dengan mengambil masa 2 tahun 11 bulan barulah difikirkan perlu untuk meletakkan aset-aset dan liabiliti LLS kepada Syarikat Letrik Sabah Sendirian Berhad.

Jadi, kalau boleh kerajaan menceritakan sedikit kepada Dewan, memberitahu kepada Dewan ini apakah penilaian yang dibuat atas percanggahan tarikh dengan cara penswastakan di mana saya yakin Tenaga Nasional Berhad sebagai pemegang saham 80% dan Kerajaan Negeri Sabah telah pun mengaut keuntungan daripada kegiatan-kegiatan selama 2 tahun 11 bulan. Jadi, keuntungan-keuntungan itu sebenarnya menggunakan aset LLN tanpa aset itu dipindahkan. Jadi, ini kalau dapat pihak kerajaan, itu sahaja yang hendak saya sentuh kerana ini amat 'fundamental' bagi memahami perbezaan tarikh antara penswastakan dengan pemindahan aset kepunyaan Lembaga Letrik Sabah. Terima kasih.

Datuk Long bin Jidin: Sila Yang Berhormat.

4.07 ptg.

Dato' Dr Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam Akta Lembaga Letrik Sabah Pindaan 2001 ini. Saya ada satu pertanyaan juga dalam perkara ini iaitu berkaitan dengan pindaan perjanjian-perjanjian di antara LLS dengan pihak yang ketiga. Dahulu itu pihak yang kedua tetapi sekarang memandangkan SESB telah juga masuk dengan pihak yang ketiga. Memandangkan LLS mungkin ada perjanjian-perjanjian yang tertentu dengan pihak-pihak yang menyewa tanah dia, mungkin ada tanah-tanah kosong LLS yang

telah disewakan kepada pihak yang kedua pada ketika itu. Sekarang adakah mereka diperlukan untuk membuat perjanjian yang baru dengan SESB kerana kalau sudah dipindah, sudah meletakkan hak kepada satu badan yang baru maka perjanjian-perjanjian di antara LLS dengan pihak yang kedua itu, adakah semua ini perlu juga dipindah dan kalau ia diperlukan dan ada perbelanjaan yang terlibat siapa yang akan menanggung perbelanjaan ini?

Adakah semua itu akan ditanggung oleh SESB ataupun pihak third party itu yang kena bayar perbelanjaan ini. Saya bimbang kalau ada banyak kes-kes sedemikian mungkin penyewa-penyewa tanah itu sudah menghadapi satu masalah. Sekiranya ada saya mintalah kepada pihak SESB supaya menanggungkan semua perbelanjaan untuk meminda perjanjian dan sebagainya kepada SESB daripada LLS. Juga mungkin pihak-pihak boleh mengambil kesempatan ini untuk menaikkan sewa dan sebagainya. Jadi, kalau ini juga dicadangkan saya mintalah bahawa jangan naikkan sebarang sewa kepada pengguna-pengguna tanah yang telah menyewanya daripada LLS tetapi sekarang kena membuat perjanjian yang baru dengan SESB.

Ini kerana kita tidak mahu menyusahkan pihak-pihak ini dan kalau perjanjian telah dibuat semasa penswastaan itu berlaku pada 1 September 1998 mungkin keadaan itu berlainan tetapi sekarang sudah beberapa tahun, jadi adakah implikasi-implikasi yang saya bangkitkan itu akan terjadi. Kalau ada, maka saya minta dari segi SESB itu lebih berjaga-jaga dan janganlah membebankan rakyat yang terlibat itu. Jadi saya mohon menyokong. Terima kasih.

Datuk Long bin Jidin: Ada lagi Yang Berhormat yang ingin membahas. Tidak ada? Minta Yang Berhormat Menteri.

4.10 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Dato' Abdul Aziz dan juga Yang Berhormat Dato' Dr. Chin di mana mereka telah mengambil bahagian dalam perbahasan berkenaan akta ini.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz telah membangkitkan soalan, apa sebab pindaan ini baru dilakukan walaupun tarikh penswastaan pada 1 September 1998.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1997, satu pindaan telah dilakukan iaitu untuk membolehkan perniagaan LLS untuk menjana, membekalkan dan mengagih tenaga elektrik dipindahkan secara terus kepada SESB melalui perjanjian

penswastaan. Pada masa itu memang benar bahawa LLS menghadapi masalah kewangan. Oleh itu Kerajaan Persekutuan meminta TNB bersama-sama dengan Kerajaan Sabah iaitu syarikat yang ditubuhkan adalah SESB supaya mengambil alih perniagaan LLS. Kali ini, pindaan adalah dibuat untuk mengatasi masalah aset, hak dan liabiliti LLS kepada SESB.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah perjanjian penswastaan LLS yang ditandatangani antara Kerajaan Persekutuan, LLS dan SESB, semua aset, hak dan liabiliti dipindahkan milik kepada SESB dengan harga nominal RM1. Pada masa itu, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kelewatan berpunca kerana Akta LLS tahun 1983, di mana tidak ada peruntukan atau kita tidak membolehkan semua aset khas dan liabiliti dipindahkan milik kepada SESB. Jika tidak meminda, Akta LLS tahun 1998, jadi tindakan telah diambil bagi memindahkan pemilikan aset, hak dan liabiliti pada kali ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tadi saya pun telah kata tarikh perletakhakkan akan disifatkan mula berkuat kuasa pada 1 September 1998 secara *retrospective* dan tarikh ini adalah selaras dengan tarikh business LLS diswastakan kepada SESB dan ia dicadangkan atas alasan supaya tidak ada perbezaan di antara tarikh penswastaan dan tarikh perletakhakkan dan ini tentulah akan memudahkan proses daripada segi aspek perundangan dan pentadbiran.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya kata nominal fees untuk pengambilalihan adalah RM1 sahaja. Jadi tidak melibatkan nilai yang meningkat ke atas aset atau perkara-perkara yang lain.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin membangkitkan supaya penyewa atau tanah yang dahulu diberikan oleh LLS, apabila diambil alih oleh SESB, tidak dinaikkan. Perkara ini akan dikaji secara teliti oleh SESB kerana selepas tukar pengurusan, *management* yang telah ditukar, memang SESB mempunyai pentadbiran persendirian tetapi saya akan ambil perhatian ini...

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: [*Bangun*]

Datuk Long bin Jidin: Yang Berhormat, ada yang hendak minta laluan.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Saya ada soalan yang amat mengelirukan saya Tuan Yang di-Pertua iaitu kalau aset itu dipunyai oleh Lembaga Letrik Sabah dalam masa 2 tahun 11 bulan itu, macam katakanlah tanah yang disewakan oleh LLS kepada orang ramai misal katakan. Jadi daripada segi *accounting*, adakah *revenue* yang diterima berasaskan kepada aset yang masih

dipunyai dalam masa 2 tahun 11 bulan itu oleh Lembaga Letrik Sabah dimasukkan ke dalam akaun Lembaga Letrik Sabah atau masuk ke dalam SESB. Kalau masuk ke dalam akaun SESB bererti akaun yang diaudit sekarang ini oleh pengaudit-pengaudit, ada atau tidak *qualifying statement* mengatakan revenue yang dikutip oleh SESB ini bukannya berasaskan kepada aset kepunyaan mereka tetapi aset kepunyaan Lembaga Letrik Sabah. Dan kalau itu dibuat, saya rasa elok tetapi kalau tidak dibuat saya rasa *audited account* yang kedua-dua tahun itu mungkin bercelaru sedikit. Saya tidak berapa faham, sebab itulah saya hendakkan kepastian.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, masa itu SESB mengambil alih business termasuklah business LLS. Jadi ini termasuklah semua *revenue* atau *income* yang di bawah nama LLS. Jadi akaun ini akan ditunjukkan dalam *account statement* itu, SESB.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Yang Berhormat Dato' Dr. Chin membangkitkan supaya kontrak baru atau perjanjian baru dilaksanakan di antara SESB dengan pengguna tanah. Saya fikir ini perlu tetapi saya kata SESB akan mengkaji secara teliti, di mana SESB tidak akan membebankan pihak pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, itulah keterangan daripada saya, saya sekali lagi ucapkan terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat, di mana yang saya tidak dapat jawab saya akan minta pegawai-pegawai kementerian ini supaya mengambil perhatian. Se kian, terima kasih.

Datuk Long bin Jidin: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dandisetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Datuk Long bin Jidin *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG TANDATANGAN DIGITAL
(PINDAAN) 2001**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.23 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia

[Tuan Chia Kwang Chye]: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Tandatangan Digital (Pindaan) 2001 digubal berikutan dengan cadangan untuk memindahkan fungsi Pengawal Pihak Berkuasa Pemerakuan kepada Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia.

Setelah dibubarkan fungsi pengawalseliaan pegawai Pihak Berkuasa Pemerakuan diserahkan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Saya ingin memaklumkan bahawa bagi membolehkan tanggungjawab dan fungsi Pengawal Pihak Berkuasa Pemerakuan diserahkan kepada Suruhanjaya, Akta Tandatangan Digital 1997 perlu dipinda sewajarnya.

Sehubungan dengan ini, izinkan saya memberi penjelasan berhubung dengan beberapa perkara utama yang terbabit dengan pindaan kepada Akta Tandatangan Digital 1997 yang berteraskan tujuan untuk memindahkan kuasa mengawal selia pegawai Pihak Berkuasa Pemerakuan, pengawal atau mana-mana pegawai atau pengkhidmat yang dilantik kepada suruhanjaya, pengerusi atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh suruhanjaya.

Sebanyak 15 seksyen terlibat dalam cadangan pindaan ini termasuk satu seksyen baru dan tiga daripadanya merupakan pindaan-pindaan utama iaitu seperti berikut:

- (i) pindaan seksyen 2. Seksyen 2 Akta Ibu dipinda bertujuan untuk memberi takrif bagi ungkapan "suruhanjaya" yang dimasukkan ke dalam Akta 562;
- (ii) pindaan Seksyen 3. Cadangan meminda seksyen 3 adalah bertujuan untuk membolehkan suruhanjaya menjalankan, menunaikan dan melaksanakan kuasa, tugas dan fungsi di bawah Akta 562;
- (iii) seksyen baru iaitu seksyen 35A. Seksyen baru ini dimasukkan bertujuan bagi membolehkan mana-mana pegawai polis yang

pangkatnya tidak rendah daripada inspektor menjalankan penguatkuasaan di bawah Akta 562. Anggota polis ini akan mempunyai semua kuasa penguatkuasaan seseorang pegawai yang diberi kuasa di bawah Akta 562; dan

- (iv) Peruntukan kecualian dan peralihan. Peruntukan Fasal 19 ini dimasukkan dengan tujuan untuk memudahkan pengambilalihan oleh suruhanjaya daripada pegawai kuasa untuk mengawal selia penggunaan tandatangan digital.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan lain dalam Akta Tandatangan Digital 1997 hanya merupakan pindaan kecil atau diakibatkan oleh pindaan-pindaan lain yang berkaitan dengannya. Saya yakin dan percaya bahawa dengan adanya Rang Undang-undang Tandatangan Digital (Pindaan) 2001 semua urusan penguatkuasaan, pengawalseliaan ke atas tandatangan digital dapat diperkemaskan dan diperkukuhkan lagi.

Jabatan Pos dan Pejabat Pengawal Pihak Berkuasa Pemerakuan yang sebelum ini bertanggungjawab ke atas tandatangan digital perlu dibubarkan supaya sebuah badan bebas dapat mengawal selia tandatangan digital di Malaysia agar ianya selaras dengan perkembangan teknologi dan perkhidmatan semasa. Umpamanya, ledakan teknologi digital telah menjadikan Internet sebagai infrastruktur asas pembangunan e-dagang dan e-perniagaan yang mana transaksi-transaksi secara elektronik perlu dikawal selia melalui perundangan yang mengawal selia industri komunikasi dan multimedia. Memandangkan peruntukan berkenaan adalah di bawah tanggungjawab suruhanjaya, maka adalah wajar kuasa dan tanggungjawab suruhanjaya meliputi juga pengawasan tandatangan digital yang bertujuan untuk memastikan keselamatan dan integriti transaksi data secara elektronik dalam persekitaran sistem.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya sedar bahawa keberkesanan undang-undang yang berniat murni ini hanya akan menjadi kenyataan sekiranya ianya dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Oleh yang demikian, rang undang-undang ini memerlukan sokongan yang padu dan menyeluruh daripada semua pihak yang berkenaan.

Sekian, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Datuk Long bin Jidin: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Tandatanganan Digital 1997 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sila Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng.

4.30 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk membahaskan pindaan kepada Akta 562 ini.

Saya sangat tertarik kepada penjelasan-penjelasan yang diberi semasa kita diberi huraian tentang kenapa ini diperlukan. Setahu saya sejak dimulakan e-dagang, masih tidak banyak transaksi yang dijalankan oleh kerana pihak-pihak tertentu masih ada banyak keraguan tentang keselamatan e-dagang, tentang sama ada maklumat-maklumat yang rahsia itu boleh dibocorkan dan sama ada juga transaksi-transaksi itu boleh diganggu dan mungkin boleh dimasukkan unsur-unsur yang tidak harus dimasukkan.

Oleh yang demikian, sungguhpun ada banyak bisnes yang boleh dilakukan melalui e-dagang, masih terdapat banyak pihak yang enggan berbuat demikian. Jadi, dengan adanya satu Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia yang diberi tugas mengawasi serta menyelia aktiviti ini, maka adalah harapan bahawa penggunaan bisnes dengan cara elektronik itu akan dipertingkatkan dan saya harap ada mekanisme-mekanisme tertentu untuk menyelesaikan sekiranya ada pertikaian di antara sama ada transaksi itu telah dilakukan atau tidak dilakukan.

Saya difahamkan melalui proses tandatangan digital ini, maka macam kita ada dua kunci. Kita pegang satu dan pihak lain itu pegang satu, dan kalau dua-dua diguna barulah transaksi itu dianggap sah dan ini untuk melindungi kedua-dua pihak. Dan melalui proses itu kita tidak boleh menafikan sama ada sesuatu itu telah dibuat atau tidak dibuat.

Ini adalah satu kebaikan tetapi sungguhpun demikian, maka penggunaannya mungkin tidak akan menjadi lebih menggalakkan kecuali keyakinan rakyat itu adalah dipertingkatkan untuk menggunakan sistem ini.

Jadi, saya minta suruhanjaya yang juga akan mengawasi ini dan akan menyelia aktiviti ini bahawa suruhanjaya ini kenalah mengadakan lebih pendidikan dan pendidikan-pendidikan ini haruslah ditumpukan kepada pihak-pihak yang masih ada keraguan supaya kegiatan ini dapat dipertingkatkan dan kemudian akan membawa lebih faedah kepada negara pada keseluruhannya.

Itulah komen-komen saya dan saya memohon menyokong. Terima kasih.

Datuk Long bin Jidin: Ada lagi? Ahli Yang Berhormat? Sila Datuk William Lau.

4.33 ptg.

Datuk Willaim Lau Kung Hui: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang untuk meminda Akta Tandatangan Digital 1997.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian yang berkenaan yang telah membuat pindaan yang tepat pada masanya memandangkan bahawa teknologi digital akan memberikan kesan yang sangat dramatik dalam cara kehidupan kita.

Tuan Yang di-Pertua, para peniaga dan pengguna sudah semakin ramai menggunakan komputer untuk mencipta, menghantar dan menyimpan maklumat dalam bentuk elektronik berbanding dengan penggunaan dokumen kertas secara tradisional. Dengan adanya Akta Tandatangan Digital 1997 ini membolehkan pemeteraian kontrak dan penciptaan hak dan kewajipan dilakukan melalui medium elektronik dan memberikan pengiktirafan perundangan terhadap rekod-rekod elektronik dan tandatangan digital. Ini merupakan suatu perkembangan yang sangat baik untuk sektor perdagangan dan perniagaan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan terdapatnya beberapa perkembangan terbaru dalam sektor ini seperti penubuhan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan e-dagang yang semakin meningkat, maka suatu keperluan telah timbul untuk pindaan yang sesuai dalam undang-undang sedia ada untuk memudahkan urusan e-dagang. Pada masa yang sama, adalah mustahak diwujudkan rejim pengawalan yang proaktif dan berpandangan jauh untuk menyelia pihak berkuasa berkenaan dalam mengeluarkan Sijil Tandatangan Digital.

Untuk menambahkan rasa keyakinan yang mendalam dan untuk memudahkan electronic governance, dengan izin, maka adalah perlu untuk memperkemaskan rejim penyeliaan dan pengawalan. Saya berharap di bawah Fasal 2 dan Fasal 5 yang meminda seksyen 3 rang undang-undang yang dibentangkan ini, penggantian pengawal kepada suruhanjaya untuk mengawal selia penggunaan tandatangan digital dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya yang sebelum ini dikawal selia oleh pengawal, akan menggalakkan penggunaan dan penerimaan rekod elektronik dan tandatangan digital dan bahawasanya akan wujud

penyelarasan dan penyeliaan yang lebih baik bagi perundangan ruang siber terhadap pengeluaran tandatangan digital yang mana kini semuanya telah diletakkan di bawah satu bumbung.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga memuji kementerian yang berkenaan kerana telah memasukkan seksyen baru 75A dalam Fasal 17 rang undang-undang ini. Seksyen baru ini membolehkan pegawai polis berpangkat tidak rendah daripada jawatan Inspektor untuk menjalankan penguatkuasaan di bawah akta ini. Dengan penglibatan pihak polis untuk menguatkuasakan akta ini, saya percaya tindakan penguatkuasaan akan menjadi lebih berkesan memandangkan adalah tidak mungkin bagi pegawai-pegawai suruhanjaya sahaja untuk melaksanakan undang-undang ini di seluruh negara. Bahkan untuk menjadikan akta ini lebih berkesan dari segi penguatkuasaan, saya ingin mencadangkan bahawa mungkin pegawai-pegawai Kastam dan Eksais Diraja yang berpangkat tidak rendah daripada jawatan Superintendent atau lain-lain harus juga diberikan kuasa yang sama seperti mana yang diberikan kepada pegawai polis tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun secara umumnya telah diperakui bahawa medium elektronik merupakan suatu cara yang lebih murah dan mudah untuk disimpan, mendapatkan semula maklumat dan lebih cepat untuk berhubung, namun sehingga kini orang ramai masih enggan atau menolak untuk mengendalikan perniagaan atau mengakhiri apa-apa transaksi dalam bentuk elektronik.

Saya ingin mengetahui daripada pihak kementerian, mengapa ini boleh berlaku? Mengapakah transaksi e-dagang yang dirujuk oleh rakan saya, Dato' Dr. Chin yang sedikit di dalam negara ini, pada masa kini terhad kepada aktiviti antara peniaga dengan peniaga sahaja? Adakah ini disebabkan oleh pembeli dan penjual telah mengenali antara satu sama lain dan saling mempercayai antara satu sama lain? Walau bagaimanapun, transaksi perniagaan secara elektronik di kalangan pengguna adalah masih sangat jauh ketinggalan. Adakah ini akibat dari ketidakpastian dan kurang keyakinan dan pemahaman orang ramai tentang bagaimana perhubungan ruang cyber harus berfungsi masih kurang jelas?

Tuan Yang di-Pertua, salah satu kesulitan yang wujud dalam usaha untuk memajukan e-commerce, dengan izin, ialah kekhuatiran orang ramai terhadap perlindungan peribadi yang secukupnya di dalam Internet. Di sini, saya ingin mencadangkan pihak berkenaan agar membuat kajian dengan segera sama ada perundangan adalah diperlukan untuk memberi lebih perlindungan kepada setiap

warnegara dan kepentingan perdagangan dan industri daripada peribadinya dicerobohi oleh orang perseorangan atau oleh syarikat-syarikat. Malahan, kekurangan perundangan dalam melindungi urusan peribadi dalam komputer mungkin lebih serius mengancam dagangan luar negara kita, memandangkan pelaksanaan AFTA dan WTO adalah tidak lama lagi.

Saya juga ingin mengetahui daripada pihak kementerian, sejauh manakah usaha jabatan dan agensi kerajaan sendiri dalam mempromosikan kegunaan rekod elektronik dan tandatangan digital. Sekiranya mereka boleh mendahului yang lain, *leadership by example* dengan izin, maka ini akan menjadikan interaksi secara elektronik antara rakyat dengan kerajaan bebas dari sebarang halangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Suruhanjaya ini juga akan pada masa yang sama menganjurkan lebih banyak seminar, taklimat dan perbincangan-perbincangan lain untuk mendidik rakyat tentang kebaikan perhubungan elektronik dan untuk memberi kepastian kepada rakyat tentang perlindungan yang terjamin dalam semua urusan peribadi mereka tanpa gangguan dan bahawasanya transaksi *cyberspace* adalah selamat daripada pencerobohan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengharapkan agar Suruhanjaya akan terus bergerak seiring dengan pembangunan teknologi bagi memastikan bahawa peraturan tempatan adalah setanding dengan standard antarabangsa *world-class* yang lain. Sebagai pengamal dan peneroka IT yang berwibawa, kita juga harus menunjukkan kebolehan kita untuk menangani sebarang masalah yang timbul dalam urusan *cyberspace* negara kita seperti dengan memperkenalkan undang-undang baru atau pindaan undang-undang sedia ada.

Dengan kata-kata ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon untuk menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Akta Tandatangan Digital (Pindaan) 2001 ini. Terima kasih.

Datuk Long bin Jidin: Sila Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz.

4.46 ptg.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana dapat membentangkan Akta Tandatangan Digital (Pindaan) 2001 ini. Memandangkan semuanya ini merupakan satu kerangka yang boleh menyokong wawasan yang dipaparkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, tidak guna kita mengadakan Cyberjaya, tidak guna kita melaung-laungkan bagaimana kita bersiap

sedia dengan globalisasi dan liberalisasi kalau sekiranya prasarana atau kerangka undang-undang di negara kita ini tidak mengambil berat cara-cara mengatasi kemungkinan-kemungkinan berlakunya pencerobohan kepada sistem-sistem yang kini berasaskan sistem digital.

Justeru kerana itu, kerangka undang-undang ini, di mana Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia diberi tanggungjawab yang begitu luas sehinggakan ianya juga diberi tanggungjawab untuk mengawasi pengurusan Pos pun, sebentar tadi kita dengar. Jadi, perkara semacam ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, untuk hendak menjaga kegiatan-kegiatan digital pun begitu teknikal, begitu *sophisticated*. Suruhanjaya yang sama, diberi juga tanggungjawab untuk menjaga Pos Malaysia, kalau saya tidak silap. Jadi, ini merupakan Suruhanjaya, super Suruhanjaya di mana *expert*, ahli-ahli pakar di dalam bidang komputer, di dalam bidang mel, di dalam bidang komunikasi, dalam bidang menghantar mel, segala bidang komunikasi, digital dan sebagainya tertumpu kepada Suruhanjaya ini. Jadi, saya minta pihak kerajaan akan dapat menubuhkan Suruhanjaya ini berasaskan kepada kepakaran yang wujud di negara kita ini dan kalau tidak ada, diimport daripada negara-negara luar.

Ini kerana kita tahu Tuan Yang di-Pertua, sistem *computer digital cyber* sekarang ini merupakan satu sistem yang tidak mengenal batasan. Kita lihat Silicon Valley, Lembah Silikon sendiri di mana pakar-pakarnya terdiri daripada mereka yang datang daripada Bangalore. Bangalore ini bukan Bangladesh Tuan Yang di-Pertua. Bangalore ini ialah di India. Bangalore sendiri merupakan Lembah Silikon kepada India. Ramai dari segi *system analyst*, dari segi pakar-pakar komputer, berhijrah ke Silicon Valley untuk menghidupkan Silicon Valley kepada dunia. Kita juga mempunyai Cyberjaya di mana di situ pun kita mengimport cerdik pandai daripada Bangalore dan kita membuat keputusan di dalam surat khabar, kita sudah buat pengumuman di mana pakar-pakar daripada Malaysia yang kini bermastautin di luar negara pun kita jemput untuk berhijrah balik ke negara kita, dengan pembayaran yang lumayan, dengan insentif yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, ini kerana apabila mereka ini pergi ke Silicon Valley, sekarang ini banyak sudah teruk, pasal NASDAQ sudah turun, jadi ramai pakar di sana yang dahulu dapat *green card*, *green card* ini kad hijau Tuan Yang di-Pertua, dia boleh bekerja untuk dua tahun, tiga tahun. Tetapi, kalau dia tidak ada kerja, orang ini terpaksa balik ke India, kalau dia daripada India, terpaksa balik ke

Malaysia, kalau dia daripada Malaysia. Jadi, ini merupakan satu masalah yang besar kerana apabila mereka pergi ke Silicon Valley, gaji dia lebih kurang 10 kali ganda daripada gaji yang mereka dapat di Bangalore. Ini masalah besar ini. Profesor pun memahami perkara ini. *[Memandang ke arah Dato' Dr. T. Marimuthu]*. Masalah besar yang dihadapi oleh mereka yang pergi berhijrah ke sana apabila turunnya komposit indeks NASDAQ, di mana komputer, macam kita Tuan Yang di-Pertua, negara kita mengeksport komponen-komponen komputer ke Amerika Syarikat bahkan 21% daripada eksport kita berasaskan kepada perkara-perkara yang *microchip* dan sebagainya yang berkaitan hal-hal komputer. Sekarang ini pun, kita menghadapi masalah dan ada pula mereka yang berpindah ke China. Saya difahamkan banyak syarikat pun berpindah ke sana dan di sana lebih sesuai untuk mendapatkan harga yang lebih menurun.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat elak daripada berdepan dengan masalah-masalah di mana isu *electronic business*, *electronic government*, pelbagai elektronik ini yang berasaskan dengan komputer, dengan *software* yang begitu canggih dan pada masa yang sama, kita hendak menimbulkan keyakinan orang ramai untuk menggunakan sistem-sistem elektronik ini.

Kita tengok, Tuan Yang di-Pertua, di mana pembelian buku satu ketika Amazon.com. Saya selalu beli buku pasal susah dapat buku di sini kita order menerusi Amazon.com. Buku seluruh dunia boleh order ini. Dia ada banyak buku, buku terbaru pun ada. Tetapi tidak ramai sekarang ini sanggup hendak menggunakan nombor kredit kad dia kerana bimbang kredit kad itu boleh disalahgunakan oleh orang-orang tertentu untuk mereka yang lain menggunakan kredit kad kita sendiri, tengok sahaja bil beribu-ribu sudah kita kena. Jadi, ini sistem yang mempunyai cara-cara hendak menentukan keyakinan orang ramai terpaksa diwujudkan kalau kita hendak benar-benar mewujudkan sistem-sistem yang baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak perlu sangat mengikut fesyen, kalau orang komputer kita komputer. Saya pernah bercakap di sini. Dari keadaan sekarang ekonomi yang meredum sekarang ini sebenarnya ekonomi yang meredum ialah ekonomi yang berasaskan elektronik yang berpaksi kepada komputer yang meluluskan orang-orang yang melabur menerusi saham-saham yang berdaftar di NASDAQ. NASDAQ ini ialah syarikat-syarikat yang berasaskan komputer dan sebagainya semua teruk sekarang. Ia menurun begitu tinggi begitu jauh ke bawah kalau dibandingkan dengan ekonomi lama. Sekarang ini ada dua ekonomi. Ekonomi

baru (*the new economy*), ekonomi lama yang berasaskan kepada *production*, yang berasaskan kepada perkara yang kita nampak, barangan, pembuatan (*manufacture*) dan sebagainya. Sekarang ekonomi itu meningkat. Ekonomi yang berasaskan digital elektronik sekarang ini meredum sedikit. Jadi, kita jangan ikut fesyen sangat kalau kita banyak sangat dari segi pelaburan kita dalam ekonomi baru (*the new economy*), k-ekonomi yang berasas kepada ilmu pengetahuan dan sebagainya ini sepanjang di situ jadi kita apabila benda ini teruk ekonomi kita akan meredum ke bawah. Jadi, kita kena berhati-hati.

Inilah sebabnya peranan suruhanjaya ini amat penting bagi menentukan peringkat permulaannya dulu ini, peringkat baru-baru ini ianya diasaskan kepada satu sandaran yang memberi keyakinan kepada orang ramai. Saya hendak tanya kepada pihak kerajaan berapa banyakkah penipuan-penipuan dan salah guna yang berlaku menerusi sistem elektronik kita di Malaysia ini kerana kita dengar memang banyak pencerobohan berlaku. Kita dengar banyak sistem yang diwujudkan oleh pihak kerajaan sendiri yang mungkin ada *firewall*, enjin api yang begitu tebal. Ingatkan tidak ditembusi oleh masalah besar rupanya itu pun ditembusi. Jadi, saya hendak tanya kepada pihak kerajaan kuatkah tidak kita ini bagi hendak mengawasi supaya sistem yang ada di negara kita ini tidak dicerobohi dan disalahgunakan dan ditipu helah oleh mana-mana pihak.

Tuan Yang di-Pertua, pagi tadi kita bertemu dengan ahli-ahli senator dan congressman daripada Filipina. Saya beritahu mereka saya amat tabik tinggi kepada mereka kerana salah seorang yang menghasilkan pepijat '*the love bug*' daripada Filipina. Umur dia 19 hingga 20 tahun. Dan yang menyelesaikan masalahnya ialah orang Filipina. Jadi, di Filipina sendiri ramai yang anak-anak muda yang begitu canggih dari segi pengetahuan tentang komputer ini. Dia boleh buat apa sahaja dan bukan sahaja di Filipina yang boleh menghantar pepijat '*the love bug*' kepada kita. Hari semalam dan dua hari sudah saya baca dalam surat khabar kod merah (*red code*) pun sudah hendak melanda negara kita dan sudah banyak. Berapa banyak sistem-sistem telah dicerobohi, 200 hingga 300 sistem dicerobohi oleh *red code* tadi.

Sungguhpun kita ada MAMPU saya hendak tahu daripada pihak kerajaan kemampuan MAMPU untuk hendak menjaga sistem-sistem yang ada di negara kita ini kerana kerajaan sekarang menggalakkan kerajaan elektronik (*e-government*). Jadi, berlaku banyak elektronik sistem yang wujud di negara kita dari segi kerajaan sehinggakan MAMPU mungkin tidak mampu untuk mengaudit sistem-sistem yang

ada dan mempertahankan daripada serangan-serangan pencerobohan pebijat macam *red code* dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja kita sahaja ditembusi oleh masalah-masalah ini. Pentagon sendiri pun ditembusi oleh seorang pelajar umur 12kah, 13 tahun daripada England, daripada UK, dia boleh pergi masuk ke Pentagon. Pok, pok, pok dia boleh kacau. Ini masalah besar. Yang kecil-kecil sekarang bukan main pandai kerana mereka didedah dari umur 2, 3 tahun sudah pandai dengan komputer. Terlalu pandai yang kecil ini, jadi kita esok yang tua-tua yang dewasa macam saya dan sebagainya ini mungkin tidak boleh mengatasi dari segi persaingan antara kecanggihan ilmu yang berasaskan kepada sistem digital dan elektronik. Jadi, kita kena berwaspada. Saya minta pihak kerajaan wujudkanlah barisan pegawai-pegawai baik swasta mahu pun kerajaan awam mahu pun swasta untuk menjadi pahlawan bagi mempertahankan sistem yang ada di negara kita ini. Beri mereka latihan, hantar ke Harvard tiga orang, Brinston 2 orang, MIT itu 10 orang, hantar ke Australia, ke England, rata-rata, China, Korea, Bangalore. Saya hendak tahu berapa ramai kita hantar ke Bangalore kerana Bangalore merupakan satu pusat pengeksporth idea, pengeksporth pakar-pakar Bangalore. Dan berjuta-juta, berbilion dolar telah pun dapat diterima oleh India berasaskan kepada kepakaran warganegara mereka yang mereka hantar ke seluruh dunia. Kita hendak jadi orang macam ini. Saya hendak tahu adakah Cyberjaya kita, super corridor kita boleh menampung boleh mendapatkan pakar-pakar semacam ini. Kita tarik selepas itu kita hantar untuk mereka belajar dan pulang menjadi pahlawan-pahlawan, pendekar-pendekar kungfu. Kita ada cara kita bersilat dengan perkara semacam ini dan kita hendak tunjukkan kepada dunia bahawa kita wujud orang-orang semacam ini untuk memberi sokongan kepada tugas-tugas suruhanjaya kerana tugas yang amat berat ini.

Saya pun hairan siapa hendak menjadi pengerusi suruhanjaya yang begitu multi dimensional. Dia mesti kebal dari segi kekuatan, mesti kuat. Kalau tidak kuat tergelimpang dia tengok dengan '*love bug*' tengok '*red code*' dan sebagainya sudah tergelimpang. Dia tengok pula mel sampai 10 hari dua bulan tidak sampai kepada pelajar-pelajar hendak tunggu keputusan sudah dia pengsan. Jadi, orang yang hendak menjadi pengerusi dan ahli-ahli pesuruhjaya ini mestilah orang kuat-kuat. Dan kalau perlu tengok jangan tengok jauh. Di Dewan Negara pun ada orang kuat-kuat ini. Saya nampak yang boleh menganggotai suruhanjaya ini. Betul tidak profesor? [Sambil memandangi Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng] Tuan

Yang di-Pertua, profesor saya pun bersetuju. Ada di kalangan ahli-ahli Dewan Negara yang boleh difikirkan menduduki suruhanjaya ini. Jangan tengok jauh-jauh sangat. Ini kadangkala yang depan mata dia tidak nampak. Yang jauh-jauh dia nampak dan orang itu dilantik dan selepas itu bermasalah. Ia lebih baik ambil orang yang dekat. Ini saya hendak tanya siapa yang menjadi pengerusi kalau sudah ada sesiapa menganggotai suruhanjaya ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa keadaan sekarang ini keadaan ekonomi baru ini kita kena berwaspada jangan cepat sangat melompat untuk hendak mengambil bahagian fashionable untuk mengambil bahagian dalam bidang e-commerce, EBEB dan sebagainya, business elektronik business ini dan sebagainya kerana kita terpaksa menentukan kita ada kakitangan yang benar-benar boleh menjalankan tugas. Kalau tidak kita dikelentongkan sahaja oleh orang-orang tertentu. Jadi, sekarang ini saya hendak tanya pihak kerajaan pakar-pakar yang kita panggil pakar dan konsultan dari luar negara ini adakah mereka ini genuine. Bagaimana kita hendak menentukan supaya konsultan- konsultan, juru-juru runding yang datang daripada luar negara datang ke Malaysia cuba hendak buat itu hendak buat ini adakah mereka ini diperiksa latar belakangnya dan benar-benar merupakan orang yang berkelayakan dan berpengalaman. Kadangkala Tuan Yang di-Pertua, mentaliti kolonial ini tidak terlepas daripada pandangan kita. Kita merasakan orang putih itu lebih pandai.

Saya ingat semasa saya dahulu, mula-mula sekali pergi ke Australia sebagai seorang pelajar. Saya ini lain sedikitlah, pasal saya dari maktab tentera, Mat Saleh pun ramai di situ, jadi pensyarahkah, RSM, tukang kawalkah, pegawai-pegawai tetapi cuba bayangkan kita pergi ke luar negara sebagai student, pertama kali kita pergi tengok, yang bawa teksinya Orang Putih. Kita ingatkan Orang Putih itu semuanya tuan-tuan belaka. Yang bawa teksinya Orang Putih duduk di depan, kita duduk menyandar di belakang, sebagai pelajar. Saya tidak berapa faham lagi masa mula-mula saya pergi. Selepas itu saya suruh dia angkat beg saya. Saya pergi sampai ke satu tempat itu, turun, dia angkat beg. Saya pun pandai juga pasal tengok wayang gambar banyak. Beri tip dia 20 sen. "Hei!" dia kata, "Takkan 20 sen?". [Ketawa] Dia hendak seringgit. Saya student, mana cukup duit. 20 sen itu cukuplah untuk kamu pasal 2 beg, 10 sen satu beg. Rupanya kena bayar seringgit, 1 dolar atau kalau ke UK, satu pound.

Jadi, saya buat begitu kerana terperanjatnya saya menengokkan Orang Putih bawa teksi. Kita tengok di sini, Orang Putih jadi pengurus di ladang. Masa itu banyak pengurus ladang semuanya Orang Putih dan rumahnya semua terletak di atas bukit, pasal di atas bukit itu dia hendak tengok bagaimana native, kita ini sebagai native, boleh dia kawal native di lereng-lereng bukit. Kalau Tuan Yang di-Pertua tidak percaya, di negeri Pahang, kita kan berasal dari Pahang, kita tengok setiap rumah pegawai daerah semuanya atas bukit.

Di Temerloh atas bukit, di Cameron Highlands mestilah atas bukit, di Kuala Lipis atas bukit, di Kuantan itu datar sedikit pasal bukit tidak ada tetapi selalunya dia ambil atas bukit kerana dia hendak menentukan dia lebih atas daripada native, kita ini sebagai native yang di bawah ini. Ha, itu mentaliti Orang Putih. Jangan sekali kita terperangkap dengan Orang Putih yang datang bawa certificate berjela-jela ke negara kita, kononnya mereka ini expert, mereka ini pakar dalam bidang-bidang elektronik ini dan kita ambil mereka untuk dibayar.

Tuan Yang di-Pertua, ini ada diskriminasi oleh pihak kerajaan, saya hendak tanya. Ada diskriminasi. Bila datang sahaja software package daripada luar negara, kita boleh mampu bayar sampai juta-juta. Package software yang dibuat oleh negara kita, oleh pakar-pakar anak-anak muda kita, kita kata, "Woit, ini semua RM300 ribu, RM400 ribu sahaja." Hak luar, yang kurang canggihnya, ribu-ribu dia bayar, ratus-ratus ribu, juta-juta.

Jadi, perkara semacam ini cuba tengok sedikit, cuba awasi. Saya hendak Suruhanjaya ini mengawasi. Saya tidak tahu, tadi Senator Datuk William ada menyebut bagaimana kecanggihan kita dan sebagainya. Kita kena awasi betul-betul. Kita tidak menjadikan Malaysia ini sebagai *dumping ground*, tempat melambakkan software-software yang dikatakan canggih, mahal, sehinggakan kita mempunyai pakar sendiri di negara kita ini dan jangan *discriminate*, jangan kita pilih kasih, jangan kita ada *colonial mentality* apabila datang daripada orang kita – Ahmad, Ah Chong atau Mutusamy, "Oh, benda itu tidak berapa bagus". Kalau datang daripada Alexander, Bolton, "Wah, itu bagus". Kalau datang dari Boston, consultant, "Ha, itu bagus". Ini berlaku Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya minta mereka yang membuat keputusan dalam pihak kerajaan, mengkaji perkara ini. Juga pihak swasta. Sistem perbankan negara kita, misalnya. Bila ada sahaja anak-anak muda kita pergi, jumpa pegawai bank, dia tengok orang

yang muda-muda, canggih-canggih, dia tidak berapa percaya. Walhal budak-budak kita ini lepas berlatih dahulu di Amerika, di UK, lebih pandai daripada Mat Saleh.

Mat Saleh, Tuan Yang di-Pertua, yang datang ke Malaysia ini, sudah tidak laku di tempat dia. Itu sebab dia datang ke sini. Kalau dia laku di tempat dia, dia tidak datang sini. Yang hak duduk di London, duduk di Amerika, duduk di New York semua itu, hak yang laku-laku. Tidak laku, dia datang sini, hendak exploit tempat kita, cari peluang hendak berniaga dengan native nya. Perkara ini saya amat marah. Saya minta pihak kerajaan berhati-hati apabila kita menimbangkan satu-satu cadangan daripada orang Malaysia, dengan orang di luar negara kerana kepakaran di dalam bidang elektronik pun orang Malaysia sudah pun mencapai ke tahap yang canggih. Tidak semestinya orang kulit Putih lebih canggih daripada orang mata sawo atau orang mata kuning. Ha, ini saya hendak beri pandangan kepada pihak kerajaan.

Semoga Suruhanjaya dapat menjalankan tugas-tugasnya dengan sempurna. Jadi, bila tidak ada penipuan di kalangan sistem build up, jadi, kita sudah selesai. Jadi, peringkat itu pun sudah ada masalah, sistem yang kita terima pun sudah bermasalah, maka senanglah segala-gala pepijat hendak masuk kerana mereka membuatnya secara "sede", cakap orang Temerloh ini, secara tidak memuaskan hati, jadi kemungkinan ianya lebih bermasalah daripada apa yang dibuat oleh orang kita. Selepas itu, dia pun cabut lari.

Yang ini, Tuan Yang di-Pertua, dia jual "after sales service", perkhidmatan selepas penjualan nil, kosong. Dia pun cakaplah, "Oh lepas itu kita akan buat ini, buat itu tetapi bila tidak banyak pelanggan, dia hantar sahaja package itu, dia cabut lari balik ke tempat dia. Jadi, kita terperangkap dengan satu sistem yang tidak ada orang yang boleh mengendalikannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga minta Suruhanjaya ini untuk hendak mengembangkan institusi pemikiran secara canggih, secara elektronik ini, menggalakkan syarikat-syarikat yang besar-besar di Malaysia, macam syarikat MAS, Petronas, MISC, TNB, Telekom supaya mereka ini membuatkan satu pusat elektronik yang begitu canggih, yang boleh dibiayai oleh syarikat-syarikat besar ini sebagai satu pusat penyelidikan, research and development (R&D) di dalam bidang-bidang software. MAS, dia ada satu sistem yang canggih, sistem *reservation* nya, sistem kargonya. Petronas dengan sistem minyak dan sebagainya. MISC, Telekom, bank-bank yang besar-besar ini.

Jadi, kalau boleh kita cari pakar-pakar di negara kita ini, letakkan dia dalam satu bangunan yang dibiayai oleh syarikat-syarikat besar ini, mencari jalan cara mana hendak mencanggihkan lagi sistem yang wujud di negara kita ini. Saya rasa ini boleh dibuat dan kita panggil pakar-pakar dari negara-negara lain pun yang kita sudah betul-betul teliti dari segi latar belakang untuk hendak menggubal pendekatan baru daripada segi sistem digital yang boleh digunakan oleh syarikat-syarikat kerajaan dan agensinya di negara kita dan boleh dieksport ke negara-negara luar.

Jadi, saya rasa kita telah mempunyai keupayaan dari segi pegawai-pegawai untuk hendak mengusahakan bidang elektronik ini. *[Menoleh ke arah jam dinding Dewan]* Saya tengok jam itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingatkan sudah sampai 5.30, rupanya jauh sangat lagi. *[Ketawa]* Jadi, perkara semacam ini elok kita buat. Kalau tidak, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak yakin bagaimana kita boleh melepaskan diri kita Malaysia daripada cengkaman pakar-pakar, *the so called expert* ini, mohon izin, dari Barat.

Dan begitu juga daripada segi kerjasama ASEAN. Saya mengharapkan, sungguhpun Singapore canggih, Malaysia pun canggih dan negara-negara lain mungkin kurang canggih, kita mencari pelopor ASEAN. Yang eloknya Malaysia dengan Singapura memelopori kegiatan-kegiatan digital, kegiatan-kegiatan elektronik untuk kegunaan semua pihak di dalam lingkungan ASEAN.

ASEAN sekarang, Tuan Yang di-Pertua, 10 buah negara dengan banyak perbezaan di antara pencapaian dan pembangunan ekonomi. Singapore mungkin yang tertinggi, lepas itu Malaysia, mungkin Filipina, mungkin Thailand, Indonesia - kucar-kacir sikit tetapi okay, Vietnam, negara yang baru melepaskan diri daripada command economy. Komunis yang dahulunya sekarang ini cuba belajar untuk menyertai liberal democracy, liberal pasaran dan sebagainya. Kemboja, Burma, masih tanda tanya. Kita hantar Tan Sri Razali sebagai envoy special daripada Bangsa-Bangsa Bersatu, hendak menyamakan sistem ekonomi, sistem politik, semoga ianya menjadi satu pasaran yang setanding dengan Kesatuan Eropah, yang setanding dengan NAFTA (North America Free Trade Zone) antara North America, Mexico dan Kanada.

Dan kini, apabila Perdana Menteri kita mengutarakan konsep yang dahulunya dipanggil "caucus", apa dia, saya sudah lupa, PM kita sebutkan, kita hendak EAEC (East Asian Economic Caucus) iaitu Kumpulan Ekonomi Asia Timur yang merangkumi ASEAN, Jepun, South Korea dan China.

Kini, Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun konsep EAEC tidak lahir tetapi lahir ASEAN + 3, serupa sahaja sebenarnya, dari segi kaliannya. Jadi, ASEAN, Jepun, Korea Selatan, Cina. Cuba bayangkan, dalam ASEAN sahaja ada 10 buah negara yang mempunyai penduduk seramai 550 juta. Apabila kita masukkan Cina 1.2 billion, kita masukkan Jepun 60-70 juta, South Korea berpuluh-puluh juta, bayangkan ASEAN + 3 sebagai satu blok yang menyaingi Amerika, yang boleh menyaingi Kesatuan Eropah. Apabila kecanggihan elektronik dapat kita serapkan keseluruhan Asia daripada Jepun, daripada Cina, daripada Korea, saya yakin ia merupakan satu power-based ekonomi dan juga kependudukan yang begitu hebat.

Inilah arah yang kita terpaksa tuju. Sungguhpun banyak rintangan-rintangan yang mereka buat. Kita tahu benar, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana globalisasi dan liberalisasi dan juga sistem komputer kita digunakan untuk semua negara mengikut telunjuk negara-negara barat yang sudah pun maju untuk menyertai pasaran bebas demokrasi -hak-hak asasi. Semuanya hendak dibebaskan tetapi kita masih lagi belum sampai ke tahap yang mereka telah sampai. Ia mengambil 200 tahun untuk Amerika untuk sampai ke tahap yang dia ada. Kita baru merdeka 43 tahun, Vietnam baru lepas daripada berperang dengan Amerika di mana Amerika kalah. Kampuchea berbillion orang mati, bukan billion, million. Myanmar masih lagi rejim yang tidak mengamalkan demokrasi yang kita faham, tetapi cuba berjinak-jinak secara ASEAN bersama kita.

Belum lagi kita dapat hendak bertapak secara hebat mereka sudah kata buka semua pasaran, semua hendak jadikan demokrasi dan kalau tidak kita kena penalti. Sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, banyak protes. Bukan kita protes, orang-orang Amerika, England, Kesatuan Eropah semuanya membuat demonstrasi yang terbesar dan terbaru di Genoa, anti kapitalisme. Fasal apa? Dia marah sangat dengan agenda negara-negara dia untuk hendak membuatkan kebebasan perdagangan sungguhpun negara-negara membangun belum bersedia dan masih miskin dan mengurangkan bebanan hutang yang mereka sengaja beri, selepas itu orang ini tidak boleh bayar, dia tekan-tekan hutang lagi meningkat dan mereka papa kedana. Afrika misal katakan banyak negara-negara begitu.

Jadi, anti kapitalisme seorang mati. Dia ingat polisnya tidak begitu kasar, dia lagi kasar. Mati seorang, yang kena kepala benjol, mata sepit, pecah sini, pecah sana bukan main banyak, dia buat macam zon peperangan antara red zone, green zone dan pelbagai zon dia buat. Tembus mereka datang, 100 ribu orang pergi

protes. Ianya bermula di Seattle sekarang ini sampai di Genoa dan Doha pada bulan depan. Oh ya, saya ingat pada bulan depan akan bermesyuarat dari segi WTO. Kita tidak tahu bagaimana berlaku.

Jadi semuanya ini, Tuan Yang di-Pertua ada agenda tersendiri. Saya tidak mahu kita besok bila masuk dalam era elektronik yang berleluasa ini kita juga menerusi sistem elektronik ini diperalatkan. Bagaimana cara dia buat? Mungkin dengan cara pebijat baru dia hantar, kerana sekarang ini mungkin sudah ada satu peperangan - cyber war . Pada satu ketika antara Cina dengan Amerika, ada cyber war. Sekarang ini, dia pakai hentam menghentam menerusi sistem-sistemnya. Apabila sebuah kapal terbang jatuh dan dapat diturunkan di Cina, wujud satu peperangan. Sekarang sudah reda sedikit.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mintalah negara-negara ini tidak didedahkan menerusi kecanggihan sistem elektronik kepada penjajahan baru di mana idea-idea baru, falsafah-falsafah baru menjerumus, mencerobohi sistem yang ada pada kita, kerana dalam sistem elektronik, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sempadan. Ianya terdedah dan terbuka dan begitu pun kita hendak menjaga bagaimana caranya untuk kita hendak mengawal pendedahan anak-anak muda kepada seni budaya dan ciri-ciri budaya yang amat terpesong daripada nilai-nilai budaya orang-orang timur seperti kita.

Ini satu perkara, jadi saya tidak tahulah bagaimana sekatan yang boleh dibuat kerana kita tidak boleh menyekat, benda ini dikatakan terbuka, Internet terbuka, semua terbuka. Jadi, adakah suruhanjaya ini mempunyai fungsi, adakah mereka mempunyai kuasa bukan sahaja hendak menentukan digital signature ini sahaja, di mana access, di mana keyakinan orang ramai, kerana apa maklumat, apa yang kita buat menerusi komputer ini, terjaga, terjamin dari segi keselamatannya.

Dia kata cyber security sekarang ini, digital signature akan menyediakan satu penyelesaian pengguna, keselamatan pengguna tidak dicerobohi oleh mana-mana pihak dari segi kerahsiaan transaksi dan juga apa yang kita store, apa yang kita simpan di dalam komputer itu antara kita dengan parti yang kedua yang mewujudkan transaksi antara kedua party ataupun maklumat-maklumat. Apa yang kita sampaikan itu merupakan maklumat-maklumat yang sah yang tidak ada tujuan untuk memesongkan pemikiran orang, untuk menanamkan the politic of hate, politik yang menakutkan, politik yang hendak menjahanamkan. Kita tidak ada niat

semacam itu. Jadi kita takut, Tuan Yang di-Pertua, benda ini ada positif dan ada negatifnya.

Jadi, kalau ianya digunakan secara negatif, dia ini sistem elektronik merupakan satu sistem yang lebih dahsyat daripada peluru, peluru emaskah, peluru perakkah, peluru intan pun sekali ia lebih bisa daripada itu. Kerana ianya tidak ada sempadan, dia boleh redah, dia boleh tuju kepada mana-mana pihak. Jadi, sebab itulah suruhanjaya ini merupakan suruhanjaya yang super-power sedikit, super dengan mega, besar sangat. Dan dalam memerlukan kecanggihan ahli-ahli bagi menentukan benda ini berjalan dengan baik, dan Malaysia menikmati kecanggihan elektronik dengan secara positif tanpa ragu-ragu, Malaysia dengan negara-negara asing yang lain dapat menggunakan medium digital ini sebagai satu medium yang multi-dimensional tetapi tidak mempunyai unsur-unsur negatif yang boleh menyekat dan menghakis keyakinan pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, kalau ini kita buat insya-Allah saya rasa Malaysia akan berperanan bagi menentukan kejayaan sistem digital ini dan berjajalah visi yang dipaparkan oleh Perdana Menteri kita untuk mewujudkan cyberjaya, untuk mewujudkan Koridor Raya Multimedia dan sebagainya kerana inilah tapak yang melunaskan biji-biji pengenalan kepada sistem yang canggih, sistem digital dan diawasi pula oleh suruhanjaya. Jadi, dia ini, Tuan Yang di-Pertua, dia compliment each other, dengan izin. Dia begitu saling bantu membantu, wujudnya sistem prasarana kecanggihan elektronik, selepas itu wujud pula sistem pengawasan untuk mengawasi mereka ini berjalan dengan baik. Maka barulah rangka-rangka dengan secara total dan holistic dapat dibentuk, memberi keyakinan untuk memajukan negara benar-benar di dalam bidang ini. Saya menyokong.

Datuk Long bin Jidin: Ada lagi Yang Berhormat yang lain? Tidak ada, minta Yang Berhormat menjawab.

5.19 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia

[Tuan Chia Kwang Chye]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dr. Chin, Yang Berhormat Datuk William Lau dan Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz kerana mengambil bahagian dalam perbahasan Rang undang-undang Tandatanganan Digital (Pindaan) 2001 ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil peluang pada masa ini untuk menerangkan berkenaan dengan Akta Tandatangan Digital yang telah diluluskan pada 19 Julai dan sekarang mempunyai pindaan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Tandatangan Digital bertujuan untuk memastikan keselamatan dan integriti transaksi data dalam rangkaian sistem yang termasuk dalam antara 10 objektif utama Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Semasa akta diluluskan, akta ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan dan untuk mengawal selia penggunaan tandatangan digital dan untuk mengadakan peruntukan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya. Ini dapat menjamin keselamatan transaksi *online* terutama dalam menggalakkan dan mempromosikan apa yang dinyatakan oleh Dato' Dr. Chin iaitu eperniagaan atau *e-commerce*. Setakat ini saya ingin menyatakan bahawa tandatangan digital ini bukanlah seperti tandatangan imej. Tandatangan digital ini adalah suatu apa yang dikatakan menggunakan *private key* atau kunci peribadi yang mesti diserahkan dengan satu *public key* iaitu kunci awam. Tandatangan digital ini tidak boleh dinafikan oleh sesiapa kerana dokumen-dokumen yang menggunakan tandatangan digital ini tidak boleh dinafikan dan boleh digunakan dalam mahkamah sebagai satu *evidence* atau barang bukti. Di bawah Akta Tandatangan Digital ini ada peruntukan untuk menubuhkan Pihak Berkuasa Pemerakaun atau *Certification Authority*. Setakat ini ada dua Pihak Berkuasa Pemerakaun atau *Certificate Authority* (CA). Yang pertama ialah *Digicert* yang diperolehi oleh Pos Malaysia dan MIMOS. Yang kedua ialah MAC Trust Gate yang diperolehi oleh MDC dan

Kedua-dua *Certificate Authority* boleh mengeluarkan sijil-sijil tandatangan digital. Setakat ini ada lebih kurang 70,942 sijil yang telah dikeluarkan setakat ini. Walaupun penggunaan tandatangan ini setakat ini belum sampai ke tahap yang memuaskan tetapi memang ada tanda-tanda yang menggalakkan. Di bawah Pihak Berkuasa Pemerakaun atau *Certificate Authority* ada beberapa ejen yang dikatakan *Registration Agency* (RA). Setakat ini ada lebih kurang 6 iaitu Pos Malaysia, MIMOS, Sains Sarawak dan lagi satu KK Agency di Sarawak dan termasuk MOL dan GIGN, mereka boleh mengeluarkan sijil-sijil yang berkenaan.

Penggunaan setakat ini adalah untuk transaksi *online* dan boleh digunakan dalam projek e-kerajaan atau *e-government* dalam projek e-perolehan atau *e-procurement*. Yang lain ialah untuk menggunakan dalam Laporan Bank Negara dan ada syarikat insurans yang boleh menggunakannya. Baru-baru ini melalui kerjasama

di antara bank dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri boleh membayar melalui *online* ini.

Tuan Yang di-Pertua, *e-commerce* seperti yang dinyatakan oleh Dato' Chin ini ialah setakat pada tahun 2000 dianggarkan transaksi melalui *e-commerce* ialah lebih kurang USD47.04 milion melalui transaksi *e-commerce* dan dianggarkan bahawa pada tahun hadapan iaitu 2002 sampai ke tahap USD1 bilion. Inilah anggaran yang mengatakan bahawa *e-commerce* akan menjadi satu pasaran yang begitu besar. Memang dalam keadaan ini di mana ada data-data elektronik dan sistem *online* dan melalui *e-commerce* yang kebanyakan orang tidak nampak di mana transaksi tidak diketahui atau tidak dilihat oleh pengguna itu, memang ada masalah berkenaan dengan keyakinan dan kekhuatiran mereka atas transaksi *e-commerce* ini.

Selain daripada Dr. Chin ialah Yang Berhormat William Lau dan Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz berkenaan dengan keselamatan transaksi dalam *e-commerce* ini sama ada pengguna ini dilindungi daripada segala transaksi yang digunakan. Selain daripada *e-commerce* dan transaksi-transaksi elektronik dan *online*, penggunaan di pihak kerajaan ialah apa yang dikatakan Government Multi Purpose Card atau kad pintar di mana data-data seperti kad pengenalan, data-data berkenaan dengan imigresen atau passport dan juga lesen memandu pun telah dimasukkan. Pada masa hadapan, melalui projek e-kesihatan, maklumat-maklumat berkenaan dengan pesakit itu akan dimasukkan dalam kad pintar.

Jadi, dengan maklumat peribadi atau data peribadi yang ada dalam kad pintar atau secara *online* melalui rangkaian-rangkaian sistem komputer, memang orang khuatir berkenaan dengan keselamatan dan perlindungan perkara itu. Jadi, pihak kerajaan memang sedar atas masalah ini dan setakat ini telah dalam usaha untuk mewujudkan satu Rang Undang-undang Perlindungan Data Peribadi yang akan diharapkan siap pada akhir tahun ini dan mungkin akan dibentangkan dalam Parlimen pada tahun awal depan. Dalam Rang Undang-undang Perlindungan Data Peribadi ini, memang ada peruntukan yang begitu serius untuk segala penyalahgunaan data-data dalam sistem *online* atau sistem elektronik. Sebagai satu contoh, dalam peruntukan yang dicadangkan di bawah Rang Undang-undang Perlindungan Data Peribadi ini ada peruntukan di mana andai kata seseorang melalui pencerobohan sistem atau rangkaian komputer dan memperolehi data-data secara yang tidak sah, kalau disabitkan kesalahan, orang itu boleh didenda

sebanyak RM250,000 atau dipenjarakan empat tahun atau kedua-duanya. Jika ada orang yang memperolehi data dan menyalahgunakan data itu seperti untuk menjual atau mendapat kepentingan persendirian, maka mereka boleh didenda sebanyak RM200,000 atau boleh didenda tiga tahun atau kedua-duanya. Ini semua dalam peruntukan Rang Undang-undang Perlindungan Data Peribadi yang masih dalam persediaan oleh kementerian kami. Ini adalah untuk membawa keyakinan kepada pengguna dan rakyat Malaysia di mana dalam satu trend di mana kita tidak boleh mengelakkan daripada penggunaan komputer atau penggunaan transaksi melalui *online* di mana kebanyakan data-data akan secara elektronik dalam sistem Internet yang akan menjadikan satu....

Datuk Long bin Jidin: Yang Berhormat, panjang lagi?

Tuan Chia Kwang Chye: Nampaknya sebab ia panjang lagi lah.....

Datuk Long bin Jidin: Boleh sambung besok.

Tuan Chia Kwang Chye: Okay, terima kasih.

Datuk Long bin Jidin: Oleh kerana jam tepat 5.30 petang, jadi saya tangguhkan Majlis Mesyuarat hari ini dan disambung pada hari esok, 9 Ogos 2001, jam 10.00 pagi.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

6 Ogos 2001

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum, D.P.M.S.
(Dilantik)
- " Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- " Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,
Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
(Dilantik)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia (Dilantik)
- " Menteri Pendidikan,
Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed, P.S.M., D.P.M.N.,
D.P.C.M. (Dilantik)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri.
Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin
(Dilantik)
- " Timbalan Menteri Pendidikan,
Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
(Dilantik)
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, (Dilantik)
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Datuk M. Kayveas P.J.N. (Dilantik)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan
Datuk Zainudin bin Maidin, (Dilantik)
- " Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- " Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub (Dilantik)
- " Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- " Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)
- " Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- " Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun
(Dilantik)
- " Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K.,
B.K.M. (Kedah)
- " Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)
- " Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- " Dr. Charlie Chau-Lap Chang (Dilantik)
- " Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)

- “ Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)
- Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
- " Datuk Christina Tibok Vanhouten (Sabah)
- " Datuk Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Datuk Ghazi bin Haji Ramli, D.P.M.S., D.I.M.P.
(Selangor)
- “ Dato' Hamzah bin Zainudin (Perak)
- “ Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)
- “ Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
- “ Tuan Ho Lim Teck (Melaka)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye (Dilantik)
- “ Puan Jaya Partiban (Dilantik)
- “ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
- “ Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)
- “ Tuan Haji Karim bin Salleh (Perlis)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Tuan Kee Ah Kau (Selangor)
- “ Dato' Lee Pit Chern (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)
- “ Datuk Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae,
(Dilantik)
- “ Dato' Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Dato' Haji Mazlan bin Abu (Johor)
- “ Puan Hajah Melati binti Ali (Pahang)
- “ Puan Melanie Chia Chui Ket (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K.,
S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A.
(Dilantik)
- “ Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani (Dilantik)
- " Tuan K. R. A. Naidu (Dilantik)
- “ Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)
- “ Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)

- " Dato' Poo Yew Choy, D.I.M.P., A.M.P. (Pahang)
- " Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan M. Ratnam (Dilantik)

- " Tuan M. Saravanan (Dilantik)
- " Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
- " Tuan R. Sinniah (Dilantik)
- " Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
- " Puan See Too Mee (Johor)
- " Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)
- " To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- " Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
- " Tuan Wee Kok Tiong (Dilantik)
- " Tuan Yew Teong Look (Dilantik)
- " Tuan Yew Tuan Chiew (Perak)
- " Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)
- " Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA

PEGAWAIPEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara

Dato' Abdullah Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah

Zamani bin Haji Sulaiman

Haji Mustakin bin Selamat

Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman

Mazidah binti Mohamed

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

Mejar (B) Zakaria bin Salleh

Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop

Mohamed bin Osman

Hajah Norishah binti Mohd. Thani

Shamsina binti Janor

Ramlah binti Mohd. Yusuff

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Nurziana binti Ismail

Noor Effarizan binti Mat Satib

Taharah binti Mohamed

Nik Elyana binti Ahyat

Marzila binti Muslim

Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER

Mohd Shah bin Rahman

Sulaiman bin Sirad

Azzahar bin Hashim

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub

Haji Latif bin Ismail

Kamaroddin bin Mohd. Yusof

PARLIMEN KESEPULUH**PENGGAL KETIGA****MESYUARAT KEDUA**

Jilid III**Bil. 20****Rabu****8 Ogos 2001**

K A N D U N G A N**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)**RANG UNDANG-UNDANG:**

- Rang Undang-undang Pendaftaran Perniagaan (Pindaan) 2001 (Halaman 24)
- Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos (Pindaan) 2001 (Halaman 44)
- Rang Undang-undang Lembaga Letrik Sabah (Pindaan) 2001 (Halaman 69)
- Rang Undang-undang Tandatangan Digital (Pindaan) 2001 (Halaman 77)

USUL:

- Meminda Susunan Aturan Urusan Mesyuarat
Di Bawah Peraturan Mesyuarat 13(2) (Halaman 40)